

TOKOH YANG KUKOH

dalam kesusasteraan Melayu
lama dan baru

AGUS SALIM

dengan

SEJARAH SASTERA

oleh

Abdul Ghani Abdul Aziz dan Agus Salim



TOKOH YANG KUKOH

DALAM
KESUSASTERAAAN MELAYU
LAMA DAN BARU

oleh
AGUS SALIM

DENGAN
SEJARAH SASTERA

oleh
ABDUL GHANI ABDUL AZIZ
dan
AGUS SALIM



楊貴莊珍藏
Koleksi Yang Puat Yee

PENERBITAN PUSTAKA NASIONAL
SINGAPURA
1966

*Penerbitan Pustaka Nasional
40 Kandahar Street
Singapura*

HAK PENGARANG TERPELIHARA

Chetakan Pertama 1966
© PUSTAKA NASIONAL

HARGA \$2.75

Di-cetak oleh
**MALAYSIA PRINTERS LIMITED
SINGAPURA**

PENDAHULUAN

BAHASA MELAYU telah di-akui oleh kerajaan menjadi bahasa kebangsaan Tanah Melayu sejak negeri ini mencapai kemerdekaan-nya pada 31hb. Ogos 1957. Di-dalam perlembagaan pula telah di-tetapkan bahawa BAHASA MELAYU akan di-jadikan bahasa rasmi pada tahun 1967. Jadi jangka waktu sa-puluh tahun itu di-berikan kepada orang ramai dari berbagai bangsa untuk menguasai bahasa kebangsaan yang akan di-jadikan bahasa rasmi itu.

Dalam keadaan itu-lah bahasa Melayu mendapat perhatian besar dan sa-terus-nya sedang di-usong untuk di-letakkan di-atas takhta keagungan-nya seperti yang pernah di-chapai di-dalam kebesaran kerajaan Melayu Melaka dahulu.

Sa-benar-nya BAHASA MELAYU suatu bahasa besar yang pernah menjadi lingua franca Asia Tenggara. Jenerasi kita hari ini chuma menerima pusaka bahasa yang telah berjaya. Oleh itu dalam sa'at2 bagini-lah patut kita mengenang kembali tokoh2 bahasa dan kesusasteraan Melayu yang telah berjuang menghidup, mempersubor bahasa dan kesusasteraan kita ini.

Dari kesedaran ini-lah saya berusaha menulis buku "Tokoh yang Kukoh" ini untuk menjadi kenangan seluruh masharakat hari ini dan sa-terus-nya kepada jenerasi kita akan datang.

Oleh kerana tulisan ini saya siapkan di-dalam jangka waktu yang panjang tentu-lah pandangan-nya ada yang berbedza di-dalam memperkatakan sa-saorang tokoh. Lebeh2 lagi tokoh2 yang sudah begitu lama meninggalkan kita. Bagitu pula pada dasar-nya maseh ada perkaitan dan persatuan yang dapat saya pertanggungjawabkan.

Agak-nya seperti nasi tidak berlauk kalau pengenalan tokoh kesusasteraan ini tidak di-sertakan dengan sejarah-nya. Dan Enche' Abdul Ghani bin Abdul Aziz telah bermurah hati turut menyumbangkan bahagian sejarah kesusasteraan yang ada pada permulaan buku ini.

Akhir-nya terima kaseh saya kepada kawan2 yang sudi memberi tegoran serta perangsang. Bagitu-lah juga kepada penerbit ini yang memberi kesanggupan untuk mengusahakan buku ini hingga sampai ka-tangan pembacha sakalian.

Agus Salim.

ISI

	MUKA
Pendahuluan	v
Pengenalan	1
SEJARAH SASTERA	9
Kesusasteraan sa-belum mengenal huruf (11) Cherita2 Binatang (14) Cherita2 Jenaka (24) Cherita2 Penglipor Lara (26) Sastera Tulisan (28) Kesusasteraan Zaman Hindu (29) Cherita2 Panji (33) Kesusasteraan Zaman Islam (35) Pati Cherita Hikayat Bakhtiar (39) Kesusasteraan Zaman Baru (41)	
TOKOH YANG KUKOH	45
HAMZAH FANSURI	47
BUKHARI AL-JAUHARI	61
TUN SERI LANANG	72
SHAIKH NURUDDIN AL-RANIRI	91
MUNSHI ABDULLAH	100
RAJA ALI HAJI	123
MUHAMMAD IBRAHIM MUNSHI	136
SYED SHAIKH AL-HADI	150
AHMAD RASHID TALU	159
ABDUL RAHIM KAJAI	169
Bibliografi	181

PENGENALAN

Kesusasteraan Melayu tidak dapat berkembang kalau tidak ada tokoh2 yang membawa pembaruan. Dan perubahan2 itu tentu-lah berlaku sa-tapak demi sa-tapak mengikut keadaan masharakat sa-keliling. Oleh itu-lah pernah di-katakan bahawa kesusasteraan itu gambaran atau chermin masharakat-nya. Kesusasteraan lama menggambarkan masharakat lama, demikian juga pada kesusasteraan baru.

Tokoh2 pula ada-lah sa-bahagian daripada anggota masharakat yang mengabadikan gambaran itu dalam kesusasteraan dengan karya2 mereka. Tetapi mengapa tokoh2 kesusasteraan kita terlalu sedikit, hingga boleh di-bilang dengan jari sahaja? Jawab-nya hal ini di-sebabkan beberapa faktor yang di-lahirkan daripada suasana masharakat juga.

Di-dalam zaman permulaan timbul-nya kesusasteraan sudah pasti-lah tidak dapat membuktikan tokoh2-nya kerana hasil sastera itu lahir dari penutoran sa-mata2. Sa-telah masharakat Melayu mengenal dan tahu menggunakan tulisan, karya sastera pun masch tidak dapat menunjokkan tokoh2. Kejadian ini tidak lain di-sebabkan masharakat yang belum tahu menghargai sa-saorang pengarang-nya. Malah nasib sa-saorang pengarang mungkin terancham kerana masharakat feodal itu tidak mengingini kritik2 terhadap raja2.

Keseluruhan karya kesusasteraan zaman itu menggambarkan alam khayal sahaja. Cherita dewa2 yang membawa watak2 asing dari manusia di-bumi nyata ini. Kesah itu berlaku di-kayangan di-mana gambaran tentang kekuatan dewa2 dan kechanteakan puteri2-nya sa-mata2.

Manakala manusia-nya dari kalangan istana sahaja. Raja2 yang tidak ada bandingan tentang kebesaran-nya, sama ada pada kerajaan atau kehandalan-nya dengan puteri2 yang tidak ada tara-nya dan pahlawan2 yang gagah perkasa.

Memandangkan isi kesusasteraan saperti di-atas itu sudah tentu-lah masharakat-nya tidak berkehendakkan penga-

rang2 yang berpandangan luas, lebeh2 lagi yang berjiwa keritis. Oleh itu-lah pengarang2 yang sedikit sa-banyak-nya ada menyemaikan bench pemikiran luas tidak menchatetkan nama-nya pada karya2 mereka itu.

Hanya pada awal abad yang ketujuh-belas baharu-lah teradisi pengarang2 Melayu itu mula berubah. Karangan2 mereka lahir di-sertakan dengan nama pengarang, masa di-karang dan tempat pengarang itu menghasilkan karya-nya. Dengan itu teradisi pengarang2 sa-belum-nya yang menghasilkan sa-suatu karangan menjadi hak ramai dan boleh menyalin serta menokok tambah pada karya sa-belum-nya pun terputus-lah.

Perkara ini timbul di-sebabkan mereka tidak menulis kesah dewa2 dan raja2 lagi. Mereka terdiri daripada ulama'2 yang mengembangkan agama Islam. Bersesuaian dengan ideoloji agama itu sendiri yang tidak mengamalkan dasar feodalism, telah membolehkan pengarang2 menyebarkan pandangan mereka masing2 yang tidak di-kongkong oleh sa-suatu puak atau pehak sahaja. Kerana itu-lah ulama'2 itu tidak takut2 untok menchatetkan nama masing2 pada karya mereka.

Pengarang2 yang terdiri daripada ulama'2 pengembang agama Islam itu berkumpul di-Acheh, ia-itu sejak negeri itu menaiki zaman kegemilangan-nya pada awal abad yang ketujuh-belas. Apabila Acheh sampai ka-kemunchak kebesaran-nya di-bawah pemerentahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam timbul-lah beberapa orang pengarang daripada ulama'2 itu tadi. Di-antara-nya yang terkenal Hamzah Fansuri, Bukhari al-Jauhari, Shaikh Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf Singkil dan Shamsuddin al-Samaterani.

Salah sa-orang daripada ulama' itu bernama Hamzah Fansuri telah membawa faham tarikat wujuddiah. Beliau mengikuti ilmu solok yang menchari hakikat Allah dari lahir di-dalam masa beramal. Oleh itu pendapat2 beliau yang menjadi karya sastera itu merupakan falsafah ketuhanan.

Segala pendapat2 beliau itu tertulis di-dalam bentok shaer. Dengan itu masharakat Melayu yang mengenal puisi berisikan cherita kaseh sayang telah di-bawa ka-alam falsafah

dengan bahasa yang indah dan sangat mengkagumkan sa-kali. Kehalusan dan ketinggian daya pemikiran beliau di-dalam karya sastera-nya tidak dapat di-nafikan. Hal ini ternyata seperti potongan shaer-nya di-bawah ini:

Satukan hangat dan dingin!
Tinggalkan loba dan ingin!
Hanchor hendak seperti lilin,
Maka-nya dapat kerja-mu licho.

Hapuskan akal dan rasa-mu!
Lenyapkan badan dan nyawa-mu!
Pechahkan hendak kedua mata-mu,
Di-sana-lah lihat permai rupa-mu.

Hunuskan pedang! bakarkan sarong!
Ithbatkan Allah! nafikan patong!
Laut tauhid juga kau harong!
Di-sana engkau tempat bernaung.

Tokoh Bukhari al-Jauhari telah menunaikan permintaan Sultan Aceh tadi dengan sa-buah buku berkenaan ketatanegaraan yang di-beri nama "Tajus-Salatin" atau Mahkota Segala Raja2 pada tahun 1603. Buku yang menyatakan peratoran pemerentahan bersendikan pandangan agama Islam itu sungguh kuat mempengaruhi kalangan raja2 zaman-nya. Oleh kerana itu-lah pada tahun 1638 Sultan Iskandar Thani yang menggantikan takhta kerajaan Aceh meminta Shaikh Nuruddin al-Raniri menghasilkan buku sa-rupa itu dengan nama "Bustanus-Salatin" atau Taman Segala Raja2. Memang-lah buku ini berisikan peratoran pemerentahan bersendikan agama Islam dengan sedikit sejarah tentang sultan-nya itu tetapi sayang-nya tidak dapat menghilangkan pengaruh buku peratoran pemerentahan yang terdahulu itu.

Walau pun Bustanus-Salatin tidak dapat menandingi pengaruh buku Tajus-Salatin itu, tetapi ia mempunyai nilai sastera yang dapat menyaingi-nya.

Dalam awal abad yang ketujuh-belas ini juga dari Ke-

rajaan Melayu Johor Tua ia-itu pada tahun 1612 lahir "Sejarah Melayu" yang di-usahakan oleh Tun Seri Lanang. Karya Bendahara Johor ini telah menjadi sa-buah klasik Melayu yang terkenal. Isi-nya masch berlegar di-sekitar kebesaran dan keagongan kerajaan dan kalangan istana. Tetapi bahasa dan pengolahan cherita-nya amat halus serta mendalam. Tidak sadikit bersulamkan falsafah² yang tinggi dan mempunyai nilai sastera yang istimewa hingga menjadi sa-buah klasik yang agong.

Bahasa Melayu persuratan dan bahasa istana bagitu tulin dan murni. Keindahan-nya terasa di-mana² sahaja bila pengarang-nya menggambarkan suasana pada cherita²-nya. Sa-olah² kekuatan pengarang-nya tertumpu di-dalam hal karangan kesusasteraan, pada hal buku itu bertujuan menchatet kesah raja² dan adat isti'adat-nya. Kalau-lah pengarang-nya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dan bakat kesusasteraan sudah tentu-lah buku-nya itu merupakan sa-buah buku pengetahuan tawarikh dan adat isti'adat sahaja.

Kelahiran karya-nya itu telah mengangkat bahasa dan kesusasteraan Melayu lama ka-tingkat yang paling tinggi sakali dalam zaman-nya. Bagitu pun kesusasteraan zaman itu sadikit pun belum menyentuh persoalan manusia bawahan. Manusia yang hidup-nya bergantung kapada kekuatan diri sendiri. Zaman itu dapat di-katakan sastera itu kepunyaan kalangan istana jua.

Pada pertengahan abad yang kesembilan-belas baharu-lah kesusasteraan Melayu di-bawa ka-peringkat manusia bawahan. "Hikayat Abdullah" yang di-hasilkan oleh Munshi Abdullah itu lahir pada tahun 1840. Abdullah lahir dan di-besarkan di-kalangan ra'ayat biasa dari keturunan champoran Tamil-Arab. Dalam hidup-nya beliau bergaul dengan pegawai² Inggeris yang membawa kebudayaan Barat.

Daripada tarikh ini-lah kesusasteraan sudah mengambil peranan penting sa-bagai penyedar kapada ra'ayat biasa. Kerana ia mengesahkan masharakat bawahan; dari keadaan

hidup, chara berfikir dan kebudayaan-nya. Oleh itu sastera tidak lagi sa-bagai hasil pemujaan terhadap kalangan istana dan pengarang sendiri mempunyai tugas yang lebeh luas dan berat.

Kesusasteraan tidak lagi berada di-kalangan istana, malah telah merangkak dan merayap ka-seluruh cherok rantau. Menghidu segala yang burok dan busok². Menyelongkar kotoran yang sa-belum-nya masch tertimbus dengan suasana kedaulatan sultan². Tetapi persoalan-nya masch terlalu umum. Pandangan-nya pun sa-chara keselurohan sa-mata². Kesusasteraan belum mempersoalkan batang tuboh sa-saorang manusia bawahan sa-chara lebeh halus dan teliti.

Sa-suku abad kemudian ia-itu pada tahun 1865 lahir-lah "Tuhfat al-Nafis" atau Hadiah Yang Bernilai dari karya Raja Ali Haji. Beliau yang terdidik di-kalangan istana itu telah menulis kesah² istana juga. Oleh kerana itu sa-tengah² penyelidik telah meninggalkan beliau di-dalam memperkatakan kesusasteraan Melayu baru. Kerana karya beliau masch berunsor lama. Tetapi satu jasa besar beliau yang tidak barus di-ketepikan ia-lah tentang tarikh² yang betul di-dalam karya-nya yang merupakan sejarah itu.

Memang sa-benar-nya karya beliau itu satu sejarah yang kedua penting-nya dari Sejarah Melayu di-dalam penye-lidekan sejarah tanah ayer kita ini. Bagitu pun buku "Tuhfat al-Nafis" masch mempunyai nilai kesusasteraan yang dapat di-pertahankan daripada di-tinggalkan bagitu sahaja.

Sa-belum menchapai akhir abad yang kesembilan-belas lahir-lah sa-orang tokoh dari keturunan Munshi Abdullah. Beliau ia-lah Muhammad Ibrahim Munshi anak kapada Munshi Abdullah sendiri. Beliau melanjutkan usaha bapanya dengan menulis kesah pelayaran yang di-beri nama "Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi" munchul pada tahun 1872.

Hingga zaman ini kesusasteraan Melayu masch berada di-peringkat awal perkembangan-nya. Masharakat baru berkenalan dengan suasana dan serba sadikit persoalan masharakat bawahan. Tetapi mereka belum lagi dapat melihat

watak2-nya seperti yang telah mereka saksikan di-dalam kesusasteraan kalangan istana sa-belum-nya.

Tokoh Syed Shaikh al-Hadi yang menghasilkan "Hikayat Faridah Hanum" pada tahun 1926 itu telah mengenalkan masharakat Melayu dengan suatu bentuk baru di-dalam kesusasteraan. Beliau telah menulis dalam bentuk nobel moden di-mana watak manusia bawahan itu di-perlihatkan dengan persoalan hidup mereka sa-hari2.

Sejak ini-lah kesusasteraan mula memperlihatkan manusia bawahan dari segala aspek hidup-nya seperti yang pernah di-lakukan terhadap raja dalam sastera sa-belum-nya. Dari manusia itu di-lahirkan kegemaran, keistimewaan, keburokan dan segala yang bersangkutan dengan hidup watak serta masharakat-nya.

Karya Syed Shaikh al-Hadi itu walau pun sudah sanggup mendedahkan persoalan segala lapangan hidup manusia bawahan, tetapi manusia dan tempat kejadian itu bukan di-tanah ayer ini. Beliau bercherita tentang manusia Arab dan berlaku di-Mesir. Oleh itu nobel beliau belum dapat di-katakan menchukupi syarat sa-buah nobel yang tulin.

Kepinchangan bentuk nobel di-alam kesusasteraan kita telah di-perbaiki oleh tokoh Ahmad Rashid Talu yang telah menghasilkan "Kawan Benar" pada tahun 1927. Beliau telah menulis nobel-nya itu dengan bahan2 tempatan. Dan ini-lah satu2-nya karya terawal yang membawa perkembangan nobel di-alam kesusasteraan kita sa-lanjut-nya.

Oleh itu dua orang tokoh ini tidak dapat di-pisahkan di-dalam perkembangan kesusasteraan kita, lebeh2 lagi di-dalam memperkatakan nobel Melayu moden.

Tokoh Abdul Rahim Kajai yang telah menghasilkan karya2 sastera-nya sejak tahun 1934 hingga 1939 itu membawa sa-buah bentuk baru lagi di-dalam kesusasteraan Melayu. Karya2-nya yang berbentuk cherpen itu telah menjadikan beliau sa-orang tokoh pelopor di-dalam penulisan cherpen Melayu. Yang mana kemudian-nya ternyata bentuk cherpen itu lebeh di-sukai oleh pengarang2 dan masharakat Melayu umum-nya. Malah dari kesusasteraan yang berbentuk cherpen ini-lah yang pernah mempengaruhi se-

luruh masyarakat Melayu dengan menggerakkan perasaan mereka untuk mencapai kemerdekaan tanah air-nya di samping perjuangan tokoh2 politik-nya.

Sa-puluh orang tokoh yang terkumpul di-dalam "Tokoh yang Kukuh" ini benar2-lah merupakan pelopor2 perkembangan kesusasteraan Melayu di-dalam memperlengkap diri untuk menuju ka-merchu kegemilangan-nya.

SEJARAH SASTERA

oleh

ABDUL GHANI BIN ABDUL AZIZ

DAN

AGUS SALIM

KESUSASTERAAN SA-BELUM MENGENAL HURUF

Perkataan kesusasteraan berpokok dari kata 'sastera'. Asal-nya dari bahasa Sanskrit. Bahasa itu di-pakai oleh orang2 Hindu zaman purbakala. Orang2 Melayu zaman itu berchampur dengan mereka dan mengambil perkataan tersebut.

Sastera berma'ana huruf atau buku. Susastera berma'ana buku atau karangan yang indah dan berfaedah. Kesusasteraan berma'ana kumpulan buku2 yang indah bahasa dan baik isi-nya. Dan ma'ana yang lebeh luas ia-lah hasil seni sa-suatu bangsa yang meliputi beberapa soal melalui tulisan.

Oleh itu kesusasteraan sa-suatu bangsa di-kira daripada permulaan bangsa itu dapat mengenal huruf dan pandai menggunakan tulisan. Bagitu pun sa-belum sa-suatu bangsa itu tahu menggunakan tulisan, memang-lah telah ada gubahan2 bahasa yang bernilai sastera. Gubahan2 ini-lah yang dinamakan kesusasteraan sa-belum mengenal huruf.

Bangsa Melayu sendiri sa-belum mengenal huruf mereka telah berjaya menggubah susunan kata2 yang indah dan mempunyai pengertian yang khas serta bernilai sastera. Susunan kata2 itu tidak dapat di-ubah2 lagi, kerana ia-nya telah cukup sesuai dan lengkap.

Pada hari ini susunan kata2 itu lebeh terkenal dengan nama peribahasa, yang mana di-dalam-nya terkandung simpulan bahasa, bidalan, pepatah, perbilangan, perumpamaan dan lain2 lagi. Bagitu-lah juga dengan bahasa berirama banyak juga yang sedia ada, yang mana sa-tiap hari di-gunakan-nya. Antara-nya yang di-kenali ramai ia-lah pantun, gurindam, seloka dan sa-umpama-nya.

Biasa-nya bukan semua manusia dapat menggubah susunan kata2 yang indah saperti demikian itu, kechuali mereka

yang mempunyai ketajaman mata dan mempunyai kebolehan yang luar biasa sahaja. Mereka dapat menggunakan mata hati dan benda2 di-sakeliling-nya sa-bagai kiasan dan perumpamaan yang tepat. Dengan itu lahir-lah peribahasa dan bahasa berirama saperti mana yang tersebut di-atas itu.

Sa-lain daripada mereka itu, pawang2 dan bomoh2 juga telah mengambil peranan penting di-dalam hal ini. Kerana biasa-nya pada zaman dahulu orang2 Melayu sangat perchaya dengan mereka itu pada berkuasa menghindarkan hantu, jembalang, pelesit dan shaitan daripada merasok sa-saorang dengan menggunakan jampi2 dan serapah. Kata2 jampi dan serapah itu tidak dapat di-faham oleh orang2 sembarangan, ayat2-nya juga ada-lah tertentu dan tidak dapat di-ubah2 saperti mana peribahasa dan bahasa berirama juga.

Serapah dan jampi ini tidak-lah chuma terbatas pada menghindarkan hantu, jembalang, pelesit itu sahaja, bahkan ada pula di-gunakan oleh pemuda2 sa-bagai pengasch. Do'a atau jampi serapah itu di-bacha pada bunga dan kemudian di-berikan kepada gadis yang di-puja-nya. Antara do'a atau jampi serapah yang di-gunakan untok pengasch itu ia-lah:

Hai si ama kuning
 Hai ama gila
 Hai ama kaseh sayang
 Aku na' minta-mu kaseh sayang pada-ku
 Kalau mu ta' kaseh kapada-ku,
 Derhakalah-mu kapada Allah.
 Hai jin puteh sejati tunggal
 Aku tusangkan bulu ruma-ku
 Aku na' minta-mu menyampaikan kehendak-ku
 Kelak aku menyampaikan kehendak-mu
 Kalau mu ta' menyampaikan kehendak-ku
 Derhakalah-mu kapada Allah
 Sidi guru sidi-lah aku
 Sidi berkat kata La-ilaha illallah,
 Muhammadur-Rasulullah.

Di-sebabkan telah menjadi kebiasaan kepada orang2 Melayu yang bersifat lemah lembut itu, memberi nasihat kepada sa-saorang tidak dengan tepat. Mereka dengan tidak langsung telah berjaya menghasilkan beberapa cerita asli dengan bertujuan mendidik dan membaiki akhlak. Dengan tujuan ini-lah mereka telah dapat memerahkan otak mereka dan melahirkan beberapa cerita Burong Terkukor, Bawang Putih Bawang Merah, Batu Belah Batu Bertangkup, Hantu Bungkus, Langsoyer, Nakhoda Tenggara dan lain2 lagi.

Masa mereka berbual, tidak-lah chuma bual2 kosong, tetapi mereka ta' kurang juga menchuba kebolehan atau kepintaran rakan2 mereka itu. Dengan ini lahir-lah tekateki seperti:

'Banyak2 mata, mata apa yang besar sa-kali.'
dan lain2.

Kalau di-telek daripada pengertian sastera yang sa-benar, tekateki seperti itu tidak-lah boleh di-katakan sastera yang bernilai. Tetapi walau bagaimana pun masih banyak lagi pantun2 yang berupa tekateki di-gubah dengan menggunakan kata2 yang indah dan lebeh menarek. Sa-bagai dalil-nya chuba perhatikan tekateki yang berupa pantun di-bawah ini, biasa-nya orang yang mengeluarkan kata2 itu tidak menyebutkan sampai habis, chuma pada rangkap yang pertama sahaja dan maksud-nya akan di-faham sendiri.

Ada ubi ada-lah batas.

di-fahamkan: Kalau ta' mati boleh-lah balas.

Hujung bendol di-dalam semak.

di-fahamkan: Kerbau mandol banyak lemak, atau;

Mak mandol tiada anak.

Lain dulang lain kaki-nya.

di-fahamkan: Lain orang lain hati-nya.

Sa-lain daripada tekateki yang berupa pantun sa-rupa itu masih banyak lagi susunan kata2 indah berupa nyanyian kanak2 seperti Oh Bangau, Ikan Kekek dan sa-bagai-nya.

Kesemua bentuk kesusasteraan yang telah di-sebutkan ini ada-lah termasuk ka-dalam jumlah jenis puisi, ia-itu karangan atau susunan kata yang berangkap dan indah serta bernilai sastera.

Cherita2 Binatang:

Orang2 Melayu sejak perpindahan daripada bahagian tengah dan timor benua Asia lagi, ia-itu daripada negeri Yunan telah terkenal sa-bagai suatu bangsa yang handal di-dalam pelayaran. Hal ini telah pun di-akui oleh pakar2 sejarah di-dalam menerangkan asal usul keturunan bangsa Melayu. Daripada Yunan mereka bergerak ka-selatan, kemudian belayar mengharongi laut sampai ka-Pulau Kasta, kemudian ka-Madagascar. Pada awal2 abad Masehi mereka telah ka-Pulau2 Indonesia, Tanah Melayu, Borneo dan Pulau2 Philipina. Pada akhir2-nya pula mereka telah belayar di-antara satu tempat ka-satu tempat di-seluruh Asia Tenggara dan India. Jadi ta' hairan-lah kalau di-dalam cherita2 Melayu terutama di-dalam cherita2 mergastua atau cherita2 binatang mempunyai persamaan dengan cherita2 orang2 Hindu di-India. Cherita2 binatang bangsa Melayu ada-lah sa-mata2 sadoran daripada cherita2 bangsa asing. Tegasnya daripada bangsa Tamil India, cherita2 orang Melayu itu memang telah sedia ada di-dalam buku2 cherita Hindu, di-antara-nya yang tertua bernama Jantaka, Panchatanderam dan Kata Sarit Sagara.

Walau pun sadoran, tetapi orang2 Melayu dengan sa-chara tidak langsung telah berjaya memecahkan cherita2 binatang itu kepada tiga bahagian besar. Pertama di-cheritakan mengapa sa-suatu jenis binatang itu bersifat seperti yang di-ketahui hari ini. Sa-bagai contoh-nya cherita; mengapa harimau berbelang, mengapa ekor puyoh pendek, mengapa hidong babi kembang dan lain2 lagi ada-lah di-jeniskan kepada cherita itu. Hari ini cherita yang berupa demikian dinamakan *Etiological Tales*.

Sa-lain daripada cherita binatang yang demikian itu, di-cheritakan pula akan perihal binatang yang besar dan kuat

dapat di-alahkan oleh binatang2 yang kecil lagi lemah. Cerita ini ada-lah bermaksud memberi pengajaran. Di-dalam buku Panchatanderam ada mencheritakan berkenaan siput mengalahkan sang kanchil. Begitu juga di-dalam cerita Inggeris anab dapat di-kalahkan oleh kura2 yang pendek kaki-nya. Di-dalam bahasa Melayu pula di-cheritakan sa-umpama itu juga, tetapi nama binatang itu telah di-tukar dengan binatang tempatan yang di-agak lebeh sesuai. Kalau di-dalam cerita Hindu di-antara sang kanchil dengan siput, maka di-dalam bahasa Melayu pula di-katakan di-antara belang dengan siput. Di-dalam perlawanan antara keduanya itu dengan kepintaran siput, ia dapat mengalahkan belang yang mana akhir-nya menjadi hamba kapada-nya sa-umur hidup konon. Itu-lah hingga ka-hari ini bila ayer pasang sahaja, belang akan berbunyi, sa-olah2 memberi tahu kapada siput supaya naik ka-darat kerana ayer sudah mulai pasang. Cerita yang demikian di-namakan *Fables* atau cerita2 *Didaktis*.

Bukan itu sahaja malah tidak ketinggalan pula cerita2 daripada sa-jenis binatang yang mengambil peranan penting di-dalam-nya. Daripada sa-ekor binatang itu, telah melibatkan berjenis2 binatang lain yang turut mengambil bahagian. Di-dalam masyarakat Melayu binatang ini terkenal dengan nama sang kanchil, ia-nya bukan sahaja cerdek hingga dapat menipu berbagai binatang, bahkan manusia juga dapat di-tipu-nya. Cerita ini-lah yang menyatakan ekor sang kanchil pendek. Demikian konon cerita-nya:

Pada zaman dahulu ada sa-orang peladang yang tolol telah berjaya menjerat sa-ekor kanchil. Dia sangat suka dengan hasil tangkapan-nya itu. Di-dalam perjalanan pulang, peladang itu beberapa kali menyebut2 'gulai', erti-nya dia akan menyembelih kanchil itu dan menggulai-nya. Sebutan itu di-dengar oleh sang kanchil, ia mula susah hati sambil memikirkan bagaimana hendak melepaskan diri. Akhirnya ia pun berkata kapada peladang itu, "Wahai tuan hamba yang budiman, ka-mana-kah tuan hamba akan membawa hamba ini?" Maka jawab peladang itu, "Aku na' bawa pulang dan sembelah kau, untok ku-makan." Ia mengamati

jawapan peladang itu. Sa-bentar kemudian ia pun berkata lagi. "Kalau tuan hamba hendak sembeleh hamba ini molek juga. Tetapi hamba ada satu perkara hendak nyatakan kepada tuan hamba."

"Apa perkara-nya?" Tanya peladang itu.

"Hamba ini ada-lah lain daripada binatang yang lain. Kalau tuan hamba hendak sembeleh hamba tidak-lah di-leher."

"Kalau begitu di-mana, kalau bukan di-leher?" Tanya peladang itu lagi.

"Hamba selalu-nya di-sembeleh orang di-ekor, chuba lihat ekor hamba ini, bukan-kah panjang dan leher hamba pula pendek." Jawab kanchil itu sambil memendekkan leher-nya.

"Oh begitu." Jawab peladang itu.

Apabila sampai di-rumah-nya, ia pun mengambil pisau lalu menyembeleh ekor kanchil itu. Kemudian di-buka-nya ikatan kaki kanchil itu agar senang dia menggelepar. Pada mula-nya kanchil itu pura2 menggelepar saperti hendak mati. Tetapi sa-telah peladang itu jauh sedikit daripada-nya, ia pun dengan tengkas lari masuk ka-dalam hutan.

Peladang itu amat menyesal mendengar perkataan kanchil itu. Baharu-lah ia sedar yang ia telah tertipu. Bagitu-lah cherita-nya kanchil menipu manusia.

Bukan itu sahaja, bahkan maseh banyak lagi cherita2 kanchil menipu, di-antara-nya termasuk-lah harimau, buaya dan lain2 binatang. Walau bagaimana pun saperti kata perumpamaan Melayu sa-pandai2 tupai melompat akhir-nya jatuh ka-tanah juga. Bagitu-lah dengan kanchil. Akhir-nya ia mati tatkala menyeberang sungai bersama2 bangau di-atas kerak nasi. Pada mula-nya ia berharap bangau itu akan mati kelelasan apabila kerak itu kembang dan pechah, tetapi malang-nya hal itu berlaku di-atas diri sendiri juga. Cherita sa-umpama ini di-namakan *Epik*.

Sa-lain daripada jenis *Epik* ada pula cherita2 yang berbentuk *Mythology* ia-itu cherita2 yang mempunyai unsur2 agama dan keperchayaan tempatan terhadap benda2 yang dianggap keramat. Bagitu-lah juga dengan cherita2 yang

menyebabkan terbit2-nya nama sa-suatu tempat, asal keturunan raja dan sa-bagai-nya.

Lain2 cherita ada-lah membayangkan kegagahan, kesaktian, kekuatan dan kebolehan yang luar biasa sa-saorang pahlawan saperti Hang Tuah, Badang dan lain2 lagi yang mana di-jeniskan ka-dalam cherita2 *Legenda*. Sa-buah daripada yang terbesar ia-lah Hikayat Hang Tuah.

Hang Tuah ia-lah pahlawan bangsa Melayu yang bersifat perwira, bijaksana, setia, pengaseh dan berbagai sifat yang mulia2. Ia terkenal dalam zaman kebesaran kerajaan Melayu Melaka. Keperwiraa-nya saperti yang di-buktikan dalam mengalahkan beberapa orang pahlawan yang terkenal dalam zaman-nya. Mereka itu termasuk Taming Sari — sa-orang perajurit Majapahit yang jempulan. Hang Tuah juga mengenal puteri Gunung Ledang dan pernah bertemu dengan Nabi Khidzir, ia-itu salah sa-orang nabi yang ta' mati2 di-dunia serta pernah masok ka-liang kubor kerana melihat keadaan orang yang telah mati. Dan satu perkara lagi yang dapat di-banggakan, Hang Tuah-lah satu2-nya anak Melayu yang ulong mendapat gelaran laksamana.

Berkenaan cherita2 Hang Tuah ini pula terdapat di-dalam tiga buah buku yang berlainan nama-nya, ia-itu Sejarah Melayu, Tuhfat al-Nafis dan Hikayat Hang Tuah sendiri.

Bagitu pun ketiga2 buah buku itu mempunyai perbedzaan2 pada mencheritakan hal Hang Tuah. Bagi melihat perbedzaan2-nya, buku Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah lebeh tepat, kerana kedua2-nya lebeh tua daripada buku Tuhfat al-Nafis. Perbedzaan yang sangat nyata ia-lah:—

- i. Sejarah Melayu tiada menyebut asal usul Hang Tuah. Tiada di-ketahui keturunan dan riwayat-nya. Hikayat Hang Tuah ada menyatakan Hang Tuah berasal dari keluarga yang miskin yang tinggal di-Sungai Duyong. Ayah-nya bernama Hang Mahmud dan ibu-nya Dang Merdu Wati. Tetapi Tuhfat al-Nafis menyatakan berlainan sa-kali dan terlalu sukar hendak di-terima, kerana menurut-nya Hang Tuah itu ia-lah Daeng Mempawah berasal dari Bugis.

- ii. Tentang kesah pertikaman antara Hang Tuah dengan salah sa-orang sahabat-nya. Sejarah Melayu menyatakan Hang Tuah bertikam dengan Hang Kesturi, tetapi Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat al-Nafis menyebut pertikaman itu antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.
- iii. Pada kesah Tun Teja, sa-orang puteri Bendahara Pahang (Indera Pura) di-bawa lari ka-Melaka lalu berkahwin dengan Raja Melaka. Dalam Sejarah Melayu menyatakan orang yang melarikan itu ia-lah Hang Nadim, menantu Laksamana Hang Tuah. Tetapi menurut Hikayat Hang Tuah, orang itu ia-lah Hang Tuah sendiri.
- iv. Menurut buku Sejarah Melayu, Laksamana Hang Tuah telah berkhidmat kepada tiga orang Raja Melaka, ia-itu Sultan Mansor Shah, Sultan Alauddin Ri'ayat Shah dan Sultan Mahmud. Manakala Hikayat Hang Tuah pula menyatakan Hang Tuah sudah ada sejak lama sebelum Melaka di-buka, ia-itu dalam zaman Sang Maniaka; putera Sang Peri Dewa, yang merajai Bentan. Jadi mengikut Hikayat Hang Tuah, zaman yang di-lalui oleh Hang Tuah terlalu panjang, ia-itu kira2 tiga kurun lebeh.
- v. Pada akhir cherita yang kedua puluh lapan Sejarah Melayu menerangkan bahawa Hang Tuah kembali karahmatullah ta'ala dan telah di-kebumikan oleh Sultan Mahmud di-Tanjong Keling. Sa-balek-nya Hikayat Hang Tuah, menyatakan bahawa Hang Tuah tidak mati, melainkan diam di-punchak hulu Sungai Perak, menjadi raja segala Batak dan orang hutan.

Hikayat Hang Tuah ini ia-lah sa-buah buku hikayat pahlawan bangsa yang asli. Ia tidak di-sador dari mana2 hikayat asing. Bagitu pun dalam permulaan-nya ada di-dapati sa-buah kesah berchorak Hindu. Hal ini boleh di-pastikan kerana sa-masa Hikayat Hang Tuah di-tulis penga-roh kesusasteraan Hindu itu masih tebal.

Pengarang hikayat ini tidak di-ketahui, bagitu juga masa atau tarikh hikayat ini di-tulis ta' dapat di-tentukan dengan

tepat. Chuma dapat di-agakkan hikayat ini telah terkarang sa-sudah tahun Masehi 1641, sa-telah Belanda merampas Melaka daripada Portugis, kerana hikayat ini berakhir dengan kekalahan Portugis di-Melaka itu. Bagitu pun tidak-lah terkemudian daripada 1736, kerana nama hikayat ini ada tersebut dalam chatatan Werndly yang di-chetak pada tahun Masehi 1736 itu. Saripati Hikayat Hang Tuah sa-bagai berikut:

Hang Tuah berasal dari keluarga miskin. Bapa-nya bernama Hang Mahmud dan ibu-nya bernama Dang Merdu Wati. Mereka tinggal di-Sungai Duyong. Kerana kesusahan hidup di-sini, mereka pun pindah ka-pulau Bentan dan membuat tempat kediaman serta berkedai hampir dengan kampung Bendahara.

Sa-telah tinggal di-Bentan Hang Tuah bersahabat dengan empat orang kanak2 yang sa-baya dengan-nya. Mereka itu ia-lah Hang Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu. Suatu hari mereka telah pergi ka-laut dengan sa-buah perahu lading. Mereka bertemu dengan tiga buah perahu yang mengusir hingga mereka sampai ka-sabuah pulau. Di-darat pulau itu Hang Tuah dan sahabat2-nya telah menentang musuh itu dengan melukakan beberapa orang di-antara mereka, yang lain telah lari menyelamatkan diri. Berita keberanian dan kejayaan mereka itu telah sampai kapada Bendahara Paduka Raja.

Suatu hari berlaku huru-hara di-pasar kerana ada orang mengamok, masa itu Hang Tuah sedang membelah kayu api di-halaman rumah-nya. Bila orang mengamok itu sampai ka-hadapan rumah Hang Tuah lalu di-bunuh orang mengamok itu dengan kapak-nya. Keberanian Hang Tuah teruji lagi manakala sahabat2-nya ada di-rumah-nya, tiba2 berlaku lagi peristiwa orang mengamok.

Masa itu Bendahara Paduka Raja sedang berjalan di-iringi oleh segala penggawa dan pertuanan. Tetapi mereka itu telah melarikan diri apabila orang2 mengamok itu hampir, lalu tinggal-lah bendahara sa-orang diri. Hang Tuah dan keempat orang sahabat-nya telah tampil ka-hadapan bendahara lalu membunuh orang2 mengamok itu. Dari kejadian ini-

lah Hang Tuah lima bersahabat di-kasehi oleh Bendahara Paduka Raja suami isteri. Sebab itu juga-lah kelima orang itu di-ambil oleh raja menjadi biduanda di-dalam istana. Kemudian Hang Tuah telah di-lantek menjadi bentara, ia-itu sa-telah pindah ka-Melaka.

Beberapa tahun kemudian sa-telah Raja Melaka tidak berjaya meminang Tun Teja, anak Bendahara Seri Buana negeri Indera Pura (Pahang) itu, Hang Tuah telah di-titahkan pergi bersama2 dengan Pateh Kerma Wijaya dan beberapa orang pegawai2 ka-Majapahit meminang puteri Betara itu. Di-Majapahit ini Hang Tuah telah membuktikan keberanian-nya mengadap berbagai dugaan. Yang mana akhirnya peminangan Raja Melaka itu di-perkenankan oleh Betara Majapahit.

Dalam masa mengawal keselamatan Raja Melaka tatkala isti'adat perkahwinan diraja di-Majapahit itu, Hang Tuah lima bersahabat telah mengadap berbagai dugaan, tetapi semua-nya itu di-tempoh dengan jaya.

Di-Majapahit itu-lah Hang Tuah menerima gelaran Laksamana. Gelaran itu di-kurniakan oleh Betara Majapahit, sa-telah Hang Tuah berjaya membunuh sa-orang perajurit bernama Taming Sari. Kemudian ia di-kurniakan anak Sungai Jemaja pula.

Bila mereka selamat kembali ka-Melaka Hang Tuah bertambah2 di-kasehi oleh Raja Melaka. Hal ini menimbulkan perasaan dengki sa-tengah2 pegawai. Mereka membuat fitnah hingga Hang Tuah di-hukum bunoh oleh Raja Melaka. Tetapi Bendahara Paduka Raja telah menyuruh Hang Tuah berlepas barang ka-mana. Hang Tuah belayar ka-Indera Pura. Beberapa bulan lama-nya ia di-negeri itu, lalu di-larikan Tun Teja, anak Bendahara Seri Buana yang telah bertunang dengan Megat Panji Alam, Trengganu.

Tun Teja di-bawa ka-Melaka lalu di-persembahkan kepada Raja Melaka. Oleh kerana Megat Panji Alam hendak menyerang Melaka, terpaksa-lah Raja Melaka menitahkan Hang Tuah dan sahabat2-nya pergi menghalang-nya. Ia dan sahabat2-nya pergi ka-Indera Pura. Di-sini-lah Hang Jebat dan Hang Kesturi telah membunuh Megat Panji Alam dan

Megat Kembar Ali yang bertujuan hendak menyerang negeri Melaka itu.

Perkahwinan Raja Melaka dengan Tun Teja itu mendatangkan kemurkaan Betara Majapahit sebab mengenangkan puteri baginda itu di-madukan. Oleh itu Hang Tuah telah di-titahkan pergi ka-Majapahit. Di-sini pun ia menghadapi dugaan2, tetapi semua-nya dapat di-lalui oleh Hang Tuah.

Kemudian masa Raja Melaka ka-Majapahit, Hang Tuah terpaksa mengiringi baginda. Kali ini Hang Tuah terlalu berjaga2 untok keselamatan raja-nya. Beberapa kali ia menghadap lawan, bertikam dengan perajurit2 yang handal2. Bagitu pun ia terselamat daripada segala bahaya itu. Dan ia mengiringi Raja Melaka pulang ka-tanah ayer-nya.

Apabila Betara Majapahit menghantar tujuh orang pahlawan-nya ka-Melaka, Hang Tuah-lah yang menghadapi-nya. Perajurit Marga Paksi tujuh beradek itu dapat di-bunuh-nya. Oleh itu Raja Melaka bertambah kaseh dan pegawai2 pula bertambah benchi lalu memitnahkan-nya. Ia di-hukum bunoh. Tetapi sa-kali lagi Bendahara Paduka Raja menyuruh Hang Tuah berlepas ka-Hulu Melaka. Di-sini ia tinggal didusun bendahara sambil berguru kapada Shaikh Mansor.

Manakala Hang Tuah tiada, Hang Jebat yang menggantikannya. Tetapi ia telah menderhaka kapada Raja Melaka dengan berbuat chemar di-dalam istana. Tiada siapa yang dapat menentang Hang Jebat. Akhir-nya Hang Tuah di-jemput kembali lalu membunuh Hang Jebat. Sa-sudah itu sa-orang lagi perajurit pilehan bernama Kertala Sari telah datang dari Majapahit hendak mengalahkan Melaka. Perajurit ini pun dapat di-bunuh oleh Hang Tuah.

Beberapa lama kemudian Hang Tuah telah di-utus ka-negeri Vijaya Nagaram di-benua Keling. Ia pergi bersama2 Hang Kesturi yang telah mendapat gelaran Maharaja Setia. Masa pelayaran itu-lah Hang Tuah telah berjumpa dengan Nabi Khidzir. Bila sampai di-benua Keling, raja negeri Vijaya Nagaram bernama Kisna Rayana itu telah menitahkan Hang Tuah pergi membawa utusan baginda ka-benua China.

Masa di-benua China ini-lah, Hang Tuah dapat melihat rupa Raja China dengan helah-nya, ia meminta makan sayur kangkong yang tiada berkerat². Dan dalam pelayaran pulang dari benua China itu Hang Tuah serta angkatan benua Keiing telah berperang dengan angkatan Feringgi. Angkatan itu dapat di-alahkan oleh Hang Tuah.

Sa-telah balek ka-Melaka, Hang Tuah di-titahkan pula oleh Raja Melaka pergi ka-Majapahit. Ia menghantar Radin Bahar, putera Raja Melaka dengan Radin Mas Ayu, ka-Majapahit untuk di-rajakan bagi menggantikan Betara Majapahit yang telah mangkat.

Dalam pelayaran balek dari Majapahit itu, kelengkapan Melaka telah di-serang oleh angkatan Adipati Solok. Tetapi angkatan itu telah dapat di-alahkan oleh Hang Tuah. Kemudian Adipati Solok di-bawa ka-Melaka. Lepas itu baharu-lah di-hantar pulang ka-Brunei.

Lepas itu Hang Tuah di-titahkan oleh Raja Melaka pergi ka-negeri Siam. Masa di-negeri itu Hang Tuah telah membunuh enam orang pendekar² Jepun. Tetapi pada masa pelayaran pulang mereka di-serang oleh beberapa buah perahu Jepun. Bagitu pun Hang Tuah dapat mengalahkannya. Kemudian baharu-lah Hang Tuah di-titahkan oleh Raja Melaka pergi merajakan dua orang putera baginda, sa-orang di-Lingga dan sa-orang lagi di-Bentan.

Suatu masa lain negeri Indera Pura telah di-serang oleh ikan todak. Hang Nadim anak Hang Jebat telah memberi akal supaya berkotakan batang pisang. Akhir-nya ikan todak tiada menyerang lagi. Oleh itu Hang Nadim di-kurnia oleh Raja Indera Pura gelaran Orang Kaya Sang Si-Tuah, tetapi tiada lama kemudian ia telah di-fitnahkan oleh orang besar² yang dengki kapada-nya. Ia pun di-hukum bunoh oleh Raja Indera Pura.

Apabila berita ini sampai ka-Melaka, Hang Tuah telah di-titahkan oleh Raja Melaka pergi ka-Indera Pura menangkap sakalian orang² yang berbuat fitnah akan Hang Nadim itu.

Pada suatu masa Raja Melaka berangkat hendak bermain² ka-Singapura. Baginda memakan pakaian kerajaan

dengan sa-lengkap-nya. Pakaian itu termasuk-lah mahkota yang di-beri oleh ayahanda baginda di-Bukit Siguntang. Dalam pelayaran antara laut Singapura tiba2 ternampak sa-ekor ikan bersisekkan emas dan bermatakan ma'nikam terlalu indah rupa-nya. Ikan itu menimbulkan diri lalu mengikut perahu raja. Manakala raja memandang ka-bawah perahu itu, mahkota yang di-pakai itu pun jatuh ka-dalam laut.

Hang Tuah pun segera turun menyelam untok menyelamatkan mahkota itu. Sa-telah dapat lalu di-bawa-nya timbul, tetapi apabila ia hampir sampai ka-perahu datanglah buaya puteh menyambar keris Hang Tuah. Oleh kerana terkejut, mahkota yang di-tangan itu pun jatuh sa-mula ka-dalam ayer. Sejak itu Raja Melaka kehilangan mahkota dan Hang Tuah kehilangan keris-nya. Kesihatan mereka kedua pun selalu terganggu.

Tiada berapa lama dari kejadian itu datanglah sa-buah angkatan laut Feringgi menyerang Melaka. Perjuangan hebat telah berlaku antara kedua pihak. Kesudahan-nya sama2 berundur. Kapitan Gabenor — kepala angkatan Feringgi itu beroleh luka parah. Hang Tuah pun telah kena bedil hingga tiada khabarkan diri tiga hari tiga malam.

Di-sebabkan serangan angkatan Feringgi itu Raja Melaka pun menitahkan Hang Tuah dan Hang Kesturi ka-benua Rum untok membeli meriam yang besar2. Dalam pelayaran itu Hang Tuah telah singgah di-bandar Aceh lalu mengadap Sultan Sallehuddin. Bila sampai ka-Juddah Hang Tuah telah singgah berziarah ka-makam Siti Hawa. Sa-kali lagi Hang Tuah bertemu dengan Nabi Khidzir. Hang Tuah telah di-beri sa-buah chembul hikmat yang boleh menolongnya bertutor di-dalam berbagai bahasa.

Manakala sampai musim haji Hang Tuah dan Hang Kesturi berangkat ka-Mekah menunaikan segala rukun haji. Kemudian pergi menziarahi makam Nabi Muhammad s.a.w. serta kubor sahabat2 nabi. Dalam pelayaran-nya ka-negeri Rum Hang Tuah singgah di-Mesir.

Di-Rum ia dapat mengadap Raja Rum. Kemudian belayar pulang membawa bedil2 yang di-beli-nya. Suatu

masa lain Raja Melaka menitahkan Hang Tuah mengetahui hal ahwal dalam kubor. Ia menunaikan kehendak raja itu. Tiada lama kemudian Hang Tuah dan Bendahara dan Temenggong berundur dari jawatan masing2. Mereka hendak berbuat amal ibadat sahaja. Hang Tuah dudok di-Tanjong Jugra. Akhir-nya Hang Tuah menjadi raja segala Batak dan orang hutan di-hulu Sungai Perak.

Cherita2 Jenaka:

Walau pun orang2 Melayu belum mengenal tulisan tetapi bukan-lah bererti mereka hanya ashek berkisar dan menchukupi dengan peribahasa, bahasa beritama, tekateki, jampi serapah sahaja, bahkan juga mereka tidak luput daripada menyador dan menchipta cherita2 jenaka pula.

Kalau di-dalam cherita2 binatang kebanyakan cherita2 orang Melayu itu di-sador daripada cherita2 Tamil, maka tidak kurang pula dengan cherita2 jenaka ini. Kebanyakannya cherita2 jenaka Melayu bukan-lah asli. Ia-nya banyak di-sador daripada cherita2 Hindi, Arab dan Parsi. Walau bagaimana pun tidak-lah sadoran itu di-ambil bulat2 sa-bagai mana asli-nya, kechuali beberapa cherita, ia-nya terlebih dahulu di-ubah dan di-tukar ganti akan pelakun dan tempat2 kejadian di-dalam cherita itu bagi menyesuaikan dengan masharakat Melayu.

Cherita Pa' Pandir mithal-nya ada-lah di-sador daripada cherita Hindi yang terkandung di-dalam buku Kata Sarit Sagara, tetapi pelakun dan terajidi di-dalam-nya ada-lah di-ubah. Kalau di-dalam cherita Pa' Pandir, ia mati dengan memakan pisang bakar, di-dalam cherita Hindi itu orang yang memegang peranan manusia bodoh2 alang itu hampir2 mati juga di-sebabkan meluloh sa-genggam beras.

Di-antara lain2 cherita jenaka Melayu yang mashhor ia-lah Lebai Malang, Pa' Kadok, Pa' Belalang, Si-Lunchai, Mat Jenin, Musang Berjanggut dan Abu Nawas.

Sungguh pun banyak cherita2 jenaka Melayu di-sador, tetapi bukan-lah bererti orang2 Melayu tidak mempunyai fikiran untok menggubah cherita jenaka-nya yang tersendiri

dengan mengikut latar belakang masyarakat Melayu yang tulen. Ada dua buah cerita2 Melayu asli yang boleh dibanggakan. Cerita2 itu ia-lah Pa' Kadok dan Lebai Malang.

Cerita Musang Berjanggung ada-lah di-sador daripada cerita Jenaka Parsi-Arab. Cerita ini bukan-lah menunjukkan jenaka tiap2 pelakun-nya itu. Kejenakaan-nya adalah berbedza dengan cerita2 lain. Ia-nya mempunyai kejenakaan yang tersendiri. Kalau Lebai Malang menimbulkan rasa jenaka dengan malang-nya, Pa' Belalang dengan pembohong-nya, Pa' Pandir dengan bodoh-nya, Mat Jenin dengan angan2-nya, Pa' Kadok pula dengan serba salah-nya, Si-Lunchai dengan cherdek dan penpu-nya dan Abu Nawas dengan bijak-nya, maka Musang Berjanggung ada-lah pada kesimpulan cerita-nya. Kalau di-teliti tiap2 satu pelakun-nya kita tidak boleh mendapati kejenakaan, tetapi apabila telah selesai di-bacha dan pada kesimpulan cerita itu baharu timbul kejenakaan-nya.

Bagini pati cerita itu:

Isteri Kamalul-Arifin yang bernama Dang Seri Arif Laksana tersangat chantek, ramai daripada pembesar2 negeri itu yang menaruh berahi terhadap-nya. Termasuk-lah Kadhi, Temenggong, Wazir, Bendahara, Raja Muda dan Raja negeri Shahdar Desa itu sendiri. Suatu hari Kamalul-Arifin ditugaskan oleh raja menchari musang berjanggung untok di-ambil hati-nya bagi mengubat sultan. Sa-benar-nya hal ini ada-lah helah sultan untok merenggangkan Kamalul-Arifin dengan isteri-nya.

Ketika Kamalul-Arifin tidak ada di-rumah, sa-orang demi sa-orang yang menaruh berahi itu mengambil peluang mengunjongi rumah Dang Seri Arif Laksana.

Tiap2 tamu yang di-suroh datang mengikut jadual-nya itu merasa takut kapada orang yang lebeh tinggi pangkat-nya. Dengan itu Tuan Kadhi di-sembunyikan ka-dalam peti, Temenggong dan Wazir di-atas para, Bendahara di-samarkan jadi tukang masak, Raja Muda jadi kaki pelita dan Raja sendiri di-jadikan kuda tonggangan.

Sedang Dang Seri menonggang sultan yang berbuat seperti kuda itu suatu pekekan telah berlaku menyebabkan semua tetamu itu lari meninggalkan rumah Dang Seri kechuali Tuan Kadhi. Tuan Kadhi yang berjanggut itu terperangkap dalam peti.

Esok hari-nya peti yang berisi Tuan Kadhi itu di-bawa ka-istana, lalu sa-orang demi sa-orang pembesar2 negeri itu mengintai isi peti tersebut untuk mengenali benar-kah musang berjanggut di-dalam-nya. Ketika di-intai Tuan Kadhi itu berbisek kapada tiap2 orang dengan mengatakan ia tahu kechurangan mereka masing2. Sa-telah tiap2 orang mengatakan tidak tahu akhir-nya peti itu di-bawa kembali dan Kadhi di-lepaskan dengan sa-ribu penyesalan.

Cherita2 Penglipor Lara:

Cherita2 Penglipor Lara juga ada-lah di-masokkan ka-dalam sastera sa-belum mengenal huruf. Kerana ia-nya telah lahir sejak dari zaman entah berentah lagi. Tidak di-ketahui bila waktu dan masa-nya yang tepat. Tetapi cherita2 ini maseh bernasib baik sebab dengan kebijaksanaan pencherita itu, cherita2 dapat di-hidupkan mengikut keadaan zaman yang mempengaruhi-nya.

Kebanyakan tukang penglipor lara itu tidak menulis isi cherita-nya, kerana mereka sendiri tidak tahu menulis. Ia-nya dapat mengingat semua cherita2 itu mengikut susunan-nya dengan bahasa yang tersusun baik, lancar dan indah. Di-dalam masa ia bercherita itu sedikit pun tidak teragak2. Dan di-sertai dengan bunyi2an.

Di-Tanah Melayu hari ini maseh ramai lagi tukang penglipor lara yang boleh di-dapati, terutama di-kampong2 yang terpenchil seperti di-Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Pawang Ana dan menantu-nya Mir Hasan termashhor kerana cherita2 penutoran mereka itu telah di-bukukan.

Cherita2 penglipor lara ini boleh di-katakan cherita2 khayal tukang2 penglipor sahaja. Cherita2 itu di-perturunkan turun temurun daripada dato' hingga ka-chuchu dan sa-terus-nya. Mengenai cherita2 ini pula boleh-lah di-katakan

baik di-dalam beberapa hal, ia-itu jika di-bandingkan dengan tujuan asal tukang cherita itu. Chara pengolahan-nya juga ada-lah baik dan terator. Bagitu pun jika di-teliti, kita akan dapati juga chachat chela-nya di-dalam cherita2 penglipor lara itu. Antara-nya kebanyakan cherita itu lebeh memtekeratkan hiboran daripada isi cherita-nya. Isi cherita-nya pula kerap kali mengagongkan kesaktian, kegagahan dan kechantekan serta mempunyai perkaitan dengan kayangan. Di-gambarkan perkara2 ajaib dan aneh hingga kadang2 amat susah hendak di-terima oleh akal akan perkara yang demikian itu. Suatu hal itu di-cheritakan dengan panjang lebar hingga kadang2 menjemukan. Banyak mengulang kata2 berirama yang sa-rupa. Hal ini kedapatan pada tiap2 cherita penglipor lara. Bagitu-lah juga tentang bahasa berirama-nya. Bahasa itu juga di-gunakan pada lain2 cherita, umpama-nya apabila sampai pada ketika raja mentahkan orang2 besar-nya menghimpunkan ra'ayat tentera maka tukang penglipor lara itu pun akan menyisipkan kata2:

Di-pukul taboh larangan
 Di-titir chanang pemanggil
 Di-palu gong pelaung.

Bagi menggambarkan keadaan ra'ayat yang datang berhimpun pula di-bayangkan bagini:

Yang chapek datang bertongkat
 Yang buta datang berpimpin
 Yang pekak leka bertanya
 Yang kechil terambil linatang,
 Yang jarak tolak-tolakan
 Yang pendek tinjau-meninjau
 Yang kurap mengekor angin.

Bayangan sa-rupa itu boleh di-dapati di-semua cherita penglipor lara saperti Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa, Awang Sulong Merah Muda, Seri Rama, Raja Donan dan lain2 cherita sa-umpama itu.

Buat masa sekarang ini sa-lain daripada cherita2 di atas telah banyak pula cherita2 penglipor lara yang telah dibukukan di-antara-nya ia-lah Si-Soton, Hikayat Terong Pipit dan Selampit.

SASTERA TULISAN

Pengetahuan orang2 Melayu di-dalam lapangan tulis menulis ini bukan-lah baru chuma sa-ratus atau dua ratus tahun yang lalu, malah orang2 Melayu telah pun mengetahui chara tulis menulis ini sejak di-dalam awal kurun yang kelima lagi.

Sa-bagai permulaan orang2 Melayu zaman purba telah menggunakan huruf Renchong, Kawi dan Lampong. Ke-adaan huruf itu ada-lah hampir sa-rupa dengan huruf2 yang di-gunakan oleh orang2 Kemboja purba.

Huruf Kawi ia-lah huruf Jawa Kuno yang mula lahir pada kurun yang kelapan. Huruf2 ini ada-lah berasal daripada huruf Vangki ia-itu huruf orang Pallawa dari pantai Coromandel. Huruf ini lenyap kira2 di-dalam tahun 1400.

Huruf Renchong pula ia-lah tulisan Melayu tua yang di-gunakan di-Bangkahulu dan Palembang, sejak zaman kerajaan Seri Wijaya lagi hingga-lah kapada masa Belanda mena'aloki Indonesia baharu-lah tulisan itu di-lenyapkan dan di-ganti dengan tulisan rumi.

Orang2 purba tidak-lah menulis pada kertas2 saperti kita menulis hari ini, tetapi mereka hanya dapat menulis pada kulit2 kayu, daun2 lontar, di-kepingan logam dan batu2 dengan menggunakan kedua2 tulisan yang tersebut di-atas itu ia-itu Kawi dan Renchong.

Sa-bagai bukti2-nya banyak batu2 bersurat yang di-jumpai di-sekitar Tanah Melayu, Sumatera dan Jawa. Batu2 bersurat itu semua-nya bertulis dengan menggunakan bahasa Melayu Kuno.

Batu bersurat di-Pagar Ruyong bertarikh 405 ini-lah satu2-nya batu bersurat yang besar sa-kah yang pernah di-jumpai.

Di-Kedukan Bukit Palembang bertarikh tahun 683.

Di-Talang Tuwo Palembang bertarikh 683.

Di-Kota Kapor bertarikh tahun 686.

Di-Karang Berahi (antara Jambi—Musi) bertarikh 686.

Semua batu2 bersurat yang tersebut di-atas itu chuma menulis perkara2 biasa sahaja. Tetapi ada satu batu nesan yang di-jumpai di-Minye Tujoh (Acheh) tulisan-nya ada-lah lain daripada yang lain. Tulisan di-batu itu ia-lah berbentuk shaer, ini-lah satu2-nya shaer yang di-anggap tertua yang pernah di-jumpai.

KESUSASTERAAN ZAMAN HINDU

Kita tahu pengetahuan bertulis telah dapat di-kuasai oleh orang2 Melayu sejak awal abad yang kelima lagi. Tamaddun ini ada-lah sa-rentak dengan kedatangan orang2 Hindu ka-Alam Melayu di-dalam abad yang sama juga. Di-dalam awal abad yang ketujuh kerajaan Seri Wijaya telah timbul di-Sumatera, kemudian pada awal abad kelapan pula sa-buah kerajaan Hindu (Salindera) telah terbentuk di-Jawa. Kerajaan yang di-tubuhkan oleh jenerasi yang datang daripada India dan beragama Hindu itu bukan-lah chuma membangunkan rumah2 berhala yang tinggi2 dan besar saperti Chandi Borobodor, malah juga menyebarkan kesusasteraan dan kebudayaan-nya sa-kali. Sejak itu Jawa terkenal sa-bagai pusat perkembangan agama Hindu.

Kerajaan Hindu yang pertama itu hidup tidak-lah lama. Kira2 pada awal abad Masehi yang kesapuluh kerajaan itu pun lenyap-lah. Tidak ada apa2 hasil kesusasteraan yang di-tinggalkan kechuali sa-buah buku kekawin Ramayana yang telah di-salin ka-dalam bahasa Kawi oleh sa-orang pujangga yang memakai nama samaran Yogiswara. Dia menyalin buku2 itu kira2 di-dalam tahun 925.

Sa-telah kerajaan itu luput, maka timbul-lah lain kerajaan lagi di-Tanah Jawa itu. Di-antara-nya yang mashhor ia-lah Kediri, Singasari dan Majapahit. Sejak timbul-nya kerajaan2 ini-lah kesusasteraan Hindu mula berkembang dengan subur-nya. Di-dalam tahun 1000, Raja Dharmawangsa

yang memerintah kerajaan Singasari telah menyuruh supaya kitab Mahabarata di-salin ka-dalam bahasa Jawa Kuno.

Antara tahun 1010 sampai 1042 ia-itu ketika Raja Erlangga memerintah, sa-orang pengarang shaer yang bernama Empu Kanwa telah mengarang sa-buah shaer Jawa Kuno atau lebeh terkenal lagi dengan nama Kekawin Arjuna Wiwaha. Shaer ini mencheritakan tentang perayaan perkahwinan sa-orang pahlawan yang sempurna ia-itu Arjuna dengan Sapurba. Tidak berapa lama berselang daripada tarikh itu isi buku Astadacaprwa ia-itu salah sa-buah daripada Kitab Mahabarata telah di-salin ka-dalam bahasa Jawa Kuno.

Dengan ini menyebabkan seluroh penduduk Pulau Jawa amat tertarek dengan cherita2 yang di-petek daripada kitab Mahabarata itu. Memandang hal ini-lah sa-lepas itu banyak lagi isi2 kitab Mahabarata yang berjumlah lapan belas buah buku itu di-salin satu demi satu ka-dalam bahasa Jawa Kuno. Akhir-nya seluroh isi cherita kitab itu dapat di-kuasai oleh orang2 Jawa. Hingga pada akhir-nya telah terasa pada mereka cherita2 petekan daripada kitab Hindu itu sa-olah2 cherita mereka yang asli, bukan lagi sadoran. Hal ini disebabkan daripada terlalu lama mereka mengetahuinya.

Di-dalam kitab Mahabarata yang terdiri daripada lapan belas buah buku itu juga, pada buku yang bernama Bhismaparwa ya'ani buku yang keenam pada bab Bhagaradgita (Madah Tuhan) amat-lah menarek hati segala bangsa. Sebab isi kandungan-nya sangat baik, lagi pun bahasa-nya tersusun dengan chantek dan indah serta mempunyai tujuan yang tertentu pula. Oleh itu isi di-dalam bab ini telah banyak di-terjemahkan ka-dalam lain2 bahasa saperti Inggeris, Peranchis, Jerman, Belanda dan lain2 lagi. Bab yang tersebut itu menchatetkan perchakapan antara Krishna (penjelmaan Visnu) dengan Arjuna (saudara ketiga pendawa) sebelum terjadi perjuangan hebat di-medan Kurnkshetra.

Perchakapan ini berkenaan dengan kewajipan dan membersihkan diri daripada segala hawa nafsu tatkala menunai-kan kewajipan.

Pada orang2 Hindu pula terutama kaum Berahman menganggap kitab Mahabarata itu sa-bagai kitab agama. Banyak daripada chara kehidupan mereka sa-hari2 di-ambil daripada perkara yang tersebut di-dalam kitab itu. Mithalnya chara perkahwinan mereka di-ambil daripada terajidi perkahwinan antara Draupati dengan kelima2 saudara Arjuna (pendawa) sa-bagaimana tersebut cherita-nya di-dalam kitab Mahabarata.

Perkahwinan bagim besar kemungkinan maseh boleh kedapatan lagi di-hari ini pada sa-tengah2 kaum atau suku bangsa di-India. Untok mengetahui lebeh lanjut isi kitab Mahabarata, chuba ikut cherita rengkas-nya di-bawah ini:

Negeri Bharata di-perintah oleh Shantanu. Permaisuri-nya bernama Dewi Gangga, mempunyai sa-orang putera yang akan mewarishi takhta kerajaan bernama Bhisma.

Suatu hari Shantanu telah berahi akan sa-orang janda bernama Setyawati yang telah mempunyai sa-orang putera. Ia-nya sanggup berkahwin dengan Shantanu dengan syarat anak-nya daripada hasil perkahwinan itu kelak di-lantek menjadi raja. Bukan-nya Bhisma anak-nya yang telah ada itu. Bhisma mengaku tidak akan menuntut menjadi raja guna membolehkan ayahanda-nya berkahwin. Hasil dari perkahwinan itu telah lahir dua orang putera. Sa-orang bernama Tsitrangada tetapi telah mati terbunuh. Sa-orang lagi bernama Witsitrawirya. Ia-nya juga meninggal dunia tanpa jenerasi walau pun telah berkahwin dengan dua orang puteri raja.

Setyawati meminta Bhisma berkahwin dengan janda2 anak-nya itu, tetapi Bhisma tidak sanggup sebab dia telah bersumpah tidak akan berkahwin lagi. Akhir-nya dia meminta anak-nya sendiri yang bernama Vyasa, ia-itu hasil dari perkahwinan dengan Parasha (suami pertama) berkahwin dengan menantu2-nya yang janda itu.

Daripada perkahwinan itu telah lahir tiga orang putera. Putera2 itu ia-lah Dhritarashtra (buta), Pandu dan Wirta, di-sebabkan Dhritarashtra buta, Pandu-lah menjadi raja. Sa-telah Pandu mangkat Dhritarashtra telah menjadi raja dan memelihara kelima2 anak Pandu yang bergelar Pendawa ber-

sama2 anak2-nya sendiri yang sa-ramai 100 orang di-gelar Kaurawa.

Keluarga tua Kaurawa (Duryodhana) dengki dengan sifat2 kegagahan dan keperwiraan yang ada pada Pendawa (pupu-nya). Akhir-nya di-usir daripada negeri itu dengan membakar tempat tinggal mereka.

Pendawa lima bersaudara dengan bonda mereka tinggal di-dalam hutan. Dengan menyamar diri-nya akhir-nya Arjuna (saudara ketiga Pandu) telah menang di-dalam satu peraduan memanah yang mana dia dapat berkahwin dengan Draupati. Hal ini di-nyatakan kepada bonda-nya dengan mengatakan dia mendapat hadiah. Tanpa usul pereksa apa-kah hadiah yang di-dapati oleh anak-nya itu, dia telah menyuroh membahagikan sama rata di-antara lima bersaudara itu. Dengan perkataan itu, berkahwin-lah Draupati dengan kelima2 saudara Pandu itu.

Dhritarashtra mengetahui Pendawa maseh hidup. Jadi dia telah memberi sa-bahagian daripada negeri-nya itu (bahagian hutan rimba) kepada Pendawa. Tetapi dengan berkat kerja kuat, negeri itu telah menjadi ma'amor. Yudhisthira (saudara tua Pendawa) telah di-lantek menjadi raja.

Hal ini tidak menyenangkan Duryodhana, akhir-nya Yudhisthira kalah berjudi dengan Sakuni (kawan Duryodhana), dengan kekalahan itu Pendawa dan Draupati telah di-perhambakan oleh Duryodhana. Hal ini telah di-ketahui oleh Dhritarashtra yang mana akhir-nya membebaskan Pendawa. Sa-lepas di-bebaskan sa-kali lagi Yudhisthira telah kalah di-dalam permainan dadu. Dengan ini Pendawa terpaksa berundur ka-dalam hutan sa-lama 12 tahun dan di-bandar sa-tahun (mengikut perjanjian).

Sa-telah masa yang di-janjikan habis, Yudhisthira telah menuntut kerajaan-nya kembali. Duryodhana telah menolak tuntutan itu. Dengan itu terjadi-lah peperangan antara Pendawa dengan di-bantu oleh Krishna melawan Kaurawa dengan di-bantu oleh Vrishms.

Sa-belum peperangan itu terjadi Arjuna telah berchakap2 dengan Krishna sa-bagaimana yang terkandung di-dalam

kitab Mahabarata, buku yang keenam di-dalam bab madah Tuhan.

Sa-telah berperang sa-lama lapan belas hari maka Duryodhana pun mati-lah. Ini di-ikuti pula dengan kekalahan pehak Kaurawa sa-sudah itu kekal-lah Yudhisthira menjadi raja benua Hindj (negeri Bharata) sa-lama tiga puluh tahun.

Di-dalam bahasa Melayu buku2 yang di-petek daripada kitab Mahabarata ia-lah Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Pendawa Berlima, Hikayat Sang Boma (Sang Sembah), Hikayat Pendawa Jaya dan Hikayat Lang Lang Buana.

Cherita2 Panji:

Cherita2 Panji ini ada-lah cherita Jawa yang asli. Bukan lagi terjemahan saperti cherita2 Sang Boma, Sang Semah, Seri Rama, Pendawa Lima dan lain2 cherita yang di-petek daripada cherita2 kitab Mahabarata yang mashhor itu.

Walau pun cherita2 ini berasal daripada Jawa, tetapi tidak-lah dapat di-pastikan ketika kerajaan mana-kah yang berkuasa cherita2 itu di-karang. Dan siapa-kah yang sa-benar-nya pelakun utama di-dalam cherita2 itu yang bernama Radin Inu Kartapati. Ada dua pendapat di-dalam menghuraikan masa'alah ini.

Mengikut pendapat yang pertama cherita2 ini di-karang pada masa kerajaan Kediri berkuasa, ia-itu sa-telah menghancurkan kerajaan Singasari pada tahun 1292. Dan Radin Inu Kartapati itu pula ia-lah Maharaja Kediri Kirana yang bernama Kameshwara yang beristerikan Ratu Kirana (Radin Galoh Chendera Kirana). Cherita ini di-karang sa-telah Maharaja Kameshwara itu mangkat oleh sa-orang pengarang yang bernama Mpu Dharmaja.

Pendapat lain pula mengatakan cherita2 ini terbit-nya pada zaman kerajaan Majapahit yang mula berkuasa pada tahun 1293. Cherita ini berkisar di-negeri yang bernama Kuripan, Kediri (Daha) dan Gegelang serta Singasari.

Mengikuti pendapat ini Radin Inu Kartapati itu ia-lah putera raja Kuripan yang berkahwin dengan puteri Kediri (Radin Galoh Chendera Kirana).

Daripada pendapat ini boleh-lah di-simpulkan bahawa cherita2 panji ini terbit-nya di-zaman kerajaan Majapahit yang mana pada masa itu menjadi salah suatu kuasa yang teragong di-Tanah Jawa. Kerajaan2 lain seperti Kuripan, Kediri, Gegelang dan Singasari semua-nya di-bawah ta'alok Majapahit. Tetapi tentang siapa-kah Radin Inu, di-antara raja Kediri dan putera raja Kuripan itu tidak-lah dapat ditentukan.

Sungguh pun ada pertelingkahan di-dalam menghuraikan masa'alah itu, tetapi tidak-lah merosakkan pokok cherita-nya. Banyak cherita2 panji yang boleh di-dapati ta' kurang daripada tiga puluh buah semua-nya. Di-antara-nya yang mashhor ia-lah Hikayat Panji Semerang, Hikayat Kuda Semerang, Hikayat Chekel Waning Pati, Hikayat Damarwulan dan lain2.

Sa-lain daripada bentok prosa boleh juga di-dapati cherita panji itu di-dalam bentok puisi. Di-antara-nya ia-lah Shaer Ken Tambohan, Shaer Panji Semerang, Shaer Lelakon Mesa Kumitor dan Surat Gamboh.

Walau pun begitu banyak cherita2 panji, tetapi semua-nya ada-lah berkisar di-atas pokok yang sama ia-itu mencheritakan perihal Radin Inu Kartapati yang berputus asa sebab kehilangan kekaseh-nya Galoh Chendera Kirana. Di-dalam pengembaraan menchari kekaseh-nya itu, di-cheritakan berbagai cherita pula berkenaan dengan hal Radin Inu sendiri, menjadi penari, perompak, pahlawan dan lain2 perkara lagi.

Bagitu-lah juga dengan Radin Galoh, masing2 menchari satu dengan lain. Pada akhir-nya di-cheritakan mereka bertemu dan terjadi-lah satu peperangan yang mana salah satu ta' boleh mengalahkan lawan-nya. Hal ini berakhir pula dengan perkenalan dan perkahwinan.

Saperti di-terangkan di-atas tadi, bahawa cherita2 panji ini ada-lah hak asli orang Jawa. Sungguh pun begitu tetapi

ada juga bahagian-nya yang hampir sama dengan cerita Pendawa dan Seri Rama.

Kalau Rama ada-lah daripada penjelmaan Vishnu, maka demikian-lah juga dengan Panji. Sita Dewi berkahwin dengan Rama sa-pupu-nya, Panji juga berkahwin dengan Radin Galoh sa-pupu-nya sendiri.

Kalau di-dalam Hikayat Seri Rama Ravana menyuruh sa-orang raksaksa menjadi Kijang Mas, maka di-dalam Waning Pati pula Betara Kala membuang sa-bentok chinchin yang menjelma menjadi Kijang Mas dan kijang itu pula di-kehendaki oleh Radin Galoh yang mana chuma Radin Inu sendiri yang boleh menangkap-nya.

Cherita2 Panji ini di-gemari juga oleh orang2 di-Tanah Melayu, Thailand dan Kemboja yang mana cherita2-nya itu di-sebarkan melalui wayang kulit.

KESUSASTERAAN ZAMAN ISLAM

Perkembangan kesusasteraan Arab-Parsi mempengaruhi sastera Melayu ada-lah berlaku sa-rentak dengan kedatangan agama Islam ka-Alam Melayu ini. Pada akhir abad Masehi yang ketiga belas, negeri Pasai (Sumatera Utara) telah menerima kedatangan agama Islam daripada saudagar2 Gujerat. Raja-nya yang bernama Merah Silu itu di-gelar Sultan Malikul-Salleh. Mengikut Marco Polo, dia telah mendapati penduduk Pasai telah beragama Islam di-dalam tahun 1292 lagi, ia-itu ketika dia singgah ka-negeri itu di-dalam perjalanan pulang ka-Eropah dari negeri China.

Daripada Pasai agama Islam berkembang ka-Melaka pada tahun 1409 kemudian daripada Melaka menjalar ka-Tanah Jawa (Gerisek, Demak, Sedayu dan Toban), pengaruh Islam bertambah kuat lagi apabila kerajaan Majapahit telah di-kalahkan oleh sembilan orang ulama' pengembang agama. Daripada Jawa melangkah pula Selat Sunda dan Laut Jawa ka-Sumatera Selatan, Tengah dan Kalimantan. Dari Jawa juga merebak ka-Timor hingga ka-pulau Maluku.

Buat permulaan waktu amat-lah susah bagi pengembang2 agama hendak menghilangkan kepercayaan anak negeri

terhadap keperchayaan Hindu yang telah di-pelok berabad2 itu. Tetapi akhir-nya sedikit demi sedikit dengan tabah dan usaha dapat pula mereka mempengaruhi anak negeri dengan agama yang baru itu.

Peringkat pertama di-dalam usaha mengajar pelajaran agama itu ada-lah di-jalankan dengan perantaraan lisan sahaja, seperti mengucap dua kalimah shahadat, sifat2 dua puluh, rukun iman, rukun Islam dan lain2 perkara yang menjadi asas pegangan akaid agama Islam. Oleh kerana dasar ini-lah dengan senang dan mengambil masa yang pendek sahaja penduduk2 negeri yang memelok agama Islam dapat mengenal Tuhan dengan berpandukan pengajaran2 itu, dan tidak payah lagi memperchayai patong2 yang mereka buat sendiri.

Kalau dahulu-nya di-dalam mentera dan jampi serapah di-katakan dengan berkat dewa2 atau jin atau sa-bagai-nya, tetapi sekarang telah di-ganti pula dengan berkat do'a: La ilaha illallah, Muhammadur-Rasulullah. Walau pun begitu pengaruh Hindu di-dalam mentera dan serapah maseh lagi kedapatan. Sa-tengah buku mengatakan masa ini termasuk di-dalam zaman peralehan Hindu-Islam.

Di-Pasai zaman peralehan ini amat sedikit masa-nya, sebab tidak lama daripada tarikh 1292 itu, Pasai terus muncul sa-bagai sa-buah negara tempat pengembang agama dan kesusasteraan Islam. Ramai alim ulama' tertumpu kasa. Ada daripada India (Gujerat), Parsi dan Arab.

Di-Pasai bukan sahaja tempat menterjemah dan mengarang kitab risalah yang mana mengandongi perkara2 yang wajib di-ketahui oleh sa-tiap orang Islam, tetapi juga guna menghampirkan perasaan cinta umat Islam kepada Rasulullah dan Tanah Arab. Oleh itu banyak pula buku2 yang di-bawa daripada Gujerat, Parsi dan Arab sendiri yang menyebut kesah2 nabi Muhammad di-terjemah dan di-salin sa-kali ka-dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi (Arab).

Daripada sini-lah lahir segala buku2 yang bernama Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat Nabi Berchukor, Hikayat Nabi Muhammad mengajar anak-nya Fatimah. Hikayat

Puteri Selamah mengadap Nabi Muhammad berchakap berkenaan kewajipan isteri dan lain2 cerita berkenaan Nabi Muhammad. Sa-lain daripada kesah Nabi Muhammad ada juga kesah nabi2 lain di-terjemahkan dan di-salin. Di-antara-nya Hikayat Nabi Yusof, Nabi Ibrahim, Nabi Daud dan lain2 nabi yang akhir-nya di-kumpulkan ka-dalam satu buku di-beri nama *Kessasul Anbia'* atau Kesah Nabi2.

Sa-lain daripada itu cherita2 pahlawan zaman Rasulullah juga di-terjemahkan guna menjadi chontoh kapada pemelok agama Islam yang baharu itu bagaimana berani-nya pahlawan2 Islam zaman itu menentang orang mushrikin. Semua-nya ini bertujuan supaya pemelok agama Islam yang baharu itu hendak-nya mempunyai semangat yang sama bahkan lebeh lagi dengan watak2 pahlawan Islam menentang orang2 kafir dan sa-siapa juga yang menjadi musuh Islam. Tujuan ini jelas kedapatan di-Indonesia di-dalam menentang kemasokan Belanda di-negeri mereka pada pertengahan kurun Maschi yang kesembilan belas. Dari semangat Islam ini-lah timbul pejuang2 yang fanatik sa-kali kapada agama saperti Tengku Chik di-Tero, Tuanku Imam Bonjol, Deponegoro dan ramai lagi yang tidak di-kenali.

Dengan ini banyak-lah buku2 cherita Pahlawan Islam yang di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu. Antara-nya yang mashhor ia-lah Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah, Hikayat Raja Khandak, Hikayat Raja Badar dan lain2 lagi.

Sa-telah hikayat2 itu selesai di-terjemahkan ia-nya di-bawa ka-serata tempat di-Alam Melayu ini. Tetapi di-dalam kurun yang keempat belas segala buku itu di-perchayai kebanyakan-nya di-bawa ka-Melaka sebab pada masa itu Melaka terkenal sa-bagai pusat mengembang agama Islam dan mengumpul buku2 (library) sedangkan Pasai ia-lah tempat menterjemah (Dewan Penterjemah).

Sungguh pun Melaka tempat mengembang agama Islam, tetapi sa-lama lebeh 100 tahun Melaka memegang peranan itu tiada satu buku pun yang di-karang atau di-terjemahkan. Hal ini di-sebabkan negara Pasai telah terlebih dahulu mengambil tempat itu. Jika ada buku2 bahasa Arab yang

kedapatan di-Melaka, ia-nya di-kirim ka-Pasai untok di-terjemah.

Hal ini tidak boleh di-nafikan kerana ketika Sultan Mansor Shah yang memerintah Melaka pada 1459 — 1477, baginda telah memerintah supaya sa-buah kitab *Darul-Mazlum* yang di-pelajari oleh baginda itu di-kirim ka-Pasai untok di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu. Kata Tun Seri Lanang di-dalam Sejarah Melayu:

“Telah sudah kitab itu, maka Maulana Abu Isahak menyuroh memanggil sa-orang murid-nya, Maulana Abu Bakar nama-nya; maka di-ajar-nya kitab *Darul-Mazlum* itu kapada-nya. Maka kata Maulana Abu Isahak pada Maulana Abu Bakar: “Pergi-lah engkau turun ka-negeri Melaka, beri petua oleh-mu segala orang di-bawah angin.” Maka sahut Maulana Abu Bakar: “Baik-lah; tetapi kitab ini tuan buat dengan dua bahasa. Jika di-tanyai orang di-perhamba pada bahasa dzat dan sifat, seperti pengajar tuan itu di-perhamba jawab-lah; jikalau di-tanya orang bahasa af'al, apa jawab di-perhamba kelak?” Maka kata Maulana Abu Isahak: “Benar kata-mu itu.” Maka di-karang tuan itu pula bahasa af'al, jadi kitab *Darul-Mazlum* itu tiga bahasa. Telah sudah, maka Maulana Abu Bakar pun turun-lah ka-bawah angin membawa kitab *Darul-Mazlum* itu, menumpang kapal dari Juddah ka-Melaka.

Telah berapa lama-nya di-laut sampai-lah ka-Melaka. Maka sangat-lah di-permulia oleh Sultan Mansor Shah; dan *Darul-Mazlum* di-suroh baginda arak lalu ka-balairong. Maka Sultan Mansor Shah pun berguru pada Maulana Abu Bakar. Maka Sultan Mansor Shah sangat di-puji oleh Maulana Abu Bakar, terlalu amat terang hati baginda; maka banyak ilmu di-peroleh baginda. Maka oleh Sultan masaelah itu di-suroh ertikan ka-Pasai pada Makhdum Patakan, maka oleh Makhdum Patakan *Darul-Mazlum* itu di-ertikan-nya. Telah sudah, maka di-hantarkan-nya kembali ka-Melaka; maka terlalu sukachita Sultan Mansor Shah melihat *Darul-Mazlum* itu sudah berma'ana, maka ma'ana *Darul-Mazlum* itu di-tunjokkan baginda pada Maulana Abu Bakar, maka

berkenan pada Maulana Abu Bakar, serta di-puji-nya Patakan itu.*

Dengan ini tidak hairan-lah pada ketika Portugis melanggar Melaka pada tahun 1511 Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah sudah ada di-Melaka.

Sa-bagai yang di-jelas di-atas itu, nyata-lah kepada kita bahawa di-Melaka tidak ada satu pun buku2 yang di-karang atau di-terjemah, hal ini berjalan hingga-lah Melaka jatuh di-ta'alok oleh Portugis. Kebanyakan buku2 yang tersimpan di-istana2 Sultan Melaka itu di-bawa daripada lain negeri — Pasai. Sa-lain daripada kitab2 risalah, kitab2 cherita2 Nabi Muhammad, Cherita2 Pahlawan ada pula lain2 buku cherita yang tidak di-masokkan kepada jenis tersebut. Cherita yang di-maksudkan itu ia-lah cherita2 berbingkai.

Yang di-katakan cherita berbingkai itu ia-lah sa-buah cherita yang di-dalam-nya mempunyai berbagai2 cherita lagi dan kadang2 di-dalam cherita itu ada pula tersisip lain2 cherita yang tidak langsung bersangkutan paut dengan cherita asal. Cherita asal itu-lah yang di-panggil bingkai-nya. Banyak cherita2 seperti ini boleh di-dapati, di-antara-nya yang mashhor ia-lah cherita Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Bakhtiar, Hikayat Seribu Satu Malam, Hikayat Ghulam, Hikayat Kalilah wa-Damnah dan lain2 lagi.

Pati Cherita Hikayat Bakhtiar:

Hikayat ini mencheritakan sa-orang raja yang bernama Azadbakt terpaksa turun takhta kerajaan. Kemudian berundor daripada negeri ini bersama2 isteri yang sedang mengandung sebab takut perselisihan dalam rebutan kuasa dengan adek-nya. Dalam pengembaraan itu isteri-nya telah melahirkan anak. Anak itu di-tinggalkan di-dalam hutan kerana susah di-dalam perjalanan. Akhir-nya baginda dilantek menjadi raja di-sabuah negeri.

Anak-nya di-jumpai oleh sa-orang saudagar bernama Idris. Lalu di-jadikan anak angkat dengan di-beri nama Bakhtiar. Sa-telah beberapa tahun kemudian Idris mem-

* Sejarah Melayu 1952: hal. 127, 128.

bawa Bakhtiar menghadap raja. Baginda sangat tertarik dengan kebolehan Bakhtiar pada menyelesaikan sa-suatu masa'alah. Sejak hari itu Bakhtiar tinggal di-istana dan di-kaschi oleh Sultan.

Pembesar lain-nya chemburukan kedudukan Bakhtiar. Dengan pertolongan isteri perdana menteri, Bakhtiar di-tudoh berlaku churang dengan sa-orang perempuan istana. Ia di-jatohkan hukum bunuh.

Sa-belum hukuman di-jalankan dia meminta supaya dapat bertemu dengan sultan. Dalam pertemuan itu Bakhtiar mencheritakan berbagai2 cherita yang boleh menerbitkan perasaan insaf kapada raja tentang tudoh menudoh pada perkara yang tidak benar.

Sa-telah tammam lima cherita, baginda merasa insaf lalu memanggil saudagar Idris supaya mencheritakan asal usul Bakhtiar. Dengan cherita saudagar Idris tahu-lah baginda bahawa Bakhtiar itu anak-nya sendiri. Kesudahan-nya perdana menteri di-hukum penjara sa-lama 17 hari ia-itu sa-lama hukuman yang telah di-jalani oleh Bakhtiar.

Sa-sudah Melaka jatuh, Aceh mengambil bahagian penting di-dalam usaha Melaka yang telah lenyap itu. Aceh bukan sahaja mengembang dan menyimpan buku2 yang telah di-terjemahkan, malah melahirkan ramai pu-jangga2, penyaer, ulama'2 di-dalam usaha memajukan agama dan kebudayaan.

Pada zaman keagongan kuasa Aceh, lebeh kurang di-dalam tahun 1606 — 1640 telah hidup beberapa orang ulama' yang terkenal. Mereka ini bukan sahaja menterjemah buku2 Arab ka-dalam bahasa Melayu, mereka juga telah mengarang berbagai bentok buku yang berunsor agama Islam dan mempunyai nilai sastera pula. Mereka itu ia-lah Hamzah Fansuri, Shaikh Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf Singkil, Bukhari al-Jauhari, dan Shaikh Shamsuddin al-Samaterani.

Hamzah Fansuri terkenal sa-bagai sa-orang pengembang ilmu solok, banyak mengarang shaer2 yang mengandongi falsafah hidup dan ketuhanan. Shaer2 yang di-hasilkan ia-

lah Shaer Dagang, Shaer Perahu, Shaer Burong Pingai dan lain2.

Bukhari al-Jauhari pula ia-lah orang yang di-perchayai mengarang kitab *Tajus-Salatin* (Mahkota Segala Raja2) pada tahun 1603.

Shaikh Nuruddin al-Raniri menghasilkan *Sirat al-Mustaqim*, *Tibyan fi ma'rifat al-adyan* dan lain2 lagi. Antara-nya yang terbesar *Bustanus-Salatin* (Taman Segala Raja2) pada tahun 1638.

Shaikh Abdul Rauf telah menghasilkan beberapa buku terjemahan. Dalam pada itu beliau telah mengarang beberapa buah kitab. Antara-nya ia-lah *Mir'at at tullab* dan *'Umdat al-muhtajin*.

Sementara itu Shaikh Shamsuddin al-Samaterani pula telah mengarang *Mir'at al-Kulub*, *Mir'at al-mu'min* dan beberapa buah lagi serta memberikan tafsiran shaer2 Hamzah Fansuri.

Dalam tahun 1612 dari kerajaan Melayu Johor telah lahir "Sejarah Melayu" yang di-karang oleh Tun Seri Lanang, sa-orang Bendahara di-dalam kerajaan itu.

Buku itu di-karang atas kehendak raja Abdullah yang menjadi saperti raja muda sa-masa Johor di-perintah oleh Sultan Alauddin Ri'ayat Shah II itu.

KESUSASTERAAN ZAMAN BARU

Zaman pemisahan sastera lama itu boleh-lah di-ambil dari kegiatan Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1796 — 1854).

Beliau telah mencheritakan tentang lawatan-nya ka-pantai timor Tanah Melayu. Tentang kesanggupan-nya berterus terang menulis apa sahaja yang di-lihat, sama ada baik atau sa-balek-nya. Kesah itu di-tulis dan menjolok mata orang2 Melayu dan terang2 di-riwayatkan, hingga se-jarah dapat memainkan peranan keburokan yang di-terima oleh orang2 Melayu hari ini.

Bagitu pun kita terpaksa memandang kapada dua aspek, ia-itu persetujuan isi sastera-nya dalam zaman pembangunan, di-tinggalkan yang kolot dan di-terima yang baik mengikut zaman perkembangan. Tulisan-nya itu menunjukkan kejujuran beliau sa-bagai perintis yang berani dalam menuju kemajuan.

Hasil2 beliau ia-lah "Kisah Pelayaran Abdullah" tahun 1838 dan "Hikayat Abdullah" pada tahun 1840.

Kegiatan Abdullah itu di-lanjutkan oleh anak-nya sendiri Muhammad Ibrahim Munshi dengan sa-buah buku-nya yang bernama "Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi". Buku itu di-hasilkan pada tahun 1871. Sa-belum itu Raja Ali Haji yang berada di-Riau juga telah menghasilkan buku2 sejarah saperti "Salasilah Melayu dan Bugis dan Sakalian Raja2-nya" dan "Tuhtat al-Nafis" atau Hadiah Yang Berharga pada tahun 1865.

Perkembangan persurat khabaran mulai bergerak dan sastera Melayu mendapat tempat yang baik. Akhbar pertama "Jawi Peranakan" — 1878. Kemudian Majallah Al-Iman dan Al-Ikhwan mulai-lah mengenalkan penulis2-nya. Ada beberapa tokoh kenamaan saperti Tahir Jalaluddin, Syed Shaikh al-Hadi.

Syed Shaikh al-Hadi yang telah berkechimpong dengan akhbar dan majallah itu telah menghasilkan nobel. Pada 1926 nobel-nya yang pertama bernama *Hikayat Faridah Hanum* telah mendapat sambutan yang menggalakkan hingga beliau menghasilkan beberapa buah lagi.

Tetapi perlu di-ingat oleh kerana karya beliau itu belum tulin sa-bagai sa-buah nobel yang di-hasilkan di-negeri ini, maka Ahmad Rashid Talu telah menghasilkan nobel-nya yang pertama dengan nama *Kawan Benar*. Nobel ini-lah yang di-kira lebeh tulin kerana telah mengambil bahan tempatan untok mengemukakan segala cherita-nya kapada masharakat zaman-nya.*

Dalam tahun2 berikut-nya keluaran Majallah dan surat khabar makin bertambah. Kegemaran membacha juga telah

* Terbit pada tahun 1927.

meningkat dengan sendiri-nya. Pada waktu itu-lah dorongan majallah dan surat khabar kepada penulis bertambah elok. Di-mana akhir-nya timbul banyak pengarang2 seperti Abdul Rahim Kajai, Usman Kalam, Raja Mansor, Ramli Haji Tahir, Yunus Hamidi, Ibrahim Yakub, Ishak Haji Muhammad, Idrus, Onn Ja'afar, Ahmad Boestamam dan lain2 lagi.

Tetapi Abdul Rahim Kajai-lah yang telah berjaya mengemukakan cherita2 pendek sa-bagai hasil sastera yang dapat di-pertahankan nilai sastera-nya dan sangat mempe-ngaruhi masharakat zaman-nya.

TOKOH YANG KUKOH

dalam

Kesusasteraan Melayu

Lama dan Baru

HAMZAH FANSURI

Lahir: Di-Barus (dahulu terkenal dengan nama Fansuri) sa-buah bandar pelabuhan kecil di-Sumatera Utara.

Tahun: Pada pertengahan abad yang keenam belas.

Mengembara ka-beberapa buah negeri kerana menambah ilmu-nya. Ia ka-Pahang, Bentan, Kudus, Siam, Mekah dan Madinah. Banyak kitab2 di-pelajari, hampir sa-tiap bahasa yang terbesar dalam zaman-nya di-ketahui. Di-dalam waktu rehat dari pengembaraan-nya itu di-gunakan untok mengarang shaer, hingga terkenal sa-bagai sa-orang penyaer dan ahli solok. Ilmu solok itu di-sampaikan kapada orang ramai dengan shaer2-nya.

Beliau terpengaruh dengan kitab2 karangan ulama' besar Parsi, Jalaluddin Rumi. Sa-telah mengelana ka-mana2 Hamzah menetap di-Barus, menjadi guru dan meneruskan usaha-nya mengarang shaer2.

Nama-nya sangat mashhor ka-serata tempat, shaer2-nya di-gemari orang, oleh kerana kemashhoran-nya itu, ia di-panggil ka-istana Sultan Aceh.

Pada tahun Masehi 1596 dengan beberapa orang kawan-nya, berangkat-lah ia ka-Ach eh memenohi panggilan ayah-anda Sultan Iskandar Muda. Hamzah di-jadikan pemangku jawatan ulama' atau penasihat sultan bersama ulama'2 yang telah sedia ada di-istana saperti Shaikh Shamsuddin al-Samaterani sa-bagai Perdana Menteri dan ulama' penasihat, Shaikh Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan beberapa orang ulama' lagi.

Sa-telah beberapa lama mengembangkan pengajaran itu, suasana pendapat di-antara ulama' telah bertentangan. Hamzah yang berfaham radikal dan di-turuti oleh Shaikh

Shamsuddin al-Samaterani itu telah di-tentang oleh Shaikh Nuruddin al-Raniri.

Hamzah pulang ka-negeri-nya. Di-Barus beliau hidup sa-bagai guru dan meninggal dunia di-sana.

Karya-nya yang terpenting:

- i. Shaer Burong Punggok,
- ii. Shaer Dagang,
- iii. Shaer Sidang Fakir,
- iv. Shaer Burong Pingai,
- v. Shaer Perahu.

Karangan prosa-nya:

- i. Sharab al-'ashikin, (Minuman segala orang yang chinta pada Tuhan)
- ii. Asrar al-'ariffin, (Rahasia orang yang bijaksana)

Beliau sa-orang ulama' dan pujangga besar pada zaman-nya. Ia dapat di-katakan penyaer Melayu pertama yang menggubah shaer2 bersifat agama serta beraliran tasauf.

Sa-bagai sa-orang ahli solok ia memasokkan rasa falsafah ketuhanan ka-dalam sa-tiap shaer2-nya. Demikian juga di-dalam karangan-nya yang lain. Pada kitab karangan-nya *Asrar al-'Arifin*, ia menerangkan hubungan manusia dengan Tuhan-nya:

'Ketahui, hai segala kamu anak Adam yang Islam, bahawa Allah subhanahu wa Ta'ala menjadikan kita daripada tiada di-adakan-nya dan daripada tiada bernama di-beri-nya nama dan daripada tiada berupa di-beri berupa, lengkap dengan telinga, dengan hati, dengan nyawa, dengan budi. Yugya kita chari Tuhan kita itu supaya kita kenal dengan ma'rifat kita atau dengan khidmat kita kepada guru yang sempurna mengenal dia supaya jangan taksir kita. . . .'

Dalam hal ini beliau tidak chuma berkata, tetapi dengan segala usaha mengembara ka-mana2 kerana ingin melihat ke-kasch-nya. Kadang2 ia sesat dalam pengenalan-nya itu, saperti kata-nya:

Hamzah sesat di-dalam hutan,
 Pergi uzlat berbulan-bulan,
 Akan kiblat-nya pichek dan jawadan,
 Ini-lah lambat mendapat Tuhan.

(Shaer Burong Pingai)

Sa-bagai manusia biasa kadang2 beliau merasa usahanya itu akan sia2, kerana rasa kechewa memenohi jiwa-nya bila tidak bersua dengan kekaseh-nya. Dan diri-nya saperti telah binasa serta tiada berdaya upaya lagi. Hal ini diterangkan di-dalam shaer-nya:

Unggas pingai bukan-nya balam,
 Berbunyi siang dan malam,
 Kata-nya akan ahlal-alam,
 Hamzah Fansuri sudah-lah karam.

(Shaer Burong Pingai)

Tetapi sa-bagai sa-orang yang perchaya kapada Tuhan dan rahmat-Nya, beliau tidak berputus asa, ia meminta rahmat serta tenaga kapada Tuhan agar berhasil pada menyelami laut yang dalam itu supaya sampai ka-tempat yang di-tuju:

Tuhan hamba yang punya alam,
 Timbulkan Hamzah yang karam,
 Ishki-nya jangan kau-padam,
 Supaya wasil di-laut dalam.

Hamzah sampai ka-Mekah dan bersembahyang di-tepi Ka'abah untok menemui kekaseh yang di-rindui-nya, juga kechewa, akhir-nya ia kembali ka-kampong-nya di-mana kekaseh-nya itu di-jumpai di-dalam rumah-nya sendiri waktu beribadah. Ilham-nya itu di-tuliskan di-dalam shaer-nya:

Hamzah Fansuri di-dalam Mekah,
 Menchari Tuhan di-Baitul Ka'abah,
 Di-Barus ka-Kudus terlalu payah,
 Akhir-nya dapat di-dalam rumah.

(Shaer Burong Pingai)

Dari pengembaraan-nya itu Hamzah mudah mendapat pengajaran dari berbagai fahaman. Sa-lain dari terpegaroh dengan ulama' besar Parsi, Jalaluddin Rumi, al-Junaid, Mansor Hallaj dan Shamsu Tabriz, ia juga di-pengarohi oleh pengajaran Ibn Arabi — ahli tasauif yang mashhor pada akhir abad ke-12 dan awal ke-13. Ibn Arabi di-lahirkan di-Andalusia, Sepanyol, yang masa itu di-kuasai oleh penganut Islam. Ia mempunyai pendapat bahawa segala makhluk itu pada asas-nya esa, kerana merupakan wujud dari dzat Allah.

Chuba-lah kita teliti fahaman-nya yang di-tuliskan dalam kitab *Asrar al-'Arifin* itu:

'Ada pun kepada ulama' shari'ah dzat Aliah dan wujud Allah dua hukum-nya, wujud ilmu dengan alim dua hukum-nya, wujud alam dengan alam dua hukum-nya: wujud alam lain, wujud Allah lain. Ada pun wujud Allah dengan dzat Allah mithal matahari dengan chahaya-nya, sungguh pun esa pada penglihat mata dan penglihat hati, dua hukum-nya: matahari lain, chahaya lain.

Ada pun alam maka di-katakan wujud-nya lain kerana alam saperti bulan beroleh chahaya daripada matahari. Sebab ini-lah maka di-katakan ulama': wujud alam lain daripada wujud Allah. Wujud Allah dengan dzat Allah lain.

Maka kata ahlus-suluk: jika demikian Allah Ta'ala di-luar alam atau dalam alam dapat di-kata, atau hampir kepada alam atau jauh daripada alam dapat di-kata. Pada kami dzat Allah dengan wujud Allah esa hukum-nya, wujud Allah dengan wujud alam esa, wujud alam dengan alam esa hukum-nya. Saperti chahaya-nya nama-nya jua lain, pada hakikat-nya tiada lain, pada penglihatan mata esa, pada penglihatan hati esa. Wujud alam pun demikian lagi dengan wujud Allah esa, kerana alam tiada berwujud sendiri-nya. Sungguh pun pada zahir-nya dia berwujud, tetapi wahmi juga bukan wujud hakiki saperti bayang² dalam chermin, rupa-nya ada hakikat-nya tiada. . . .'

Pendapat Hamzah ini telah di-tentang oleh Shaikh Nuruddin al-Raniri, yang mengatakan bahawa ajaran ini ada-lah ajaran sesat.

Dalam kitab-nya Hujjah orang yang sidek menentang orang yang zindik *Hujjat as-siddik li-daf'i alaz-zindik*:

'Amat nyata kesalahan mereka itu, kerana di-tamthilkan mereka itu hak Ta'ala dengan makhluk seperti matahari dengan panas yang hadith kedua-nya; maka di-hubongkan-nya makhluk dengan hak Ta'ala seperti perhubungan panas dengan matahari; dan tiada sa-suatu daripada kedua-nya berhubungan, maka mithal yang demikian itu muhal, sa-kali2 tiada di-peroleh pada hak Ta'ala....'

Hamzah Fansuri mengikuti solok yang mendalam, sehingga kalau beliau beramal, lupa akan diri-nya sendiri, kerana waktu itu Tuhan-lah menyeliputi sa-keliling. Pernah sa-kali dalam perdebatan dengan ulama' Shaikh Nuruddin al-Raniri yang menentang faham-nya, Hamzah mengeluarkan pendapat:

Aku melihat dengan mata Tuhan,
 Aku mendengar dengan telinga Tuhan,
 Aku merasa dengan lidah Tuhan,
 Aku-lah Tuhan.

Dengan berdasarkan pendapat ini, memberikan kesempatan lawan-nya — Shaikh Nuruddin al-Raniri menunjukkan kemurtadan Hamzah kepada Sultan. Ia dapat mempengaruhi Sultan Iskandar Thani, hingga atas perintah sultan segala kitab2 Hamzah Fansuri di-bakar di-hadapan masjid Baitur-Rahman.

Sa-bagai sa-orang ulama' dan pujangga Hamzah mempunyai chita2 yang tinggi, terutama di-lapangan penterjemahan. Beliau ingin ilmu yang terdapat di-dalam kitab2 bahasa Arab dan Parsi itu di-terjemahkan ka-Bahasa Melayu. Lebeh2 lagi kitab2 yang berisikan tinjauan ketuhanan. Lihat-lah di-dalam petekan ini akan chita2 Hamzah:

'Amma ba'du: Ada pun kemudian daripada itu maka ketahuilah oleh-mu, hai saudara-ku, bahawa fakir al-haqir adha'if al-khalif Hamzah Fansuri radiallahu 'anhu, hendak menyatakan jalan kepada Allah dengan bahasa Jawa dalam kitab ini 'Sha At' sampai segala hamba yang tiada tahu akan bahasa Arab dan Parsi dapat memahaminya.'

Hamzah Fansuri tidak mahu mengongkong fikiran dan perasaan dengan pendapat ulama'2 yang terdahulu daripadanya, beliau mengikut kebebasan berfikir dan dengan tidak segan2 mempersoalkan satu2 masa'alah ketuhanan itu dengan apa2 sahaja perbandingan yang dapat memberi faham yang lebeh terus terang. Tentu sahaja chara bagini tidak dapat di-terima oleh ulama'2 yang berfaham kolot, lihat-lah chara Fansuri mempersoalkan kesuchian dzat Allah:

'Jika sa-orang bertanya: Jika dzat Allah kapada sakalian sa-mesta lengkap, kapada najis dapat-kah di-kata lengkap?

Maka jawab-nya: Saperti panas lengkap pada sakalian alam, kapada busok pun lengkap, kapada jahat pun lengkap, kapada sa-mesta sakalian pun lengkap, kapada najis tiada dia najis, kapada busok tiada dia busok, kapada baik tiada dia baik, kapada jahat tiada ia jahat, daripada Ka'abah tiada beroleh kebajikan, daripada rumah berhala tiada beroleh kejahatan. Sedang panas demikian, istimewa Allah s.w.t. suchi daripada segala suchi.'

Di-mana ia akan najis dan busok?

Kerana ia sa-orang pengembara yang dapat memenohkan masa tenggang-nya dengan mengarang shaer, tentu-lah bahan2 pengalaman dan pengajaran yang di-dapati di-dalam pengembaraan-nya itu tidak hilang dengan sia2 sahaja, malah dapat di-abadikan di-kertas pada masa itu juga. Untok dapat di-rasakan bagaimana beliau dalam zaman-nya mengisi shaer2-nya dengan pelajaran falsafah ini-lah chontoh kutipan daripada shaer-nya yang bernama "Shaer Dagang."

Wahai nasib dagang yang hina,
 Ketahui hidup dalam dunia,
 Sa-bagai jati tiada berbunga,
 Bagi burung tiada berguna.

Wahai sakalian kita yang kurang,
 Nafsu-mu itu lawan berperang,
 Jauhkan tama' baik-lah kurang,
 Jaga diri-mu jatuh ka-jurang.

Amat-amati membuang diri,
 Menjadi dagang sa-genap negeri,
 Baik2 engkau fikiri,
 Supaya selamat sa-hari2.

DAN

Banyak insan terlalu bebal,
 Sangka-nya dunia abadi kekal,
 Enak mata-nya tidor di-bantal,
 Segala salah-nya dia ta' soal.

Mari segala yang muftadi,
 Menchapai hakikat Muhammad Nabi,
 Kerana ilmu pertama tajalli
 Kenyataan mahlukat dari Ilahi.

Barang siapa arif mengenal,
 Ia sempurna berbahagia,
 Kerana ilmu itu-lah yang mulia,
 Kenyataan Tuhan selalu sedia.

Ayuhai segala bernama fakir,
 Amal di-perbanyak ingat dan fikir,
 Tatkala sa-karat jangan menyingkir,
 Itu pesuruh daripada Amir.

Hamzah lebih memberatkan isi shaer daripada bahasa dan bentuk, kerana memang itu-lah maksud-nya ia menyaer untok memberikan falsafah ketuhanan-nya terhadap masha-

rakat-nya. Di-bawah ini ada-lah petekan shaer-nya yang dapat di-rasakan betapa tinggi maksud isi shaer itu:

Satukan hangat dengan dingin,
Tinggalkan loba dengan ingin,
Hanchor hendak-lah saperti lilin,
Baru-lah dapat kerja-mu lichin.

Hapuskan akal dan rasa-mu,
Lenyapkan badan serta nyawa-mu,
Pechahkan juga kedua mata-mu,
Di-sana-lah lihat indah rupa-mu.

Hunus pedang bakar sarong-nya,
Isbatkan Allah singkirkan patong,
Laut tauhid itu-lah harong
Di-sana-lah engkau tempat bernaung.

Ada-mu di-dunia tujuan menyerang,
Supaya dapat negeri yang senang,
Saperti Ali tatkala perang,
Melepas duldul tiada kepalang.

Masharakat Melayu yang mengenal puisi jenis Pantun dari pertuturan yang berisikan hal2 kaseh sayang, budi bahasa dan pengajaran telah di-bawa oleh Hamzah Fansuri lebeh jauh lagi dengan shaer2-nya yang penuh dengan pengajaran tentang ketuhanan yang tegas. Sadikit pun tidak di-isikan peristiwa2 yang menarek hati dari jurusan kehendak nafsu, melainkan keindahan shaer dan isi-nya sahaja dapat menarek masharakat kapada karya-nya.

Shaer Perahu:

Buku ini menerangkan tentang kehidupan di-dunia yang tidak kekal, mengingatkan supaya sakalian-nya (manusia) menuntut ilmu untok bekal ka-akhirat. Bahaya-nya kapada orang yang tidak kuat iman-nya kerana di-dalam perjalanan ka-akhirat itu mesti menempoh berbagai2 rupa dugaan yang berat2.

Satu persatu di-terangkan perkara2 yang patut di-pelajari dan di-ketahui dan di-yakini serta pengalaman yang dikehendaki oleh sakalian insan yang telah dapat membuat perkara seperti di-atas itu.

Juga tentang perkara yang akan di-jumpai oleh orang2 yang telah mati di-alami di-dalam kubor nanti, daripada yang di-ketahui dengan keadaan biasa sahaja seperti di-hantar ka-kuboran sa-orang diri, di-tempatkan di-dalam sa-buah tong dan di-tanam hingga kedatangan malaikat Munkar wa Nakir menyoal dan membahan dengan chemeti-nya. Dari itu di-suroh-nya sakalian anak Adam supaya beringat kepada Allah dan rasul-Nya. Dan menjauhkan diri daripada musuh-nya, jin dan shaitan. Dan jika sudah beriman kepada Allah jangan-lah mengubah i'tikad itu.

Sa-terus-nya untok mengenal gaya bahasa dan isi shaer2 Hamzah Fansuri di-bawah ini di-salinkan shaer perahu-nya. Ia-itu berdasarkan tulisan J. Doorenbos dari De Geschriften dan Hamzah Fansuri. Kemudian di-kumpulkan oleh Sutan Takdir Alisshahbana dalam kumpulan-nya "*Puisi Lama*". Dan di-chatet serta di-baiki serba sedikit oleh Dada Meuraxa untok buku-nya "*Inspirasi Pujangga*".

Shaer Perahu

Ini-lah gerangan suatu madah,
mengarang shaer terlalu indah
membetuli jalan tempat berpindah
di-sana-lah i'tikad jangan berubah.

Wahai muda, kenal diri-mu
ia-lah perahu tamsil tuboh-mu
tiada berapa lama hidup-mu,
ka-akhirat juga kekal diam-mu.

Hai muda arif budiman
hasilkan kemudi dengan pedoman
alat perahu-mu juga kerjakan
itu-lah jalan membetuli iman.

Pertegoh juga alat perahu-mu
hasilkan bekal ayer dan kayu
dayong pengayoh taroh di-situ
supaya laju perahu-mu itu.

Sudah sedia kayu dan ayer
angkat-lah pula sauh dan layar
segala bekal ta' usah kkuatir
neschaya sempurna jalan yang kabir.

Pertegoh juga alat perahu-mu
muara-nya sempit tempat-mu lalu
banyak-lah di-sana ikan dan yu
menanti perahu-mu lalu dari situ.

Muara-nya dalam ikan pun banyak
di-sana perahu karam dan rosak
karang-nya tajam saperti tombak
ka-atas pasir kamu tersesak.

Ketahui oleh-mu hai anak dagang
riak-nya kachau ombak-nya garang
ikan pun banyak datang menyerang
hendak membawa ka-tengah sawang.

Muara-nya itu terlalu sempit
di-manakan lalu sampan dan rakit
jikalau ada pedoman di-kapit
sempurna-lah jalan terlalu ba'id.

Baik-lah perahu engkau pertegoh
hasilkan pendarat dengan tali sauh
angin-nya keras ombak-nya chaboh
pulau-nya jauh tempat berlaboh.

Lengkapkan pendarat dan tali sauh
deras-mu banyak bertemu musuh
lautan besar ombak-nya gemuroh
La ilaha illallah tali yang tegoh.

Barang siapa bergantung ka-situ
tedoh-lah lautan yang hebat itu
pedoman betuli perahu-mu laju
selamat engkau ka-pulau itu.

La ilaha ilallahu yang engkau ikut
di-laut keras topan dan ribut
yu dan paus selalu menurut
pertetap kemudi jangan terkejut.

Laut Silan terlalu dalam
di-sana perahu rosak dan karam
sungguh pun banyak di-sana menyelam
jarang mendapat permata nilam.

Laut Silan Wahid al-Kahhar
riak-nya rencham ombak-nya besar
angin-nya songsongan membelok sakal
perbaiki kemudi jangan berkisar.

Itu-lah laut yang maha indah
di-sana-lah kita semua-nya berpindah
hasilkan bekal kayu dan juadah
selamat engkau sempurna musbahadah.

Silan itu ombak-nya kisah
banyak-lah orang ka-sana berpindah
topan dan ribut terlalu azamah
perbetuli pedoman sa-tiap ketika.

Laut Kulsum terlalu dalam
ombak-nya muhit sakalian alam
banyak di-sana rosak dan karam
perbaiki diri siang dan malam.

Ingati sungguh siang dan malam
laut-nya deras bertambah dalam
angin-nya keras, ombak-nya rencham
ingati perahu jangan tenggelam.

Jikalau engkau ingati sungguh
 angin yang keras menjadi tedoh
 tambahan selebu tetap yang chaboh
 selamat engkau ka-pulau berlaboh.

Sampai-lah Ahad dengan masa-nya
 datang-lah angin dengan paksa-nya
 belayar perahu sidang budiman-nya
 belayar itu dengan lengkap-nya.

Wujud Allah nama perahu-nya
 ilmu Allah akan pedoman-nya
 iman Allah nama kemudi-nya
 yakin akan Allah nama pawang-nya.

Taharat dan istinja' nama lantai-nya
 kufor dan ma'siat ayer ruang-nya
 tawakal akan Allah juru batu-nya
 tauhid itu akan sauh-nya.

La ilaha illallah akan tali-nya
 kamal Allah akan tiang-nya
 Assalamu'alaikum tali lenggang-nya
 ta'at ibadat anak dayong-nya.

Salawat akan nabi, tuli bubut-nya
 istighfar Allah akan layar-nya
 Allahu akbar nama angin-nya
 Subhanallah akan laju-nya.

Wallahu a'lam nama rantau-nya
 iradat Allah nama bandar-nya
 kudrat Allah nama labohan-nya
 shorga jannatun na'im nama negeri-nya.

Karangan ini suatu madah
 mengarang shaer tempat berpindah
 di-dalam dunia jangan serakah
 di-dalam kubor berkhawat sudah.

Kenal diri-mu di-dalam kubor
 badan sa-orang hanya tersungkor
 dengan siapa lawan bertutor
 di-balek papan badan terhanchor.

Di-dalam dunia banyak yang mamang
 ka-akhirat juga tempat-mu pulang
 jangan di-susah emas dan wang
 itu membawa badan terbang.

Tuntut ilmu jangan kepalang
 di-dalam kubor terbaring sa-orang
 Munkar wa Nakir ka-sana datang
 menanya engkau ada sembahyang.

Tongkat-nya lekat tiada terhisab
 badan-mu remok seksa dan azab
 akal-mu itu hilang dan lenyap

.....*

Munkar wa Nakir bukan kepalang
 suara-nya merdu bertambah garang
 tongkat-nya besar terlalu panjang
 chambok-nya banyak tiada terbilang.

Kenal diri-mu, hai anak Adam
 tatkala di-dunia terang-nya alam
 sekarang di-kubor tempat-mu kelam
 tiada berbedza siang dan malam.

Kenal diri-mu, hai anak dagang
 di-balek papan tidor terlentang
 kelam dan dingin bukan kepalang
 dengan siapa lawan berbinchang.

La ilaha illallah itu-lah firman
 tempat bergantung alam sakalian
 iman tersurat di-hati insan
 siang dan malam jangan lalaikan.

* ta' dapat di-bacha.

La ilaha illallah terlalu nyata
 tauhid ma'rifat sa-mata-mata
 memandang yang ghaib semua-nya rata
 lenyapkan ka-sana sakalian kita.

La ilaha illallah jangan di-permudah²
 sakalian makhlok ka-sana menyembah
 da'im dan ka'im jangan berubah.
 khalak di-sana bersama Allah.

Mengingat Allah jangan lalaikan
 siang dan malam jangan sunyikan
 sa-lama hidup engkau pakaikan
 Allah dan rasul yang menyampaikan.

La ilaha illallah kata yang tegoh
 memadamkan cahaya sakalian rusoh
 jin dan shaitan sakalian musuh
 hendak membawa bersungoh².

Tiada Tuhan melainkan Allah
 kesudahan kata sa-mata-mata
 hapuskan hendak sakalian perkara
 hamba dan Tuhan tiada berbedza.

La ilaha illallah tempat mengintai
 medan yang kadim tempat berdamai
 wujud Allah terlalu bitai*
 siang dan malam jangan bercherai.

La ilaha illallah tempat mushabadah
 menyatakan tauhid jangan berubah
 sempurna-lah jalan iman yang mudah
 pertemuan Tuhan terlalu susah.

* kekal.

BUKHARI AL-JAUHARI

Lahir: Di-Johor, tinggal di-Acheh.

Tahun: Dalam abad keenam belas.

Tokoh ini tidak dapat di-ketemukan butir2 kegiatan dan riwayat hidup-nya. Karya-nya yang chuma sa-buah bernama *Tajus-Salatin* "Mahkota Segala Raja2" itu bukan mengesahkan tentang riwayat hidup atau pun hal2 lain yang bersangkutan dengan diri-nya, di-mana penyelidek2 akan mudah untok mengenal-nya.

Bukan itu sahaja yang menyulitkan kita sekarang, malah nama penulis yang terchatet di-dalam kitab "*Tajus Salatin*" itu pun maseh menjadi persoalan yang belum putus. Sa-tengah2 penyelidek berpendapat nama itu memang layak di-terima sa-bagai sa-orang yang bernama Bukhari yang datang dari Johor — kerana pengarang2 lain pun menuliskan nama tempat asal masing2 di-belakang nama-nya saperti Hamzah Fansuri, maksud-nya Hamzah yang berasal dari Fansuri (Barus). Atau pun Nuruddin al-Raniri, yang bermaksud Nuruddin yang berasal dari Ranir, India.

Tetapi sa-tengah2 penyelidek lain berpendapat bahawa Bukhari al-Jauhari itu sa-benar-nya sa-orang saudagar permata yang datang dari Bokhara. Kerana jauhari itu perkataan Arab yang berm'ana "saudagar permata" dan Bokhara satu kota di-Asia Tengah.

Untok meneliti lebeh lanjut dan mendalam biar-lah saya peturunkan pendapat penyelidek2 Barat yang di-perkatakan oleh Dr. T. Iskandar dalam majallah Dewan Bahasa, keluaran bulan Mach, 1965:

'Mengenai kitab *Tajus-Salatin* ini terdapat berbagai2 pendapat dari mereka yang telah menyelideki-nya. Pertama2 ia-lah Werndly, sa-orang pendita dalam tugas Kompeni Hindia Belanda, yang dalam tahun 1736 menerbitkan buku

nahu bahasa Melayu dengan di-belakang-nya suatu daftar kitab2 Melayu yang telah di-kenal-nya di-masa itu. Daftar kitab2 ini di-sebut-nya Boekzaal. Sa-sudah *Bustanus-Salatin* di-sebut-nya *Tajus-Salatin* sa-bagai nombor 4 pada daftar tersebut. Pengarang kitab ini di-sebut-nya Bukhari dari Johor. Juga De Hollander dalam buku-nya mengenai kesusasteraan Melayu menyebut sa-bagai pengarang *Tajus-Salatin* dari Johor dengan chatetan: jikalau nama2 yang terdapat di-dalam *Tajus-Salatin* itu sendiri tidak harus di-ertikan, bahawa pengarang-nya berasal dari Bokhara, satu kota di-Asia Tengah, dan sa-orang saudagar permata. Van Ronkel kemudian-nya dengan mengambil chontoh2 dari j-w-h-r-y (jawi) yang terdapat dalam ayat2 dalam kitab itu, yang mempunyai hubungan dengan nama pengarang-nya, mengatakan bahawa kalau kata2 ini di-bacha Johori maka ayat2-nya tidak akan dapat di-mengerti, sa-hingga tidak ada jalan lain daripada membacha sa-bagai jauhari, sa-hingga juga pengarang-nya harus di-sebut Jauhari. Lebeh lanjut ia membandingkan nama ini dengan nama sa-orang pengarang Parsi yang bergelar Bukhari al-Jauhari dan hidup-nya beberapa abad sa-belum itu. Pendapat ini kemudian di-terima oleh Winstedt dalam suatu makalah yang di-tulis-nya dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 81 (1920) dan kemudian dalam buku-nya *A History of Classical Malay Literature* (1958). Tetapi C. Hooykaas dalam buku-nya *Over Maleise Literatuur* (1947) nampak-nya agak sangsi, yang terbukti bila ia menyebut Bukhari al-Jauhari, "*ditus Bochari de Juwelier (or: uit Johor)*" erti-nya: jadi Bukhari Saudagar Permata (atau: dari Johor). Rupa-nya Hooykaas setuju dengan sebutan Bukhari al-Jauhari, tetapi erti-nya mungkin Bukhari saudagar permata dan mungkin juga Bukhari dari Johor. Baik juga kalau kita kemukakan di-sini bahawa menurut Rouffaer sa-orang sarjana Belanda nama Johor berasal dari jauhari (ma'nikam).

Roorda van Eysingga, yang memuji sa-tinggi2-nya kitab *Tajus-Salatin* mendasarkan kenyataan-nya itu pada ucapan penyelidek2 sa-belum-nya. Werdndly umpama-nya mengatakan dalam buku-nya bahawa *Tajus-Salatin* itu di-tulis dengan

bahasa yang sangat terang, dan menjelaskan bahawa ia dapat di-anggap sa-bagai salah satu buku terbaik untuk mempelajari bahasa Melayu. Begitu pula Valentyn dalam buku-nya *Oud-en Nieuw Oost Indien*. Roorda van Eysingga menambah lagi bahawa Mahkota Segala Raja2 ini sa-benar-nya dapat di-sebut Mahkota segala Naskhah2 Melayu. Kemudian De Hollander, dalam buku-nya *Handleiding bij de beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*, menyanjong2 karangan ini kerana kemurnian bahasa dan chita2 yang terkandung di-dalam-nya.

Tetapi sa-sudah pujian2 yang tinggi2 ini orang menjadi kechewa sa-sudah peringatan Van der Tuuk, sa-orang Orientalis Belanda, supaya orang harus berhati2 bila menulis bunga rampai sastera Melayu dan harus menyingkirkan karangan2 saperti Tajus-Salatin, terutama kalau tidak terdapat teks lain daripada yang telah di-terbitkan oleh Roorda van Eysingga.

Dan kekechewaan ini memunchak sa-sudah Van Ronkel dalam makalah-nya *De Kroon der Koningen* (T.B.G. 41, 1899) sa-chara mendalam menganalisa kitab ini. Hasil dari penganalisaan ini ia-lah bahawa isi Tajus-Salatin di-kutip dari kitab2 Parsi yang telah ada pada masa itu, bahasa-nya sangat di-pengaruhi oleh bahasa Parsi, ungkapan yang terdapat di-dalam-nya ia-lah ungkapan2 Parsi, sajak-nya berchorak Parsi, bahkan struktur serta pembahagian-nya berbentok Parsi dan asing bagi sastera Melayu yang asli. Alhasil, Tajus-Salatin bukan-lah kitab yang asli-nya di-tulis dalam bahasa Melayu tetapi merupakan terjemahan dari naskhah Parsi.

Pendapat ini di-terima pula oleh Winstedt, yang telah menyador isi karangan tersebut ka-dalam bahasa Inggeris yang di-terbitkan sa-bagai makalah (JMBRAS 1920). Kemudian dalam buku-nya *History of Malay Literature* dinyatakan-nya juga pendapat ini meski pun tidak terdapat naskhah asli Tajus-Salatin dalam bahasa Parsi. Tetapi Hooykaas mempunyai anggapan yang berlainan, kerana dalam buku-nya *Over Maleise Literatuur* (1947) ia mengatakan bahawa naskhah Tajus-Salatin ini mempunyai nama Arab, isi Parsi Islam, bahasa Melayu dan tempat di-perbuat Aceh.

Terhadap kesimpulan Van Ronkel ini terdapat beberapa keberatan; bahawa ungkapan2 bahasa asing atau susok bahasa asing dapat mempengaruhi karangan2 Melayu bukan sahaja terdapat dalam karangan2 yang merupakan terjemahan dari bahasa asing, tetapi terdapat juga dalam karangan2 yang ditulis dalam bahasa Melayu sendiri. Hal ini mital-nya terbukti dalam *Bustanul-Katibin* karangan Raja Ali Haji yang di-analisa sendiri oleh Van Ronkel. Oleh kerana pengarang tersebut berpedoman pada kitab2 Arab maka huraian-nya dalam bahasa Melayu pun terpengaruh oleh susok bahasa Arab. Bahkan juga pengarang2 moden Melayu sekarang ini tidak luput dari pengaruh gaya dan susok bahasa asing.

Hujah Van Ronkel yang kedua, bahawa sajak2 mempunyai bentuk Parsi, ini pun tidak asing dalam karangan asli Melayu. Dalam hal ini kita teringat akan sajak2 Hamzah Fansuri, yang pada tahun 1936, di-terbitkan oleh Doorenbos. Di-dalam buku ini pengarang menjelaskan bahawa bentuk dan isi sajak2 Hamzah di-pengaruh oleh sajak2 Parsi.

Mengenai keberatan bahawa bentuk (struktur) dan sifat karangan ini ganjil bagi karangan Melayu dapat di-minta perhatian kepada *Hikayat Aceh* (terbitan 1959) yang sa-telah di-selideki ternyata mempunyai bentuk yang di-chontoh dari karangan2 Parsi, ia-itu buku raja2. Tambahan pula bentuk Hikayat Raja2 Pasai dan *Bustanus-Salatin* mengalami pengaruh kesusasteraan Parsi.

Pendapat bahawa Tajus-Salatin merupakan terjemahan daripada naskhah Parsi di-terima oleh Winstedt dalam karangan-nya *A History of Classical Malay Literature*. Tetapi Van Ronkel sendiri mengaku dalam penyelidekan-nya itu bahawa tidak terdapat kitab Tajus-Salatin dalam bahasa Parsi.

Hamzah Fansuri yang sa-masa dengan Bukhari al-Jauhari menulis karangan2-nya kerana kebanyakan orang tidak dapat membaca kitab2 Arab dan Parsi seperti yang di-sebut-nya dalam beberapa naskhah-nya. Begitu pula Shamsuddin Pasai. Dalam karangan2 Hamzah ternyata bahawa ia menulis karangan2-nya itu dengan mengutip bahan2-nya dari sumber Parsi seperti karangan2 al-Junaid, Mansor Hallaj, Jalaluddin Rumi dan Shamsu Tabriz.

Dengan apa yang kita terangkan di-atas tadi kita hendak mengemukakan bahawa terdapat-nya unsur2 yang di-sebut oleh Van Ronkel di-atas tadi belum-lah perlu bererti bahawa Tajus-Salatin merupakan terjemahan dari naskhah asli dalam bahasa Parsi. Kerana unsur2 yang di-kemukakan-nya itu terdapat juga pada naskhah2 Melayu lain-nya. Hanya yang menyukarkan ia-lah bahawa hal ini ketiga2 unsur tadi terdapat dalam satu naskhah. Tetapi tidak ada-nya naskhah asli dalam bahasa Parsi-lah yang mungkin menjadi bukti yang berat bagi kita bahawa kitab asli Tajus-Salatin di-karang dalam bahasa Melayu, ia-itu dengan chara menyador dari karangan2 Parsi saperti yang telah di-buktikan oleh Van Ronkel.⁷

Dengan kesimpulan yang di-buat oleh Dr. T. Iskandar dalam para akhir di-atas dapat-lah di-timbangkan bahawa kita tidak boleh mengeneipkan tokoh Bukhari al-Jauhari ini. Lebih2 lagi pengaruh kitab karangan-nya itu sangat besar, yang telah menaikkan kedudukan penulis-nya sa-bagai pu-jangga yang terpenting pada zaman-nya.

Karya-nya

Oleh kerana riwayat-nya terlalu sedikit yang di-ketahui, jadi chuma sa-buah ini-lah karya-nya yang di-ketemukan.

1603: Tajus-Salatin (Mahkota Segala Raja2)

Kitab ini bukan termashhor di-Tanah Melayu sahaja, malah terdapat terjemahan-nya di-dalam bahasa Jawa dan Makasar. Sangat mendapat perhatian besar di-istana Solo dan Jokja, di-bacha dan di-pelajari oleh raja2, kerabat-nya serta pembesar2. Hingga-lah di-pelajari juga oleh masha-rakat ramai, termasuk orang Tionghua yang beragama Islam dan orang2 buta huruf.

Bustanus-Salatin yang di-karang oleh Shaikh Nuruddin al-Raniri pada tahun 1638 untok menjadi saingan Tajus-Salatin telah tidak berhasil. Tajus-Salatin tetap berpengaruh hingga dua abad sa-sudah ia di-karang.

Isi-nya yang terbahagi dua puluh empat bab itu di-dahului dengan Mukaddimah. Sa-sudah puji2an bagi Allah,

do'a untuk Muhammad dan keempat khalifah, Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali, pengarang-nya menerangkan maksud kitab itu:

'Bahawa ini-lah kitab yang maha mulia yang menerangkan pada pekerti segala raja2 dan menteri dan hulubalang dan ra'ayat dan barang yang bergantung dengan pekerjaan segala kerajaan dengan ibarat-nya yang ihsan dan raja-nya yang sempena beroleh menafa'at bagi yang membacha dia dan di-namai Kitab Tajus-Salatin erti-nya Mahkota Segala Raja2.'

Huraian yang di-terangkan oleh penulis ini sangat terang dan mudah di-faham, sebab itu-lah kesan-nya begitu mendalam dan berpengaruh besar. Pada bab ke XIV mithal-nya terdapat huraian tentang chara2 mendidik kanak2:

'Sa-telah di-lahirkan anak itu, dia harus di-mandikan dengan ayer jerneh, di-pakai dan dalam telinga kanan di-bachakan bang dan sa-belah kiri kamat. Pada hari ketujuh sa-sudah lahir-nya, rambut-nya di-gunting dengan segala upacara. Jikalau sudah bertemu usia enam tahun anak itu harus di-sunat, di-beri nama dan di-ajarkan kesopanan santunan, pada umur tujuh tahun ia di-beri bilek sendiri dan di-ajarkan sembahyang dan umur 13 tahun ia harus serta dalam upacara agama.'

Zuber Usman dalam buku-nya *Kesusasteraan Lama Indonesia* menerangkan isi kitab Tajus-Salatin itu boleh di-katakan menerangkan kewajipan raja2, pembesar2, pegawai2 kepada ra'ayat-nya dan sa-balek-nya.

Dalam fasal pertama di-terangkan bagaimana manusia harus mengenal diri-nya, berisi falsafat hidup yang tinggi. Apa guna-nya Tuhan menjadikan panchaindera yang lima kepada manusia. Manusia terjadi dari empat barang yang bertentangan: tanah, ayer, hawa (udara) dan api. Sifat yang ada dalam keempat barang itu berlawanan, tetapi di-dalam diri manusia menjadi berkawan (berkumpul).

Dalam fasal yang berikut-nya, ia-itu dalam fasal yang kedua, di-terangkan bagaimana manusia harus mengenal

Tuhan-nya, Khalikul 'alam. Sa-sudah manusia mengenal diri-nya terlebih dahulu kemudian baru di-suroh mengenal Tuhan. Dalam Islam ada ajaran: bila orang mengenal diri-nya ia akan mengenal Tuhan-nya pula. Kemudian dalam fasal ketiga di-ajarkan bagaimana chara-nya manusia mengenal dunia, mempelajari masharakat atau pergaulan manusia. Manusia, di-umpamakan hidup di-dunia ini sa-bagai perantau atau tamu buat sa-bentar waktu saja dan dunia di-umpamakan tempat singgah sementara, dalam menuju tempat yang abadi, ia-itu akhirat. Kapada manusia di-peringatkan lima tempat bagi-nya: mula2 dia ada di-dalam sulbi (tulang sulbi = tulang pinggang) bapa-nya, kemudian beransor kapangkuan bunda-nya, lalu ka-dunia dan kemudian masok ka-dalam kubor. Penghabisan sa-kali baru-lah berkumpul di-Padang Mahshar atau tempat berhisab. Dunia ta' lain hanya-lah sa-buah jambatan, yang menghubungkan manusia dengan tempat yang kekal itu.

Pada fasal keempat di-lukiskan, bagaimana pahit-getir-nya melepaskan nafas yang penghabisan waktu manusia berhadapan dengan maut (mati). Manusia harus ingat bahawa dia tiada akan terlepas dari bahaya sakaratul-maut. Tuhan telah memesankan: *Kullu nafs in dzaiqatulmaut*, erti-nya: Tiap2 orang pasti akan merasakan mati. Ta' ada kechuali-nya, biar pun ia raja, pembesar, mulia, hina, kaya atau miskin, akan melalui jalan yang sama waktu datang ka-dunia dan kembali-nya ka-akhirat juga melalui jalan yang sama pula. Pada bahagian yang di-muka, kitab Tajus-Salatin wujud-nya menginsafkan manusia untok mengenal diri-nya, dari mana asal-nya dan ka-mana tujuan-nya, siapa yang menjadikan-nya dan mengapa ia di-jadikan, apa kewajipan hidup di-dunia ini. Falsafah hidup menurut ajaran agama Islam!

Dalam fasal kelima di-terangkan, bagaimana kebesaran atau kemuliaan sa-orang raja, kekuasaan dan kedaulatan kerajaan-nya. Menurut Islam (juga Keristian dan Yahudi), yang menjadi raja yang pertama di-dunia ia-lah Adam, yang mula-nya diam dalam shorga. Kemudian kerana di-perdayakan oleh Iblis di-buang ka-dunia. Kejadian itu ta' mudah dilupakan oleh Adam, beliau amat takut pada waktu kembali

kelak, akan masuk ka-neraka. Nabi Adam di-gantikan oleh nabi2 yang lain juga memerintah sa-bagai raja, saperti nabi2 Daud, Sulaiman, Yusuf dan Musa. Nabi Sulaiman terkenal sa-orang raja yang dermawan, yang suka berbuat amal dan kebajikan kapada manusia. Muhammad nabi yang penghabisan, sa-lain sa-orang kepala agama juga menjadi kepala negara atau orang yang memegang tampok pemerentahan di-dunia. Kemudian sa-sudah meninggal-nya di-ganti oleh empat orang khalifah yang terkenal dengan sebutan Khulafaur Rashidin: Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali. Perbuatan para nabi itu dalam pemerentahan dan chara-nya berhubungan dengan pengikut-nya hendak-nya menjadi tau-ladan dan ikutan.

Fasal keenam, bagaimana chara-nya menjalankan keadilan. Tuhan menyuruh manusia berbuat baik dan menjalankan keadilan! Keadilan ada-lah pangkal kedamaian dan keselamatan dalam dunia. Dalam segala hal keadilan harus di-utamakan. Fasal ketujuh menerangkan bagaimana akhlak atau pekerti serta tindakan sa-orang raja. Raja harus banyak bergaul dengan alim-ulama' yang saleh dan menjauhi kaum penjilat. Raja harus bersifat bijaksana, ia harus selalu menjaga supaya ra'ayat-nya jangan di-tekan dan di-peras oleh pembesar2-nya yang jahat pekerti-nya. Kerana kebijaksanaan itu-lah Harun al-Rashid dan yang sa-darjat dengan dia menjadi raja yang kenamaan. Khalifah Umar bin Khattab tiada memperchayakan keadaan umat-nya kapada pegawai2-nya saja, tetapi di-mana ada waktu-nya ia berjalan sendiri untok mengamati di-mana ra'ayat di-kampong2, sa-hingga pada suatu waktu ia berhasil meringankan kesusahan dan kesengsaraan sa-orang perempuan tua.

Pada zaman dahulu raja2 itu membahagi waktu-nya;

1. Untok melakukan kewajipan-nya terhadap agama.
2. Kewajipan-nya terhadap pemerentahan.
3. Waktu untok makan dan tidor.
4. Waktu untok beristerihat.

Fasal kelapan mencheritakan raja yang tiada beriman (bukan Islam) tetapi bersifat adil, di-antara-nya di-cherita-

kan-nya tentang raja Nushirwan Adil dengan wazir-nya yang bijaksana Buzurjahir. Raja Nushirwan mempunyai tiga buah chinchin di-jari-nya; pada tiap2 chinchin itu di-tuliskan nasihat atau peringatan yang berharga sa-kali: Pada chinchin yang pertama tertulis: Jangan-lah di-lakukan sa-suatu pekerjaan, sa-belum meminta nasihat kapada ahli-nya. Pada chinchin-nya yang kedua tertulis: Jangan-lah di-lupakan ra'ayat dalam hal-ahwal apa-pun! Pada chinchin yang ketiga di-tuliskan: Jangan-lah amarah terhadap kekhilafan sa-saorang, biar ia kawan atau musuh-mu sa-kali pun, melainkan beri-lah ingat dan timbang-lah dengan bijaksana.

Maharaja Tiongkok telah memberi kesempatan sa-luas2-nya kapada ra'ayat untok datang mengadu, sa-hingga raja itu telah menjadi tuli kerana mendengar pengaduan ra'ayat-nya yang tiada habis2 itu. Empat ribu tahun sa-belum lahir Nabi Isa berdiri-lah sa-buah kerajaan bangsa penyembah api dan kerajaan itu berumur sampai 4000 tahun, turun temurun kapada anak chuchu-nya, biar pun dia tiada beriman tetapi kerana keadilan-nya juga. Barang siapa yang beroleh nama yang baik, demikian kata para budiman, akan hidup dua kali: pertama hidup-nya di-dunia dan kedua hidup di-antara keturunan-nya, hidup nama-nya.

Dalam fasal2 yang lain di-perkatakan tentang kedzaliman. Nabi Muhammad tiada akan memberi shafa'at pertama kapada raja2 yang dzalim dan kapada orang2 yang menambah2 akan peratoran yang telah di-tentukan-nya (fasal kesembilan).

Fasal yang kesapuluh, bagaimana perhubungan raja dengan penasihat-nya. Bila sa-orang raja mempunyai penasihat yang ahli dan jujur neschaya raja itu akan dapat memerintah dengan baik. Sebab itu-lah Nabi Musa waktu dia di-angkat menjadi nabi dia memohonkan kapada Tuhan supaya dia di-beri penasihat atau pembantu, ia-itu yang di-kehendaki-nya Harun saudara-nya sendiri. Nabi Harun ada-lah tangan kanan bagi Musa. Fasal kesabelas, tentang pekerjaan sa-orang penulis (pengarang). Dalam zaman kemajuan pemerintah Islam penulis sangat di-hargai sa-kali. Ada khalifah

yang memberi honorarium kepada sa-orang penulis, berat naskah-nya itu di-timbang dengan emas. Pada waktu itu orang bukan menulis di-atas kertas saperti sekarang, tetapi di-atas barang yang jauh lebeh berat lagi. Iskandar Zulkarnain pernah menyatakan bahawa pena dengan pedang itu sama2 menjadi perhiasan dunia dan sama2 tajam-nya. Fasal kedua belas, kewajipan utusan2. Sa-orang utusan menjalankan sa-bahagian daripada pekerjaan sa-orang nabi, amat luhur-lah jabatan mereka itu dan dalam beberapa soal mereka bertanggung jawab. Sa-kira-nya mereka menghilangkan kepercayaan maka sa-sudah di-adakan penyelidekan mereka pun tiada luput dari hukuman.

Fasal ketiga belas, tentang sifat2 pegawai pemerintah, yang agak penting dalam fasal keempat belas di-terangkan bagaimana chara mendidik anak2. Sa-orang anak, pertama sa-sudah lahir ka-dunia hendak-lah di-mandikan dengan ayer yang bersih dan lalu di-beri berpakaian. Pada telinga-nya yang sa-belah kanan hendak-lah di-bachakan azan (bang) dan pada telinga-nya yang kiri di-perdengarkan kamat. Kedua, pada hari yang ketujuh sa-sudah kelahiran-nya itu di-adakan do'a selamat untuk menchukok rambut-nya. Ketiga, bila ia telah berumur enam tahun hendak-lah di-sunatkan dan di-beri nama yang layak dan mulai belajar adab yang baik. Keempat di-pisahkan dan mulai pula di-biasakan mengerjakan sembahyang. Kelima, bila anak itu telah berumur 13 tahun hendak-lah ia di-biasakan turut melakukan upacara yang berhubung dengan agama. Keenam, bila ia telah berumur 16 atau 17 tahun untuk teman-nya di-charikan sa-orang isteri. Anak2 di-lahirkan suchi, ia menerima yang burok atau yang baik dari orang tua-nya, sa-bagai sa-bidang kaca yang terbayang di-dalam-nya ia-lah barang yang terletak di-muka-nya, kalau barang itu putih akan putih pula kelihatan di-dalam kaca dan kalau barang itu hitam neschaya akan hitam pula rupa-nya.

Dan fasal sa-terus-nya hingga fasal kedua puluh tiga isi-nya merupakan petunjuk2 yang berhubung dengan kenegaraan dan sifat2 yang penting bagi sa-orang ahli negara, saperti kebijaksanaan dan keahlian serta kearifan (fasal lima

belas dan enam belas). Fasal ketujuh belas menerangkan bagaimana undang2 dasar sa-suatu negara.

Sa-orang ahli negeri harus pula ahli firasat, lekas dapat membacha apa yang tersurat di-dalam hati dengan memandang muka atau gerak-geri sa-saorang (fasal kelapan belas).

Kapada Nabi Sulaiman pernah datang dua orang ibu membawa sa-orang anak, kedua-nya mengatakan bahawa itu anak mereka. Di-mana mungkin dua orang ibu melahirkan sa-orang anak. Saksi atau tanda yang akan menjadi bukti ta' ada, tetapi Sulaiman sa-orang yang ahli firasat, sebab itu ia berhasil memutuskan perkara itu dengan baik. Di-minta-nya supaya anak itu di-potong dua saja. Perempuan yang bukan ibu-nya itu bersedia menjalankan hukum itu, tetapi ibu-nya yang sa-sungguh-nya mengatakan, dari pada anaknya di-potong biar-lah ia mengalah. Maka tahu-lah Nabi Sulaiman, bahawa perempuan yang kedua ini-lah ibu budak itu.

Fasal yang kedua puluh empat berisi kata penutup. Sa-sungguh-nya buku Tajus-Salatin itu di-pandang sa-bagai cermin bagi raja2, banyak nasihat dan petunjuk yang berharga bagi raja di-zaman itu.

Meneliti aliran kandungan kitab "Tajus-Salatin" itu boleh-lah di-katakan sedikit sa-banyak-nya pengarang ini ada menyador kesusasteraan Islam Parsi, lebeh2 lagi susunan jalan bahasa-nya mengikut gaya ikatan sajak2 Parsi ia-itu Mathnawi, Ruba'i, Ghazal. Bagitu pun harus-lah di-sedari akan keadaan zaman-nya kerana sa-lain daripada bahasa Arab, bahasa Parsi-lah satu2-nya sumber pengetahuan. Dalam pendahuluan-nya pengarang kitab Tajus-Salatin ini ada menyebutkan tujuh buah kitab2 chiptaan Parsi yang di-jadikan panduan:

- i. Minhaj al-Salatin
- ii. Akhlaq al-Muhsini
- iii. Siyar al-Muluk
- iv. Sifat al-Muluk
- v. Akbar al-Muluk
- vi. Sifat al-Salatin
- vii. Adab al-Umara'.

TUN SERI LANANG

Nama: Tun Muhammad bin Tun Ahmad.

Lahir: di-Johor.

Tahun: Hidup pada akhir abad ke-16 hingga awal abad ke-17.

Tun Seri Lanang lahir dari keturunan Bendahara² Melaka dan Johor. Ia di-perchayai hidup pada akhir abad ke-16 hingga awal abad ke-17. Nama Tun Seri Lanang yang sa-benar-nya ia-lah Tun Muhammad dan Tun Seri Lanang ia-lah nama timang²an-nya. Paduka Raja ia-lah gelaran pembesar negara yang di-terima-nya dari sultan.

Beliau ia-lah anak kapada Paduka Raja, Tun Ahmad Temenggong Johor dengan isteri-nya Tun Genggang, chuchu kapada Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai, chichit kapada Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Penghulu Benda-hari Tun Tahir.

Tun Tahir itu kekanda pada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang di-hukum bunoh oleh Sultan Mahmud Shah di-dalam tahun Masehi 1509. Mereka berdua ini ada-lah anak kapada Tun Kudu (bekas isteri Sultan Muzaffar Shah).

Tun Kudu ia-lah kakak pada Bendahara Paduka Raja Tun Perak, sa-orang Bendahara Melaka yang bijak dan berkuasa di-belakang sultan² Muzaffar Shah, Mansor Shah, Alauddin Ri'ayat Shah, yang membawa kemashhoran bandar Melaka (1456 — 1498).

Dengan ini tidak hairan-lah kalau Tun Seri Lanang juga sa-orang sasterawan yang bijak. Kerana memandang dari keturunan ini tentu-lah ia tinggal di-kalangan istana yang mana sudah sa-mesti-nya mendapat didekan sempurna baik bahasa, tatatertib dan agama.

Tun Seri Lanang telah di-angkat menjadi bendahara di-Seluyut, masa kerajaan Sultan Abdul Jalil II (1570 — 1597).

Pindah ka-Johor Lama, kemudian ka-Batu Sawar. Apabila Sultan Abdul Jalil Shah mangkat, Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad hendak menabalkan Raja Abdullah dengan kerelaan Raja Mansor, tetapi Raja Abdullah menolak, jadi di-angkat-lah Raja Mansor naik takhta kerajaan bergelar Sultan Alauddin Ri'ayat Shah (1597 — 1613). Baginda ini tidak chenderong memerintah — kerajaan di-tadbir oleh Raja Abdullah. Di-sini mereka mendirikan kota pada suatu tempat yang bernama Pasir Raja. Kata '*Sejarah Melayu*': Maka semayam-lah baginda di-negeri Pasir Raja, di-dalam perentahan adinda baginda Raja Abdullah, di-pangku Bendahara Paduka Raja.

Pada 13 May 1612 Tun Seri Lanang atau nama-nya Tun Muhammad yang di-gelar Bendahara Paduka Raja di-minta mengarang sejarah Melayu oleh Raja Abdullah. Hal ini dapat kita ketahui dari pendahuluan kata buku *Sejarah Melayu* itu.

Sa-telah memuji Allah dan menguchapkan salawat akan Nabi, *Sejarah Melayu* naskhah Raffles 18 ini mengatakan:

'...sa-ribu dua puluh esa tahun, pada tahun Dal awal pada dua belas haribulan Rabi'il-awal pada hari Ahad pada waktu doha, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alauddin Ri'ayat Shah, zillullahi fil-alam sedang bernegeri di-Pasir Raja. Dewasa itu bahasa Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Seri Agar Raja, Patani, ia-itu datang menjunjung titah Yang Pertuan di-Hilir....'

Keterangan di-atas itu di-sambong dengan pujian2 pada Yang Pertuan di-Hilir itu. Kemudian baharu-lah di-tuliskan titah-nya:

'....Demikian bunyi-nya titah yang maha mulia itu: Bahawa hamba minta di-perbuatkan hikayat pada Bendahara, peratoran segala raja2 Melayu dengan isti'adat-nya supaya di-dengar oleh anak chuchu kita yang kemudian dari kita dan di-ketahuinya-lah segala perkataan, shahadan ber-oleh faedah-lah mereka itu daripada-nya. Sa-telah fakir alladzi huwa murakkabun alal jahli wat taksir, ya'ani fakir yang insaf akan lemah keadaan diri-nya dan singkat penge-

tahuan ilmu-nya, alladzi murakkab 'alal jahilliab, ya'ani yang kenderaan atas bebal-nya, menengar titah yang maha mulia itu, maka terjunjong-lah atas batu kepala fakir dan berat-lah atas segala anggota fakir. Maka fakir bergunchang-lah diri fakir pada mengusahakan, shahadan memohonkan taufik ka-hadhrat Tuhan sani'ul-alam dan kapada Nabi sayyidul-anam. Maka fakir karang-lah hikayat ini kama sami'tu mit jaddi wa-abi, dan fakir himpulkan daripada segala riwayat orang tua² dahulu kala, supaya akan menyukakan duli hadhrat baginda. Maka fakir namai-nya hikayat ini Sulalatus-Salatin ya'ani peratoran segala raja²....'

Sa-tahun kemudian dari tarikh Tun Seri Lanang mengarang *Sejarah Melayu*, ia-itu pada tahun Masehi 1613 Pasir Raja di-alahkan oleh Acheh. Sultan Alauddin Ri'ayat Shah dan Yang Pertuan di-Hilir (Raja Abdullah) di-bawa ka-Acheh. Tentu-lah Tun Seri Lanang mengiringi raja-nya ka-Acheh itu.

Di-Acheh Tun Seri Lanang dapat menemui ulama² saperti Shamsuddin al-Samaterani, Shaikh Nuruddin al-Raniri, dan beberapa orang lagi.

Shaikh Nuruddin al-Raniri yang telah mengarang *Bustanus-Salatin* (Taman Segala Raja²) pada tahun Masehi 1638 telah menyebutkan nama Tun Seri Lanang sa-bagai pengarang *Sejarah Melayu*, ini terdapat pada fasal 12 bab II yang meriwayatkan tawarikh raja² Melaka dan Pahang, kata-nya:

'Fasal yang kedua belas pada menyatakan tawarikh segala raja² yang kerajaan di-negeri Melaka dan Pahang: Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab masirat Sulalatus-Salatin, ia menengar daripada bapa-nya, ia menengar daripada nenek-nya dan dato'-nya tatkala pada Hijrah al-Nabi sallallahu alaihi wasallam sa-ribu dua puluh esa pada bulan Rabi'il-awal pada hari Ahad ia mengarang hikayat pada menyatakan segala raja² yang kerajaan di-negeri Melaka, Johor dan Pahang, dan menyatakan bangsa dan salasilah mereka itu daripada Sultan Iskandar Dzulkarnain....'

Shaikh Nuruddin al-Raniri ini hidup pada zaman Tun Seri Lanang, tentu-lah tulisan-nya itu dapat di-pertanggung-jawabkan. Sa-masa di-Acheh ini-lah Tun Seri Lanang mendalami pelajaran agama dengan Shaikh Nuruddin, dan Shaikh Nuruddin ini pula mendalami bahasa Melayu-nya pada Tun Seri Lanang.

Karya-nya

13 May 1612: *Sulalatus-Salatin*. (Sejarah Melayu)

Awal abad ke-17 telah lahir beberapa buah buku ke-susasteraan yang besar. Antara-nya *Tajus-Salatin* (Mahkota Segala Raja2) 1603, *Sulalatus-Salatin* (Sejarah Melayu) 1612 dan *Bustanus-Salatin* (Taman Segala Raja2) 1638.

Dari beberapa buku ini, Sejarah Melayu telah mendapat sambutan yang sangat besar oleh penyelidek2 Barat yang tidak puas2 mengkaji-nya. Sejarah Melayu bukan sa-takat lebeh istimewa di-antara ketiga buku tadi, malah dari semua buku2 sejarah termasuk Kesah Raja2 Pasai yang di-karang pada 1450, kira2 satu sa-tengah abad terdahulu, demikian juga dengan Hikayat Acheh yang terkemudian sedikit itu.

Buku2 hikayat yang mencheritakan sejarah lain-nya merupakan sejarah tempatan sahaja, tetapi Sejarah Melayu sa-lain daripada menuliskan sejarah Tanah Melayu, telah merangkum sejarah umum Tenggara Asia. Daerah2 yang di-perkatakan sangat luas. Di-barat-nya termasuk Arab dan India, di-utara-nya terdapat negara2 Siam, Kemboja dan China, sa-lain dari itu meliputi daerah2 di-sekitar kepulauan Melayu saperti Sumatera, Jawa, Brunei, Celebes dan lain2.

Bagi para sarjana bangsa Eropah, buku ini sangat besar guna-nya. Mereka dapat mengkaji dan menyelidek segala hal ahwal kerajaan Melayu yang telah lalu, mithal-nya tentang keturunan raja2 dan orang2 besar, kebudayaan dari segi 'adat isti'adat, perhubungan dalam masharakat, perkembangan fikiran, ekonomi dan sa-bagai-nya.

Dalam hal itu mereka telah meninggalkan beberapa persoalan yang tidak di-putuskan, dan persoalan itu tetap meragukan penyelidek2 bangsa Melayu sendiri.

A. Samad Ahmad penyusun buku *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, pada muka 62 menyatakan: "Ada beberapa perkara penting2 berkenaan dengan buku ini masih belum dapat keputusan-nya yang tepat, ya'ani belum di-dapati tahkik-nya oleh para sarjana yang mengkaji dan menyelideki itu, umpama-nya tentang soal2: Siapa pengarang atau penyusun-nya? Di-mana buku itu telah di-karang? Yang mana-kah di-antara naskhah2 lama-nya yang tertua? Sa-jauh mana-kah kandungan *Hikayat Melayu* di-bawa orang dari Goa — seperti yang tersebut di-dalam permulaan kata buku itu — telah di-perbaiki sama ada di-pinda atau di-tokok tambah oleh penyusun-nya yang terkemudian?"

Sarjana2 Barat masa itu yang terdiri dari bangsa Inggeris, Belanda dan Peranchis berminat besar terhadap Sejarah Melayu. Mereka berebut2 menerbitkan cherita2 yang berupa Sejarah Melayu, mana2 yang tidak mempunyai naskhah tulisan tangan, meminta orang2 yang di-kenali untok mencheritakan kapada-nya.

Dari beberapa naskhah yang menjadi bahan penye-lidekan sarjana Barat, chuma dua sahaja yang baik di-jadikan bahan perbandingan. Pertama Sejarah Melayu naskhah Raffles 18, dan kedua naskhah Shellabear. Pokok perbahathan yang menimbulkan persoalan yang tidak dapat diputuskan itu kerana di-dalam pembukaan kata naskhah Shellabear itu ada menuliskan tentang Hikayat Melayu, di-bawa oleh orang dari Goa dan di-tuliskan nama pengarang-nya sa-bagai Tun Seri Lanang.

Di-atas tadi ada-lah pembukaan kata naskhah Raffles 18 yang dapat di-anggap naskhah yang tertua, dan untok menjadi perbandingan supaya dapat di-selesaikan segala persoalan2 di-sini saya tuliskan pembukaan kata dari naskhah Shellabear pula:

*...Wa ba'adahu ada pun kemudian dari itu telah berkata fakir yang insaf akan lemah keadaan diri-nya dan singkat pengetahuan ilmu-nya, dan pada suatu masa bahawa fakir dudok pada suatu majlis dengan orang besar2 ber-senda gurau. Pada antara itu ada sa-orang orang besar,

terlebeh mulia-nya dan terlebeh besar mertabat-nya daripada yang lain; maka berkata ia kepada fakir, "Hamba dengar ada hikayat Melayu di-bawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kira-nya dengan isti'adat-nya, supaya di-ketahui oleh segala anak chuchu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh di-ingatkan-nya oleh segala mereka itu, shahadan ada-lah beroleh faedah ia daripada-nya." Sa-telah fakir mendengar demikian, jadi berat-lah atas anggota fakir alladzi buwa murakkabun alal-jahli Tun Muhammad nama-nya, Tun Seri Lanang timang2an-nya, Paduka Raja gelaran-nya, Bendahara, anak Orang-kaya Paduka Raja, chuchu Bendahara Seri Maharaja, chichit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindam, qaddasallahu sirrahum. Melayu bangsa-nya, dari Bukit Siguntang Maha Meru, Malakat negeri-nya, Batu Sawar Darus-Salam. Demikian kata-nya: "Tatkala hijratun-nabiyyi salalahu alaihi wa sallam sa-ribu dua puluh satu tahun, kepada tahun Dal, pada dua belas haribulan Rabi'ul-Awwal, kepada hari Khamis, waktu al-dhoha, pada ketika Shamsu, pada zaman kerajaan marhum yang mangkat di-Acheh, Sultan Alauddin Ri'ayat Shah zillullahi fil-alam, anak Sultan al-ajalli Abd al-Jalil Shah, akhi Sultan Muzaffar Shah, ibni-Sultan Alauddin Ri'ayat Shah, ibni Sultan Mahmud Shah, chuchu Sultan Alauddin Shah, chichit Sultan Mansor Shah, piut Sultan Muzaffar Shah, a'anahu wa sultanahu, wa abbada 'adlahu wa ihsanahu. Sedang baginda bernegeri di-Pasai, dewasa itu-lah datang Raja Dewa Sa'id kepada hamba Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja Petani, menjunjongkan titah yang Pertuan di-Hilir, Sultan Abdullah Mu'ayah Shah, ibni Sultani al-ajalli 'Abdi al-Jalil Shah: fa-inna lahu sharaful-makani waz-zamani. . . ."

Keterangan di-atas ini di-lanjutkan dengan puji2an pada Yang Pertuan di-Hilir. Kemudian baharu-lah di-sambong dengan titah-nya:

"...Demikian bunyi titah yang maha mulia itu: "Babawa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri persetua dan peratoran segala raja2 Melayu dengan

isti'adat-nya sa-kali, supaya di-ketahui oleh segala anak chuchu kita yang kemudian daripada kita, di-ingatkan-nya oleh mereka itu, shahadan beroleh faedah-nya ia daripadanya. Sa-telah fakir alladzi huwa murakkabun alal-jahli maka fakir terkejut-lah diri fakir pada mengusahakan dia; shahadan memohonkan taufik ka-hadhrat Tuhan sani'ul-alam, dan minta huruf kapada Nabi sayyidil-anam, dan minta ampun kapada sahabat yang akram. Maka fakir karang-lah hikayat ini kama sami'tuhu min jaddi wa abi, supaya akan menyukakan duli hadhrat baginda. Maka fakir namai hikayat itu Sulalatus-Salatin, ya'ani peratoran segala raja2....'

Sa-telah mengetahui permulaan kata kedua2 buku ini, baik-lah di-kaji satu persatu akan maksud-nya. Dalam permulaan kata Sejarah Melayu naskhah Raffles 18, semua-nya jelas, tidak ada sa-suatu hal yang bertelingkah yang boleh meragu dan membingungkan. Dapat-lah di-huraikan bagini:

Pada hari Ahad 12 Rabi'ul-awal 1021 (13 Mei 1612) sa-masa kerajaan (Johor) di-perintah oleh Sultan Alauddin Ri'ayat Shah, bertempat di-Pasir Raja. Masa itu-lah datang Tun Bambang membawa surohan Yang Pertuan di-Hilir (Raja Abdullah)....suroh membuat hikayat pada Benda-hara (Tun Seri Lanang) tentang peratoran segala raja2 Melayu dan adat isti'adat-nya sa-kali....maka fakir (Tun Seri Lanang) mengarang hikayat (Sejarah Melayu)....dan fakir himpun daripada segala riwayat orang tua2....

Oleh kerana naskhah Raffles 18 ini satu2-nya naskhah Sejarah Melayu yang dapat di-anggap sa-bagai naskhah yang tertua dan perdu pada naskhah2 lain-nya, tentu-lah tidak akan timbul persoalan naskhah hikayat Melayu di-bawa orang dari Goa, apa lagi persoalan nama pengarang-nya.

Sa-tengah2 para penyelidek mengatakan perkataan *riwayat* di-dalam ayat: *fakir himpункan daripada segala riwayat orang tua2* ini sa-bagai menandakan ada hikayat Melayu yang di-jadikan asas oleh Tun Seri Lanang untuk menulis Sejarah Melayu-nya. Hal ini tidak lojik sama sa-kali, kerana perkataan *riwayat* dengan *hikayat* tentu berlainan ma'ana-nya. Tun Seri Lanang pun sangat faham pada

menggunakan perkataan *riwayat* itu. Kira-nya pengarang menyebut *hikayat*, mungkin memang ada hikayat atau buku lama yang di-jadikan asas penulis Sejarah Melayu itu, tetapi pengarang-nya menyebut *riwayat* yang berma'ana cerita; riwayat orang tua², yang di-maksudkan-nya tentu-lah cerita mulut orang tua² termasuk dato' moyang-nya. Kenyataan ini di-kuatkan lagi oleh Shaikh Nuruddin al-Raniri yang hidup sa-zaman dengan Tun Seri Lanang itu. Dalam buku-nya *Bustanus-Salatin* atau *Taman Segala Raja²*, Shaikh Nuruddin al-Raniri mengatakan: Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab masirat *Sulalatus-Salatin*, ia menengar daripada bapa-nya, ia menengar daripada nenek-nya dan dato'-nya. . . . (dalam fasal 12 bab II).

Keraguan tentang usaha Tun Seri Lanang mengarang Sejarah Melayu ini telah timbul hingga begitu kusut sa-kali dari sebab penyelidekan² sarjana² Barat itu-lah. Dalam penyelidekan itu mereka telah menarek masuk permulaan kata dari naskhah Shellabear yang ada menyebut: Hamba dengar ada hikayat Melayu di-bawa oleh orang dari Goa, barang kita perbaiki dengan isti'adat-nya. . . .

Dengan memasokkan ayat ini bukan persoalan pengarang-nya sahaja yang telah meragukan mereka, malah banyak persoalan lagi. Tentu sahaja lebeh membingungkan bila ayat itu di-beri nama Orang Kaya Sogoh saperti yang terdapat pada naskhah² lain-nya.

Semua sarjana² Barat yang telah menyelidek dan mengkaji sa-pakat mengatakan 'Naskhah Shellabear' ini bukan karya asli Tun Seri Lanang. Ia hanya salinan dari karya asli sa-telah beberapa tahun pengarang-nya meninggal dunia. Mereka memberi alasan kerana di-dapati beberapa kesalahan yang ta' mungkin berlaku kalau naskhah itu usaha Tun Seri Lanang sendiri. Mithal-nya saperti kesalahan tentang keturunan Tun Seri Lanang pada permulaan kata, demikian juga dengan kesalahan keturunan Tun Seri Lanang pada cetera yang kedua puluh tujuh.

Jadi ayat yang tidak ada dalam naskhah Raffles 18, tetapi ada di-dalam naskhah Shellabear yang berbunyi, "Hamba dengar ada hikayat Melayu di-bawa oleh orang dari Goa. . . ."

ini tentu-lah tokok tambah penyalin-nya sahaja, tidak tulisan asli Tun Seri Lanang. Untuk membandingkan chuba kita perhatikan dengan teliti:

- i. '....Hamba dengar ada hikayat Melayu di-bawa oleh orang dari Goa, barang kita perbaiki kira-nya dengan isti'adat-nya supaya di-ketahui oleh segala anak chuchu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh di-ingatkan-nya oleh segala mereka itu, shahadan ada-lah beroleh faedah ia daripada-nya....'
- ii. '....Bahawa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri persetua dan peratoran segala raja2 Melayu dengan isti'adat-nya sa-kali, supaya di-ketahui oleh segala anak chuchu kita yang kemudian daripada kita, di-ingatkan-nya oleh mereka itu, shahadan beroleh faedah-lah ia daripada-nya.'

Bahagian (ii) yang ada pada naskhah Raffles 18 dan juga pada naskhah Shellabear ini merupakan titah Yang Pertuan di-Hilir kepada Tun Seri Lanang, maksud-nya chukup terang dan jelas. Ia-itu supaya Bendahara mengarang sejarah, peratoran dan 'adat isti'adat Melayu.

Tetapi bahagian (i) yang tidak ada pada naskhah Raffles 18, chuma di-tambah pada naskhah Shellabear itu, tidak di-ketahui dan di-tentukan surohan siapa. Hal ini chuma lintasan pendapat penyalin-nya itu. Perkataan *isti'adat-nya* tidak membawa ma'ana isti'adat Melayu hendak di-karang, malah isti'adat itu hendak-lah di-lakukan samasa membaiki hikayat Melayu yang telah ada itu. Chuba bacha hati2 ayat-nya: *Barang kita perbaiki kira-nya dengan isti'adat-nya....*, hal ini semua lebeh menjelaskan bahawa ayat itu bukan dari titah Yang Pertuan. Jadi bagaimana-kah hendak kita terima bahawa memang ada hikayat Melayu dari Goa dan Tun Seri Lanang membaiki-nya atau menyusun-nya?

Tambahan lain ia-lah tentang nama pengarang-nya. Di-dalam naskhah Raffles 18 tidak di-sebutkan nama pengarang-nya, hal ini sesuai dengan teradisi pengarang2 Melayu yang tidak menchatetkan nama pada karangan2-nya. Tetapi

di-dalam naskhah Shellabear telah di-tambah dengan nama pengarang serta keturunan-nya. Kebetulan pula teradisi pengarang asal saja, bagaimana pula kalau penyalin itu menulis nama-nya sendiri sa-bagai pengarang-nya?

Sa-lain daripada tambahan² yang di-ketahui itu, ada beberapa perubahan yang terdapat di-dalam pembukaan kata naskhah Shellabear. Supaya lebeh jelas saya turunkan melalui daftar:

<u>Perkara</u>	<u>Naskhah Raffles 18</u>	<u>Naskhah Shellabear</u>
hari	Ahad	Khamis
tarikh	12 Rabi'ul-awal 1021	12 Rabi'ul-awal 1021
zaman	pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alauddin Ri'ayat Shah.	pada zaman kerajaan al-marhum yang mangkat di-Acheh, Sultan Alauddin Ri'ayat Shah.
tempat	di-Pasir Raja	di-Pasai.
pembawa titah	Tun Bambang	Raja Dewa Sa'id kapada Tun Bambang.
Perintah	Pertuan di-Hilir	Pertuan di-Hilir.

Bagi sa-tengah² penyelidek dapat menerima permulaan kata naskhah Shellabear itu. Kerana serba sedikit maseh dapat di-fahamkan bahawa Sejarah Melayu itu telah di-karang pada masa Johor di-bawah pemerintahan Sultan Abdullah Mu'ayah Shah, hal ini di-dasarkan kerana pengarang-nya menyebutkan Sultan Alauddin Ri'ayat Shah itu sa-bagai al-marhum yang mangkat di-Acheh. Tetapi sa-benar-nya tentu-lah menunjokkan masa itu bukan zaman-nya lagi.

Tetapi bagi selidekan yang lebeh kritis kesimpulan saperti di-atas ini tidak dapat di-terima. Titah mengarang Sejarah Melayu bukan pada zaman Sultan Abdullah Mu'ayah Shah (1613-1623). Kedua² naskhah itu, Raffles 18 dan Shellabear menetapkan titah itu ia-lah pada 12 Rabi'ul-awal 1021 (13 Mei 1612). Masa itu ia-lah sa-tahun sa-belum zaman Sultan Abdullah Mu'ayah Shah, kerana naskhah Raffles 18

menyebut 'zaman Sultan Alauddin Ri'ayat Shah' dan naskhah Shellabear menyebut 'zaman almarhum mangkat di-Acheh, Sultan Alauddin Ri'ayat Shah'. Tidak ada yang menyebut zaman Sultan Abdullah Mu'ayah Shah.

Satu perkara penting yang mesti di-perhatikan ia-lah pada bahagian awal pembukaan kata naskhah Shellabear yang tidak ada pada naskhah Raffles 18. Tulisan itu ada-lah chiptaan penyalin sahaja. Manakala sampai pada pembukaan kata yang ada pada naskhah Raffles 18, penyalin itu memberikan tanda pembuka yang menunjukkan itu-lah pembukaan kata Tun Seri Lanang yang di-salin-nya. Ia menuliskan: Melayu bangsa-nya, dari Bukit Siguntang Maha Miru, Malakat negeri-nya, Batu Sawar Darus-Salam. Demikian kata-nya: "Tatkala hijratun-nabiyyi sallallahu 'alaihi wasallam sa-ribu dua puluh satu tahun. . . .

Jadi bahagian ini-lah, bahagian yang di-reka oleh penyalin-nya yang menjadi kekeliruan penyelidek2 kerana ada menyebut 'hikayat Melayu di-bawa orang dari Goa' hingga mendatangkan sangkaan Tun Seri Lanang menyusun Sejarah Melayu berasaskan hikayat itu.

Kesimpulan-nya dari segi pembukaan kata yang mendatangkan persoalan2 yang tidak dapat di-selesaikan itu chuma kekeliruan penyalin yang hendak memasokkan nama Tun Seri Lanang sa-bagai pengarang-nya yang sa-benar.

Dari segi pembahagian chetera-nya mungkin memeranjatkan, kerana naskhah Raffles 18 chuma mengandongi 31 chetera, akan tetapi naskhah Shellabear mengandongi 34 chetera. Sa-benar-nya tidak-lah begitu banyak bedza-nya. Naskhah Raffles 18, mengandongi 31 chetera itu sampai pada Sultan Alauddin II, tahun 1535. Dan naskhah Shellabear yang mengandongi 34 chetera itu pun sampai pada cherita Sultan Alauddin II tahun 1535 juga, chuma di-tambah beberapa muka untuk cherita empat orang Sultan sa-sudah zaman Sultan Alauddin II tadi. Lebeh2 lagi cherita Sultan Alauddin II ini terdapat pada chetera yang ke-34, hal ini menunjukkan penyalin-nya telah memecahkan naskhah Raffles 18 itu dari 31 chetera kepada 34 chetera saperti yang

terdapat dalam naskhah Shellabear. Oleh itu sangkaan Tun Seri Lanang sa-bagai penyalin-nya sahaja ada-lah sangat di-kesalkan.

Tun Seri Lanang telah menuliskan kesah2 yang terdapat di-dalam Hikayat Iskandar Dzul-Karnain pada bahagian permulaan Sejarah Melayu. Kemudian cherita2 yang terdapat di-dalam Hikayat Raja2 Pasai pada chetera yang ketujuh hingga kesembilan.

Bahagian sa-lanjut-nya yang merupakan chetera tawarikh Melaka dari datang-nya raja Singapura ka-Melaka, kemashhoran dan kejatohan negeri Melaka, kita tidak mendapati satu2 kesah pemberitaan yang dapat di-jadikan bukti bahawa sejarah itu di-tulis di-Melaka. Keseluruhan-nya di-tulis dengan gaya ingatan atau pun pencheritaan yang menunjokkan kesah2 itu di-tulis satu abad kemudian dari cherita2 orang tua2 sahaja. Hal ini bertepatan dengan kata Tun Seri Lanang dalam permulaan buku-nya itu: fakir karang-lah hikayat ini dan fakir himpunkan daripada segala riwayat orang tua2

Dalam memenohi tugas mengarang Sejarah Melayu ini Tun Seri Lanang tidak mengikat diri-nya dengan mendewakan raja2 sahaja. Ia menampakkan peribadi-nya sa-bagai bendahara yang tugas-nya menjadi penasihat kapada raja. Sa-tiap cherita-nya di-olah menjadi cherita2 tauladan. Mithal-nya yang mudah pada chetera yang kesapuluh; kesah raja Singapura yang bergelar Paduka Seri Maharaja. Baginda membunuh sa-orang ulama' bernama Tun Jana Khatib dengan tiada usul pereksa lagi. Akibat-nya negeri Singapura di-timpa malang. Yang Maha Berkuasa menurunkan pembalasan melalui ikan todak yang menyerang dengan tiba2 sahaja. Raja Singapura yang tidak mahu insaf itu telah melakukan kedzaliman lagi. Kanak2 yang dapat memberi fikiran untok melawan ikan2 todak telah di-bunuh-nya.

Pembalasan pun di-timpakan lagi pada Singapura sa-telah raja itu mangkat. Anak raja itu pula telah membunuh anak sa-orang pegawai, di-sula di-hujung pasar kerana baginda mendengarkan fitnah daripada gundek2-nya yang lain.

Pegawai itu pun belut lalu berhubung dengan kerajaan Majapahit. Akhir-nya datang-lah angkatan perang Majapahit menyerang dan mengalahkan Singapura. Demikian-lah juga pada cherita2 yang lain, semua-nya menjadi cherita nasihat belaka.

Di-beberapa tempat pengarang-nya memberikan nasihat yang panjang2 melalui watak2-nya. Hal ini dapat di-lihat pada wasiat dari tiga orang sultan, ia-itu Sultan Mansor Shah, Sultan Alauddin Ri'ayat Shah I dan Sultan Mahmud Shah. Mereka di-lukiskan di-dalam keadaan yang tenat dan susah kerana akan meninggal dunia lalu mengeluarkan kata2 nasihat kepada sa-saorang putera-nya yang bakal memerintah negeri.

Tidak chukup dengan sultan2, orang2 besar pula di-lukiskan demikian, seperti bendahara mithal-nya. "Maka Bendahara pun menyembah pada Sultan Mahmud Shah, seraya berkata: Ada pun tuanku, pada perasaan patek, yang dunia ini luput-lah daripada genggamannya, melainkan negeri akhirat sa-mata2 patek hadapi. Dan segala anak buah patek petaroh patek-lah ka-bawah duli tuanku; hendak-lah tuanku jangan dengar2an akan sembah orang tiada sa-benar-nya. Jikalau tuanku dengar2an akan kata orang yang fitnah itu, tuanku menyesal kelak. Ada pun yang kehendak nafsu itu daripada waswas shaitan 'alaihil-la'anah. Banyak raja2 yang besar2 di-binasakan Allah kerajaan-nya sebab menurut hawa nafsu-nya."

Tidak dapat di-nafikan lagi bahawa Tun Seri Lanang ada-lah pengarang yang terkemuka sa-kali dalam sejarah ke-susasteraan Melayu kelasik. Dari buku-nya yang chuma sa-buah ini nyata-lah ia sa-orang yang berpengetahuan dan bijak dalam ilmu karang mengarang. Sa-tiap gambaran yang di-lukiskan terasa bagitu hidup. Suasana sa-suatu zaman dapat di-lihat perbedzaan-nya. Saperti zaman Bendahara Seri Maharaja di-bayangkan bagaimana ma'amor dan ramai-nya negeri Melaka yang telah menjadi tumpuan segala dagang dan persinggahan kapal2 dari atas angin:

*...ada pun zaman itu negeri Melaka terlalu sa-kali ramai-nya, segala dagang pun berkampong; maka dari Ayer

Leleh datang ka-Kuala Muar pasar tiada berkeputusan lagi, dari Kampong Keling datang ka-Kuala Penajoh itu pun tiada berkeputusan; jika orang dari Melaka datang ka-Jugra tiada membawa api lagi, barang di-mana berhenti di-sana ada-lah rumah orang; dari sa-belah sini hingga datang ka-Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu ra'ayat Melaka sembilan belas laksa banyak-nya yang di-dalam negeri juga.*

Sultan2 dan orang besar2 yang membawa watak2 di-dalam buku-nya itu tidak chuma di-jadikan patong untok pengarang mengeluarkan nasihat2 sahaja. Tun Seri Lanang sangat berjaya menggambarkan watak2 orang itu. Lebeh2 lagi watak2 manusia merdeka yang belum pernah kena jajah. Hal ini dapat di-lihat pada watak Bendahara2 yang berketurunan Melayu, mithal-nya seperti Bendahara Tuan Perak yang bijaksana dan Bendahara Paduka Tun (Dato' Lubok Batu) yang bersifat perwira:

*.....Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak: "Orang ini, ya tuan, Tun Perak, mengadukan hal-nya ka-bawah duli Yang di-Pertuan, mengatakan diri-nya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapa-kah maka demikian pekerti tuan-hamba?" Maka diam Tun Perak, tiada di-sahuti-nya.... Sa-telah tiga kali Seri Amerta berkata2 itu, maka baharu-lah di-sahuti-nya oleh Tun Perak, kata-nya: "Tuan Seri Amerta, akan tuan-hamba di-jadikan Yang di-Pertuan bentara, di-anugerahi pedang sa-bilah itu juga tuan-hamba peliharakan baik2, usahakan, jangan di-beri berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di-mana tuan-hamba tahu? Jikalau sa-besar tempurong sa-kali pun, negeri nama-nya; baik juga pada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang di-Pertuan tahu akan baik-nya juga pada kami, tiada tahu akan jahat-nya. Tetapi jikalau duli Yang di-Pertuan hendak menchercha hamba sebab orang itu, pechat-lah hamba dahulu, maka cherchakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum di-pechat, bagaimana hamba hendak di-chercha?"

Bendahara Paduka Tuan (Dato' Lubok Batu) yang bersifat perwira dan kasehkan tanah ayer, nyata sa-kali gam-

baran yang di-tuliskan oleh Tun Seri Lanang melalui dialog-nya:

‘...Maka Bendahara di-tandu orang di-bawa lari, Silamat Gagah nama orang menandu itu; maka Feringgi pun datang berturut2; maka kata Bendahara pada Silamat Gagah: “Balek, balek; langgarkan aku pada Feringgi.” Maka tiada di-beri oleh segala anak chuchu-nya. Maka kata Bendahara: “Cheh, chabar-nya segala orang muda2 ini! Apa daya-ku telah tepok? Jikalau aku lagi baik, matilah aku dengan Melaka ini.”’

Satu perkara yang terpenting di-dalam hal karang mengarang ia-lah bahasa. Kerana bahasa sa-bagai satu alat di-dalam usaha mengarang. Bahasa Tun Seri Lanang di-dalam Sejarah Melayu ini ada-lah bahasa Melayu yang maseh suchi murni. Sadikit sangat pemakaian bahasa asing, melainkan bahasa Arab jua yang kebanyakan-nya terdapat di-tempat2 yang tertentu di-dalam keadaan bahasa asal-nya. Pada awal kurun Masehi yang kelapan belas, Abdullah Munshi yang sekarang terkenal sa-bagai bapa kesusasteraan Melayu moden itu mendalami bahasa Melayu dari buku Sejarah Melayu ini-lah. Di-dalam pembukaan kata Sejarah Melayu yang di-usahakan-nya ia pernah menyatakan:

‘...jikalau kanak2 belajar bahasa Melayu yang betul seperti Sejarah Melayu, neschaya dapat di-cheraiakan oleh mereka itu perkataan dagang dan pasar itu daripada bahasa Melayu betul.’

Tun Seri Lanang menggunakan bahasa Melayu yang maseh suchi dalam ayat2 yang indah pada menggambarkan suasana2 cherita-nya. Dengan bahasa yang tersendiri, bahasa istana yang terkawal rapi, tidak banyak perkataan dan ungkapan yang susah2 itu-lah Sejarah Melayu menjadi hasil kesusasteraan Melayu klasik yang tinggi nilai seni-nya dan terkemuka.

Untuk mengukir sa-jauh mana kecekapan Tun Seri Lanang dalam menguasai bahasa dan segala keindahan-nya, chukup-lah kalau di-ikuti sadikit gambaran yang terdapat

pada bab yang kedua puluh tujuh, tentang *Kesah meminang Puteri Gunong Ledang*. Dengan gaya bahasa kesusasteraan, ia melukiskan cerita-nya:

'... Tun Mamat pun pergi-lah dengan dua orang yang pantas berjalan serta-nya naik Gunong Ledang. Telah datang had buloh perindu, maka segala orang yang naik itu seperti akan terbang rasa-nya, daripada sangat amat keras angin bertiup. Maka awan pun dapat di-chapai laku-nya. Shahadan bunyi buloh perindu itu terlalu merdu bunyi-nya, burung terbang pun berhenti mendengar bunyi-nya, segala mergastua pun hairan mendengar dia. Maka Tun Mamat bertemu dengan satu taman, terlalu indah2 perbuatan taman itu; maka Tun Mamat pun masok ka-dalam taman itu, maka di-lihat oleh Tun Mamat serba bunga2an dan pelbagai buah2an ada dalam taman itu sakalian-nya dengan jambangan-nya, pelbagai rupa jambangan. Sa-telah di-lihat Tun Mamat, segala burung di-dalam taman itu pun berbunyi, pelbagai bunyi-nya, ada yang seperti orang bersiul, ada yang seperti orang berbangsi, ada yang seperti orang bershaer, ada yang seperti orang berbaht, ada yang seperti orang berseloka, ada yang seperti orang bergurindam, limau mengkar pun bersorak, anggerek pun mengilai, delima tersenyum, dan bunga ayer mawar berpantun kata-nya,

Sana sini gigi menimang,

Hendak makan ikan dalam telaga:

Lagi lemak telur berlinang,

Sisek-nya letak kapada dada.

Maka di-sahuti oleh bunga tanjong biru, kata-nya,

Dang Nila memangku puan,

Berembang buah pedada;

Ada-kah gila bagi-mu tuan?

Burong terbang di-pipiskan lada.'

ISI SEJARAH MELAYU

Tersebut dalam Sejarah Melayu bahawa Raja Iskandar yang berbangsa Rum dari negeri Makadunia memasoki Tanah Hindi (India), ia-itu jajahan Sungai Indus, dengan tentera

berkuda-nya yang termashhor. Raja besar di-daerah Sungai Indus itu bernama Kida Hindi. Waktu itu baginda telah mempunyai tentera bergajah yang kuat sa-kali.

Dalam pertemporan yang pertama tentera berkuda Raja Iskandar bukan saja tidak sanggup mengalahkan tentera Hindu itu, tetapi ternyata tentera-nya itu jauh lebeh lemah sa-masa berhadapan dengan tentera bergajah orang Hindu itu. Tentera berkuda itu hampir ta' dapat mendekati tentera Hindu. Akan tetapi kerana kelalaian raja Hindu, tentera Raja Iskandar dapat berkumpul kembali dan segera menyeberangi dan menyerbu tentera bergajah itu, sa-hingga tentera Hindu kalah.

Manakala kerajaan Hindu itu dapat di-kalahkan, menurut adat zaman yang lampau, raja yang di-alahkan itu harus mempersembahkan puteri-nya kapada Raja Iskandar, ia-itu puteri-nya yang bernama Shamsul-Bariah yang terkenal kechantekean-nya itu. Yang menjadi penghulu mengahwinkan dalam cherita itu di-katakan-nya Nabi Khidzir, kapada-nya raja Kida Hindi berwakil.

Sa-telah beberapa tahun kemudian baharu-lah Raja Iskandar pulang ka-negeri-nya di-Makadunia. Dan daripada anak chuchu-nya yang di-cheritakan oleh Tun Seri Lanang itu ada sa-orang daripada-nya mewarithi kechenderongan Raja Iskandar yang hendak mena'alok negeri2 lain. Apabila tidak dapat mena'alok negeri China, Raja Suran yang telah menjadi raja besar dengan luas ta'alok-nya itu pun ingin melihat keadaan dalam laut. Lalu di-buat-nya sa-buah peti kacha dan Raja Suran masok ka-dalam peti kacha berkunchi dari dalam, lalu di-hulor orang ka-laut. Di-dasar laut Raja Suran menemui sa-buah kerajaan yang bernama Aftabul-Ardh. Dia di-terima oleh raja negeri itu dan di-kahwinkan dengan puteri-nya bernama Mahtabul-Bahri. Raja Suran berputera tiga orang: Nila Pahlawan, Krisna Pendita dan Nila Utama. Kemudian Raja Suran kembali ka-dunia dan meninggalkan amanat kapada mentua-nya: Apabila anak-nya telah besar hendak-lah pesan ayah-nya itu di-sampaikan oleh nenek-nya. Dengan mengendarai sa-ekor lembu puteh serta dengan bersenjatakan tombak dan pedang serta alat2 kebe-

saran kerajaan, pada suatu malam berangkat-lah mereka ka-dunia. Dengan takdir Allah sampai-lah mereka ka-Bukit Siguntang Maha Meru dekat Palembang, di-Sumatera. Di-tempat itu mereka mendapati dua orang perempuan berhuma: Wan Empu' dan Wan Malini. Waktu anak2 raja itu datang ada sinar berchahaya2 di-bukit itu. Padi Wan Empu' dan Wan Malini berbuah emas, berdaun perak, berbatang tembaga dan suasa dan tanah sekitar bukit itu berubah menjadi saperti warna emas.

Nila Pahlawan dan Krisna Pendita di-kahwinkan oleh Bat, yang berasal dari buch muntah lembu kenaikan Sang Sapurba (Nila Utama) dengan Wan Empu' dan Wan Malini.

Cherita anak2 raja itu terdengar oleh Raja Palembang yang bergelar Demang Lebar Daun. Dia mempunyai sa-orang anak perempuan yang chantek bernama Siti Sundari. Sang Sapurba meminang Siti Sundari kapada Demang Lebar Daun, dengan perjanjian: Bila anak chuchu patek berbuat salah jangan-lah ia di-chercha dan dari pehak patek, berjanji bahawa anak chuchu patek tiada akan derhaka sa-lama2-nya. Di-katakan pula, barang siapa yang mengubah janji-nya itu, alamat bumbongan rumah-nya akan terbaek.

Sang Sapurba dengan Siti Sundari beroleh anak empat orang, dua laki2 dan dua perempuan. Yang sulong perempuan di-kahwinkan dengan Raja China. Anak-nya yang kedua perempuan juga di-kahwinkan dengan anak raja Majapahit. Anak lelaki — Sang Maniaka kahwin dengan anak raja Inderapura, dan anak yang bungsu bernama Sang Nila Utama berkahwin dengan Wan Seri Bani anak raja Bentan.

Sang Sapurba sendiri, menurut cherita orang tua2 memudeki Sungai Kuantan pergi ka-Minangkabau. Di-sana ia di-minta oleh orang Minangkabau akan menolong membunuh sa-ekor ular yang membinasakan perhumaan. Ular itu dapat di-bunuh oleh panglima Sang Sapurba yang bernama Parma Sikumambang. Sang Sapurba di-rajakan orang di-Minangkabau dan di-sana-lah ia mangkat.

Dari Bentan Sang Nila Utama dan isteri-nya pergi belayar. Ia menjumpai pulau Temasek. Di-pulau itu di-

lihat-nya sa-ekor singa. Dan Temasek di-tukar nama menjadi Singapura. Sang Nila Utama kemudian bergelar Seri Teri Buana. Sa-tengah2 pendapat mengatakan tiga buah negeri ia-itu, Singapura, Bentan dan Palembang. Empat orang keturunan-nya berturut2 menjadi raja di-Singapura. Yang penghabisan sa-kali amat dzalim, segala hukuman tidak dengan usul pereksa. Apabila anak sa-orang pegawai-nya teraniaya, pegawai itu belut lalu mengundang dan membuka pintu kota untok tentera Majapahit mengalahkan Singapura. Raja itu (Iskandar Shah) lari ka-semenanjung lalu membuka negeri Melaka.

Sa-telah beberapa keturunan kemudian baharu-lah Melaka di-datangi agama Islam. Raja dan orang besar2-nya pun memelok agama Islam. Sampai Sultan Muzaffar Shah dan Mansor Shah apabila Siam mengancham dan menyerang Melaka baru-lah ada hubongan-nya dengan negeri China.

Sultan Mansor Shah ini pernah ka-Majapahit berkahwin dengan puteri Betara Majapahit. Dan kerana ada-nya Bendahara Tun Perak yang bijaksana itu-lah Melaka dapat membesarkan ta'alok jajahan-nya di-seluruh semenanjung hingga ka-Siak, Kampar, Inderagiri dan lain2. Melaka mashhor membawa kapada zaman Sultan Alauddin Ri'ayat Shah. Dalam permulaan perementahan Sultan Mahmud Shah Melaka maseh ma'amor, hanya sejak mati-nya Bendahara Tun Perak keadaan Melaka mulai merosot. Lebeh2 lagi Sultan dengan bendahara yang kemudian-nya tidak ber-safahaman. Melaka jatuh ka-tangan penjajah Barat ia-itu Portugis pada 1511. Sultan Mahmud dengan putera-nya Sultan Ahmad yang sudah di-rajakan sa-bagai pengganti-nya berundur ka-hutan sampai ka-Pahang.

Kemudian Sultan Mahmud mendirikan kerajaan baru di-Riau-Lingga. Keturunan-nya menggantikan kerajaan itu membawa-nya ka-Johor-Lingga. Di-Johor kerajaan itu di-musnahkan oleh Portugis pada tahun 1535.

SHAIKH NURUDDIN AL-RANIRI

Nama: Shaikh Nuruddin bin Ali Hamid al-Raniri.

Lahir: di-Ranir berseberang dengan bandar Surat, dalam daerah Gujerat, India.

Tahun: pada awal kurun Maschi ke-17.

Shaikh Nuruddin al-Raniri sa-orang peranakan India, di-lahirkan di-Ranir berseberang dengan bandar Surat, dalam daerah Gujerat (India). Bapa-nya sa-orang keturunan Arab. Zaman itu bandar Gujerat menjadi tempat ulangan orang2 dagang, kelasi dan saudagar serta tempat lawatan perahu2 Melayu. Dan bahasa Melayu pula merupakan lingua franca di-Asia Tenggara. Bapa saudara Nuruddin, Muhammad Jailani Hamid telah mengajar tasauf di-bandar Acheh — kesemua-nya ini telah mendorong tokoh ulama' dan pujangga ini mempelajari bahasa Melayu untok menjadi ulama' di-Acheh.

Kemudian beliau pergi menunaikan haji ka-Mekah. Ia mendalami bahasa Melayu-nya kapada penuntut2 Melayu yang ada di-sana. Sa-telah pulang dari Mekah ia datang ka-Acheh, yang pada masa itu menjadi tumpuan bukan sahaja pedagang2, tetapi juga ulama'2. Lebeh2 lagi Sultan Acheh — Sultan Iskandar Muda memang memberi kesempatan luas kapada ulama'2 untok mengembangkan agama Islam. Hingga Perdana Menteri baginda pun di-lantek daripada sa-orang ulama' yang besar ia-itu Shaikh Shamsuddin al-Samaterani.

Oleh itu tidak hairan-lah kalau pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Acheh itu ada beberapa orang ulama' dan pujangga menumpang bertedoh di-bawah pementahan-nya. Antara ulama' dan pujangga yang dapat di-ketahui, Shaikh Shamsuddin al-Samaterani, Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel dan Bukhari al-Jauhari.

Di-antara ulama'2 itu Hamzah Fansuri pula mengikut faham wujuddiah dan fahaman-nya itu telah merebak pada Perdana Menteri Shamsuddin. Shaikh Nuruddin segera bertindak menentang-nya. Perdebatan pendapat itu mungkin begitu hebat. Dalam sa-buah buku yang bernama *Lataiful Anwar* ada terchatet shaer yang menentang usaha2 Hamzah Fansuri:

Shaer hikam sebab ku surat
Orang yang sesat banyak ku lihat
Di-satukan-nya Khalik dengan makhlukat
Di-shaer Hamzah di-sana di-dapat.

Shaikh Nuruddin al-Raniri dapat di-katakan mengambil bahagian dalam pertentangan faham itu kerana nama-nya juga ada terchatet di-dalam shaer2 perdebatan. Nuruddin tidak berjuang sendirian, ia di-sertai oleh Shaikh Abdul Rauf:

Kedua ini ulama' mashhor
Orang Acheh negeri ma'amor
Imu banyak tiada kabor
Tiada sadikit ia takbor.

Shaikh Nuruddin orang Ranir
Faham-nya itu amat-lah yakin
Abdul Rauf orang Singkel
Ilmu-nya itu banyak ta'wil.

Dua baris daripada shaer itu yang berbunyi: *Shaikh Nuruddin orang Ranir/Faham-nya itu amat-lah yakin*; dapat-lah di-ambil kesimpulan yang maksud-nya, Shaikh Nuruddin mengikut faham lama dan tidak dapat merubah faham-nya untok mengikut faham baru, lebeh2 lagi tarikat wujuddiah yang di-bawa oleh Hamzah Fansuri itu.

Shaikh Nuruddin al-Raniri telah mengarang beberapa buah kitab termasuk *Sirat al-Mustakim*, *Durrat al-Fara'id* dan *Hidayat al-Habib*. Kitab *Sirat al-Mustakim* ada-lah yang terpenting, sangat mashhor di-kalangan orang ramai.

Isi kitab itu mengenai ilmu fiqah, bagitu pun dapat juga digunakan oleh pengarang-nya untuk membuat kechaman pada *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Indera Putera* yang di-anggap sangat tidak berguna, chuma dapat di-champakkan ka-dalam kotoran, kechuali mereka menyebut nama Allah.

Apabila Sultan Iskandar Muda mangkat di-ganti oleh menantu-nya Sultan Iskandar Thani, anak raja dari Pahang, juga oleh kerana Shaikh Shamsuddin pun sudah mati, maka Shaikh Nuruddin al-Raniri dapat menjawat jawatan ulama' istana pada tahun Masehi 1637.

Sa-tahun kemudian pada tahun 1638 atas perintah Sultan Iskandar Thani, Shaikh Nuruddin al-Raniri mengarang kitab *Bustanus-Salatin* atau Taman Segala Raja². Dan dalam meneruskan usaha-nya menentang faham tarikat wujuddiah yang di-bawa oleh Hamzah Fansuri ia dapat mempengaruhi Sultan Iskandar Thani hingga kesemua kitab² karangan Hamzah dan Shamsuddin di-bakar. Dan juga mengarang kitab² *Asrar al-insan fi ma'arifat al-roh war-Rahman*, T.M. 1640 ia-itu perdebatan tentang roh dan juga mengandongi suatu sebutan terhadap Hamzah Fansuri. Dalam T.M. 1642 ia telah mengarang sa-buah kitab bernama *Akhhbar al-akhirah fi ahwal al-kiamah*, ia-itu berkenaan dengan kejadian Nur Muhammad, Adam dan maut, dengan shorga dan neraka; kandungan-nya telah di-sador daripada beberapa buah kitab di-antara-nya dua buah kitab karangan Imam Ghazali yang bernama *Daka'ik wal-Hakaik* dan *Durrat al-Jakhirah min kashf 'awam al-akhirah*. Kemudian kitab *Jawahir al-ulum fi kashf al-ma'alum*, T.M. 1642 juga; dan dalam kitab-nya *Tibyan fi ma'arifat al-adyan*, T.M. 1644 itu ia telah mendebat pendapat² Shamsuddin.

Sa-telah lama berkhidmat di-bawah kerajaan Sultan Iskandar Thani dan kemudian Sultan Tajul-Alam (bekas permaisuri Iskandar Thani) dan telah mengarang beberapa buah kitab, Shaikh Nuruddin al-Raniri pun pulang ka-India. Kemudian ia meninggal pada 21 September 1658.

Karya-nya

- : Sirat al-Mustaqim (Jalan yang lurus).
- : Durrat al-Fara'id.

1638: *Bustanus-Salatin* (Taman Segala Raja2).

1640: *Asrar al-insan fi ma'arifat al-roh war-Rahman*.

1642: *Akhbar al-akhirah*.

1642: *Jawahir al-'ulum fi kashf al-ma'lum*.

1644: *Tibyan fi ma'arifat al-adyan*.

Buku *Bustanus-Salatin* yang bererti Taman Segala Raja2 ini termasuk ka-dalam lengkongan buku sejarah dan ketatanegaraan yang di-hasilkan pada abad 17, zaman keagongan kerajaan Melayu Aceh.

Isi Taman Segala Raja2 ini banyak juga yang bersamaan dengan isi *Tajus-Salatin* (Mahkota Segala Raja2) karangan Bukhari al-Jauhari. Kedua2 pengarang-nya Bukhari al-Jauhari dan Nuruddin al-Raniri menyador kitab2 itu dari suatu sumber yang sama ia-itu dari kitab2 Parsi-Gujerat. Bedza-nya antara dua kitab itu, chuma sadoran Nuruddin al-Raniri lebeh bebas, ia lebeh banyak memasokkan fikiran-nya sendiri. Sa-berapa daya-nya chuma menyesuaikan isi buku Taman Segala Raja2 itu dengan keperluan dan keadaan bangsa Aceh atau Melayu umum-nya.

Di-lihat pembahagian bab2-nya tidak sa-banyak yang terdapat di-dalam *Tajus-Salatin*. Isi *Bustanus-Salatin* lebeh banyak dan chenderong bersifat sejarah, ia-itu berhubung dengan sejarah dunia yang di-ketahui oleh orang Parsi samasa itu dan sejarah Aceh sendiri. Hal ini dapat di-lihat saperti chontoh ini:

*.....maka kerajaan Sultan Iskandar Muda johan berdaulat..... 'Ia-lah yang johan pahlawan lagi perkasa dan bijaksana pada segala perkataan-nya dan lebeh pada segala kelakuan-nya dan terialu elok sikap-nya; ia-lah yang termashhor nama-nya pada segala negeri, dan beberapa negeri di-ta'alokkan-nya, pertama negeri Deli pada tatkala hijrah 1021 tahun; kemudian dari itu, maka alah Johor pada tatkala hijrah 1022 tahun; kemudian dari itu, maka baginda berangkat ka-Bentan pada tatkala hijrah 1023 tahun, — pada ketika itu-lah tertawan daripada anak menantu wizurai dan beberapa daripada kapal dan ghurab dan ghali

di-ambil-nya, terlalu banyak Fringgi mati terbunuh dan tertawan tatkala perang di-Baning. Kemudian dari itu maka baginda mena'alokkan negeri Pahang pada hijrah 1026 tahun..... Kemudian dari itu maka alah negeri Kedah pada tatkala 1034 tahun.'

Jika di-banding dengan Sejarah Melayu, isi *Bustanus-Salatin* lebeh bersifat pengetahuan — pengarang-nya men-jauhi pencheritaan sejarah yang di-buat oleh Tun Seri Lanang. Sa-boleh2-nya di-tiadakan cherita2 yang tiada kena mengena dengan sejarah.

Dan di-dalam masa menuliskan pujian kapada Sultan Iskandar Thani orang yang menyuroh-nya mengarang buku itu, Shaikh Nuruddin pun tidak melebeh2kan sangat:

'kemudian daripada itu maka alah pula negeri Pahang tatkala hijrat 1045 tahun maka ada-lah pada hakikat pekerjaan Raja Iskandar Muda mena'alok negeri Pahang itu, kerana menyambut paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Shah akan menggantikan kerajaan Aceh Darus-Salam. Maka pada masa yang berbahagia dan pada ketika yang mulia maka Paduka Seri Sultan Iskandar Thani pun datang-lah daripada negeri Pahang ka-negeri Aceh. Tatkala itu ada-lah umur baginda tujuh tahun. Demi di-tilek Raja Iskandar Muda akan Seri Sultan Alauddin Mughayat Shah, maka kelihatan-lah chahaya segala sifat yang tiada terperi kepujian-nya. Maka di-ketahui Raja Iskandar Muda dengan ilmu firasat-nya: Bahawasa-nya ia-lah raja adikara yang turun-temurun, dan ia-lah yang mashhor nama-nya pada segala alam dan ia-lah anak chuchu Raja Iskandar Dzul-Karnain. Sa-harus-nya ku-ambil anak2-ku.'

Menelek dari segi bahasa-nya, *Bustanus-Salatin* lebeh baik dari bahasa yang terdapat di-dalam *Tajus-Salatin*. Hal ini mungkin kerana hubungan-nya dengan Tun Seri Lanang dan karya-nya, *Sejarah Melayu*. Sebab sa-lain daripada mendalami bahasa Melayu dengan Tun Seri Lanang, Shaikh Nuruddin dapat membacha *Sejarah Melayu*. Kenyataan ini di-akui oleh pengarang-nya. Dalam *Bustanus-Salatin* ber-

kenaan dengan fasal 12 bab II yang meriwayatkan tawarikh raja2 Melaka dan Pahang. Bahan2 untok tawarikh ini di-kutip-nya dari Sejarah Melayu saperti yang di-sebut-nya: Fasal yang kedua belas pada menyatakan tawarikh segala raja2 yang kerajaan di-negeri Melaka dan Pahang: Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab *masirat Sulalatus-Salatin*

Untok mengetahui pengaruh bahasa Sejarah Melayu kapada karya Shaikh Nuruddin al-Raniri ini dapat di-lihat pada para penujian terhadap Sultan Iskandar Thani masa naik takhta:

‘. . . . Ada-lah ketika itu segala manusia umpama tumbuh2an yang merusai panas yang amat sangat. Maka tatkala terdiri-lah payong daulat-nya, maka beroleh rahmat-lah mereka itu daripada limpah kurnia-nya. Dan ada-lah sukachita hati segala manusia, umpama segala bunga2an yang kena rintek hujan pada ketika dinihari, maka segala bunga2an itu pun kembang-lah dan semerbak-lah bau-nya kapada segala pehak negeri. Maka bertiup-lah angin bahagian-nya, dan bersinar-lah segala matahari kemuliaan-nya, dan terdiri-lah alam daulat-nya, maka terkibar-lah segala panji2 sa’adat-nya, maka mashhor-lah gah-nya yang adil dan sifat-nya yang kamil kapada pehak segala negeri.’

Shaikh Nuruddin al-Raniri yang merupakan pengarang besar dan ulama’ ulong serta ahli falsafah yang penting pada zaman-nya. Ia mempunyai pandangan yang tegas. Pandangan-nya pada orang2 Portugis yang sudah lebeh sa-abad di-Melaka dapat di-lihat masa ia melukiskan kemurahan hati sultan-nya — Iskandar Thani. Antara lain di-riwayat-kan-nya beberapa orang Portugis datang ka-Acheh dan meminta ampun pada sultan atas kesalahan2 yang telah mereka lakukan. Sa-telah di-ma’afkan dan di-beri persalinan mereka melarikan orang2 Portugis yang telah tertawan sejak zaman Iskandar Muda. Tetapi mereka datang lagi ka-Acheh dan di-beri pula ampun. Sa-kali lagi nyata khianat mereka dan akhir-nya di-hukum penggal.

Pertentangan-nya dengan ajaran Hamzah Fansuri dan Shaikh Shamsuddin al-Samaterani nampak dari isi Bustanus-Salatin. Walau pun bab II fasal 12 di-tujukan untuk meriwayatkan sultan2 dan ulama'2 Aceh, nama Hamzah Fansuri tidak di-sebut-nya sedikit pun. Nama Shamsuddin di-singgong-nya sa-pintas lalu bila ia menggambarkan upacara2 mengenai Iskandar Thani di-mana ulama' tadi mengambil peranan yang penting. Sedangkan mengenai ulama'2 lain dibentangkan-nya sa-chara teliti dengan menyebutkan ilmu2 yang mereka ajar dan kitab2 yang mereka karang. Tentang Shamsuddin hanya masa wafat-nya di-beritakan:

*...pada masa itu-lah wafat Shaikh Shamsuddin ibn Abdullah al-Samaterani, ia-itu pada malam Isnain 12 hari-bulan Rajab, pada Hijrah 1039 tahun. Bahawa Shaikh ini alim pada segala ilmu, dan ia-lah yang termashhor alim-nya pada ilmu Tasauf dan beberapa kitab yang di-ta'arifkan-nya.'

Dalam kitab-nya yang bernama *Tibyan fi ma'arifat al-adyan*, Shaikh Nuruddin al-Raniri terus menghukum ulama'2 lawan-nya itu:

*...maka tatkala dzahir-lah kaum wujuddiah yang zindik mulhid lagi sesat daripada Shamsuddin al-Samaterani yang sesat maka berbahath-lah mereka itu dengan kami beberapa hari di-hadapan hadhirat sultan yang terlebih saleh pada masa-nya, di-diamkan Allah Ta'ala kira-nya akan dia pada sama tengah shorga, ia-itu Maulana as-Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Shah yang bergelar Marhum Darus-Salam, ia-lah yang mendirikan agama Allah dengan ketegohan yang amat ajaib.... serta kata mereka itu bahawasa-nya Allah Ta'ala diri kamu dan wujud kamu dan kamu diri-nya dan wujud-nya....Maka ku-karang pada membatalkan kata mereka itu yang sia2 akan suatu risalah pada menyatakan da'awa bayang2 dengan empunya bayang2....dan ku-kata akan mereka itu bahawasa-nya kamu menda'awa diri kamu ketuhanan saperti da'awa ia Fir'aun, kata-nya aku-lah Tuhan kamu yang maha tinggi, tetapi bahawasa-nya ada-lah kamu kaum yang kafir. Maka masam-lah muka mereka itu serta di-tundukkan mereka itu-

lah kepala-nya dan ada-lah mereka itu mushrik. . . . Maka memberi fatwa-lah segala Islam atas kufor mereka itu dan akan membunuh dia. Dan sa-tengah daripada mereka itu murtad pula. Ia yang taubat itu kembali ia kapada i'tikad-nya yang dahulu itu jua. . . . Maka terbunuh-lah segala tentera kaum yang kafir. . . .'

Nama kitab terbesar Nuruddin al-Raniri ini bukan-lah suatu kebetulan tetapi mesti-lah ada hubongan-nya dengan Tajus-Salatin dan Sulalatus-Salatin. Nama kedua kitab inilah yang memberikan ilham kapada Nuruddin al-Raniri untok menamakan karya-nya *Bustanus-Salatin* atau Taman Segala Raja2. Bahkan di-maksudkan karangan-nya ini untok menandingi *Tajus-Salatin* sa-bagai chermin bagi raja2.

Walau pun *Bustanus-Salatin* di-maksudkan untok menggantikan *Tajus-Salatin* tetapi tidak dapat menghilangkan-nya sama sa-kali.

ISI BUSTANUS-SALATIN

Bustanus-Salatin atau Taman Segala Raja2 ini mengandongi tujuh bab; dalam bab yang pertama ia-lah huraian berkenaan dengan asal kejadian langit dan bumi, Nur Muhammad, Luh al-Mahfuz, al-Qalam, al-'Arash, al-Kursi; demikian juga berkenaan dengan asal kejadian Mala'ikat, Sidrat al-Muntaha, al-Jin atau di-namakan juga Iblis, serta huraian berkenaan dengan tujuh lapis langit. Segala-nya itu bolehlah di-katakan berhubongan dengan keperchayaan agamanya atas perkara2 yang harus di-perchayai.

Bab yang kedua-nya ia-lah huraian berkenaan dengan nabi2 mulai dari Nabi Adam hingga Nabi Muhammad (s) demikian juga berkenaan dengan raja2 zaman dahulu saperti raja2 Parsi hingga kapada zaman pemerentahan Sayyidina Omar, raja2 Istanbul hingga ka-zaman raja yang terakhir-nya, raja2 Mesir hingga ka-zaman Iskandar Dzul-Karnain, sejarah raja2 'Arab, Najed dan Hijaz, Rasulullah dan Khalifah yang berempat, sejarah bangsa 'Arab di-bawah perentah

khalifah2 Umayyah dan Abbasiyah, sejarah raja2 Delhi dan sa-terus-nya raja2 Melaka, Pahang dan Aceh.

Bab yang ketiga-nya ia-lah huraian berkenaan dengan raja2 yang adil serta pembesar2 negeri yang 'arif dan bijaksana; bab yang keempat berkenaan dengan raja2 yang suchi beriman dan takwa kepada Allah seperti Sultan Ibrahim ibni Adham dan Iskandar Dzul-Karnain. Bab yang kelima-nya berkenaan dengan raja2 yang dzalim dan pembesar2 negeri yang bebal serta tiada ta'at setia akan raja-nya. Bab yang keenam ia-lah berkenaan dengan sifat orang2 yang mulia dan pemurah serta pahlawan2 dalam peperangan Badar dan Uhud. Bab yang ketujuh ia-itu yang akhir-nya ia-lah berkenaan dengan akal dan pelbagai jenis ilmu pengetahuan termasuklah ilmu2 firasat dan ubatan.

MUNSHI ABDULLAH

Nama: Abdullah bin Abdul Kadir.

Lahir: di-Kampong Pali, Melaka.

Tahun: 1796-1854.

Beliau di-lahirkan pada tahun Masehi 1796 di-Kampong Pali, Melaka dari keluarga peranakan Arab dan India. Moyang-nya, Shaikh Abdul Kadir ada-lah sa-orang Arab dari Yaman. Sa-bagai guru agama dan bahasa, Shaikh Abdul Kadir mengembara ka-India. Di-Nagor, India, ia berkahwin dengan sa-orang perempuan Tamil. Dari perkahwinan ini telah menghasilkan empat orang anak lelaki; anak-nya yang bernama Muhammad Ibrahim menjadi dato' kapada Abdullah. Muhammad Ibrahim telah datang menetap di-Melaka. Ia berkahwin dengan Peri Achi, dan dari perkahwinan ini lahir-lah ayah Abdullah, Shaikh Abdul Kadir, ia-itu sa-nama dengan moyang-nya.

Shaikh Abdul Kadir di-besarkan di-Melaka. Apabila dewasa ia berdagang dan mengajar perkara2 agama Islam sa-bagai pekerjaan sambilan. Kerana pengetahuan-nya tentang agama, ia telah di-jadikan khatib, mula2 di-Lobok Kepong dan kemudian di-Sungai Baharu Melaka. Ia pandai berbahasa "Keling" dan pernah mendapat surat pujian kerana mengajar bahasa Melayu kapada William Marsden. Pada masa pemerentahan Belanda, ia menjadi "Shahbandar Holland." Kalau di-bandingkan dengan orang2 lain zamannya, ia termasuk orang senang. Sa-sudah kedatangan Inggeris, Abdul Kadir kembali berdagang. Kemudian ia di-jadikan nakhoda kapal "layar seret" yang belayar pulang balek ka-Kedah dan kepulauan Melayu. Ia juga menjadi utusan Inggeris ka-negeri2 Melayu.

Abdullah anak yang kelima. Semua abang2-nya mati ketika kechil lagi. Jadi ia anak yang tunggal pada keluarga itu. Keluarga-nya sentiasa kkuatir kerana Abdullah kerap

kali mendapat penyakit yang berbahaya, hingga berumur 7 tahun baharu-lah keadaan-nya pulch. Dari kechil lagi Abdullah sudah di-didek dalam lingkungan pengetahuan, permainan-nya ia-lah "sa-batang kalam resam" dan suatu papan loh, dan sadikit dawat beras. Ia di-ajar menulis dan mengaji Qur'an oleh nenek-nya. Sa-lain daripada itu ia juga belajar bahasa Melayu dan "Keling" hingga berumur 10 tahun. Apabila ia pandai menulis, ayah-nya telah menyuruh ia menyalin kitab2 dalam bahasa Melayu dan Arab. Keinginan-nya mengetahui bahasa2 lain dapat di-lihat dari usaha-nya mempelajari bahasa Hindustan dari sepoy Hindustan yang datang ka-Melaka. Dan ia mula mengajarkan bahasa Melayu-nya kepada sepoy2 itu, serta mengupah menyalin Qur'an hingga umur-nya menchapai tiga belas tahun. Orang2 Hindustan ini-lah yang memberi gelaran "Munshi" — guru bahasa.

Lepas itu Abdullah mendalami bahasa Melayu dari bapa-nya sendiri yang memang terkenal salah sa-orang daripada lima orang ahli bahasa di-Melaka pada zaman-nya.

Pada tahun 1811 Raffles datang ka-Melaka. Abdullah menjadi salah sa-orang kerani Raffles dan mendapat petentah mengumpulkan naskhah2 sastera Melayu lama. Ia juga membuat kerja sambilan, menjadi guru bahasa Melayu kepada Milne sa-orang paderi Protestant dan Thomsen paderi bangsa Jerman. Waktu ini-lah Abdullah mendirikan rumah-tangga-nya dengan sa-orang perempuan Tamil peranakan.

Empat bulan sa-sudah Singapura di-dirikan pada tahun 1819, Abdullah datang ka-Singapura. Sa-kali lagi ia menjadi kerani kepada Raffles. Kerja Raffles mengumpul naskhah2 sastera Melayu lama di-teruskan oleh Abdullah. Ia sa-makin banyak dapat membacha cherita2 lama. Bahasa Melayu dalam Sejarah Melayu Tun Seri Lanang telah menarek perhatian Abdullah, pada tahun 1831 ia berusaha menyalin dengan membandingkan beberapa buah naskhah dan di-terbitkan beberapa tahun kemudian.

Tuan John Turnbull Thomson sa-orang pegawai ukor kerajaan yang tinggal di-Malaya 1838-1855 dan telah menterjemahkan Hikayat Abdullah ka-bahasa Inggeris menerang-

kan dalam chatetan-nya: Bahawa Abdullah ada-lah sa-orang Islam ra'ayat British; dia di-lahirkan di-Melaka, mempunyai darah champoran Arab dan India. Rupa-nya saperti orang Tamil dari India Selatan. Perwatakan-nya tinggi, kurus, bongkok sadikit, tegap, kulit-nya hitam, muka-nya bujor, hidong-nya tinggi dan sa-belah mata-nya juling ayer. Dia mempunyai sifat yang chergas, tekun, halus budi bahasa-nya saperti kebanyakan pada orang India dan dia bangga dengan keturunan Arab-nya itu. Hanya tentang bahasa dan kehidupan-nya sahaja dia sa-bagai sa-orang Melayu.

Dalam tahun Maschi 1837 Abdullah bersama Baba Koh Ah dalam rumbongan Tuan Grandpre menghantar surat kepada raja Kelantan yang di-kirim oleh beberapa orang saudagar China di-Singapura. Segala pengalaman belayar itu di-tulis dalam buku-nya *Kesah Pelayaran Abdullah*. Kemudian dalam tahun 1840 Abdullah memenohi permintaan sa-orang sahabat-nya, orang besar Inggeris mengarang riwayat hidup-nya sendiri yang di-beri nama *Hikayat Abdullah*. Buku ini berisikan hal2 hidup-nya dan orang yang di-kenali masa di-Melaka dan di-Singapura, kemudian telah di-chap batu pada tahun 1849.

Pada tahun Maschi 1854 Abdullah belayar ka-Mekah untok menunaikan fardhu Haji. Dalam belayar itu ia menuliskan pandangan-nya, tetapi tidak tamat kerana ia kena sakit dan mati di-sana. Chatetan itu telah di-bawa pulang oleh sa-orang teman dan di-chetak dengan tajok *Pelayaran Abdullah ka-Negeri Mekah*.

Karya-nya yang terpenting

- 1831: Sejarah Melayu (menyalin naskhah lama, chap batu 1839-40).
- 1835: Hikayat Kalilah dan Daminah (Terjemahan dari Tamil).
- 1837: Kitab 'Adat Segala Raja2 Melayu dalam segala negeri (kumpulan 'adat-isti'adat Melayu).
- 1837: Kesah Pelayaran Abdullah (di-chap batu pada 1849).
- 1840: Hikayat Abdullah (siap 1843 chap batu pada 1849).

1854: Kesah Pelayaran Abdullah ka-Negeri Mekah.
(ta' tamat).

Satu perubahan besar dalam sejarah kesusasteraan Melayu telah berlaku pada pertengahan abad kesembilan belas (1849). Dan perubahan ini memulakan satu zaman yang terkeluar dari zaman sa-belum-nya, yang mana telah di-terima sa-bagai titek mula-nya zaman sastera Melayu moden.

Perubahan ini kerana unsur2 yang ada di-dalam sastera itu dengan sastera sa-belum-nya. Kalau sastera Melayu lama lahir dari kalangan istana, yang keseluruhannya memunjokkan pujian kepada kalangan itu, sastera baru ini telah memalingkan muka kepada suatu kuasa baru yang nampaknya untuk ra'ayat walau pun sa-benar-nya tidak jauh bedzanya. Kerana ini-lah Abdullah membawa sastera baru tadi menuliskan keburokan kalangan feodal Melayu dan sa-baleknya memuji kuasa baru yang di-lihat-nya boleh membaiki taraf ra'ayat hingga menimbulkan suatu pandangan yang humanism. Dan daripada-nya juga menimbulkan beberapa unsur baru di-dalam karya-nya yang dapat menjadi satu tapak permulaan kesusasteraan Melayu moden.

Karya terpenting tadi ia-lah *Hikayat Abdullah*. Dari-pada kesusasteraan Melayu lama kita mengetahui bahawa sa-tiap lahir-nya sa-suatu karya itu dengan sebab kemahuan sa-saorang lain. *Tajus-Salatin* dan *Bustanus-Salatin* karya Bukhari al-Jauhari dan Shaikh Nuruddin al-Raniri kerana permintaan Sultan2 Aceh. Oleh sebab sultan2 itu orang yang kuat pada agama, maka lahir-nya dua buah karya sastera itu berunsorkan agama dan ketatanegaraan. Demikian juga *Sejarah Melayu* karya Tun Seri Lanang yang sudah di-akui sa-bagai sastera Melayu kelassik itu lahir dari permin-taan sa-orang orang besar Melayu. Jadi tidak hairan-lah kira-nya isi karya sastera itu memuja dan memberi nasihat dan pengajaran kepada orang yang meminta-nya.

Akan tetapi lahir-nya *Hikayat Abdullah* bukan dari permintaan sultan atau orang besar Melayu. Ia lahir dari permintaan orang besar Inggeris, saperti kata Abdullah dalam pembukaan hikayat-nya:

*Bahawa maka ada-lah kapada tatkala sanat hijrat 1246 tahun kapada lima likor haribulan Sha'aban al-mukarram ia-itu kapada dua likor haribulan Oktober tarikh Maschi sanat 1840 tahun, bahawa dewasa itu ada-lah sa-orang sahabat-ku, ia-itu orang puteh yang ku-kasehi akan dia, maka ia-lah meminta sangat2 kapada-ku, ia-itu bendak mengetahui akan asal usul-ku, dan peri hikayat segala kehidupan diri-ku; maka ia meminta karangan suatu kitab dalam bahasa Melayu. Maka ada-lah sebab segala hal dan perkara yang tersebut itu menjadi mashghul-lah aku, serta berat-lah rasanya anggota-ku, sebab dudok berfikir-lah kehendak kekaseh-ku yang demikian, kerana segala hal ahwal yang tersebut itu semua-nya perkara2 yang telah lalu zaman-nya. . . .

. . . .bahawa sekarang dengarkan oleh-mu, hai kekaseh-ku, maka ada-lah aku karangkan akan kitab ini darihal hikayat diri-ku; maka aku namai akan dia "Hikayat Abdullah". Maka ada-lah aku renchanakan dalam-nya dari zaman moyang-ku sampai-lah kapada masa aku di-persembahkan oleh ibu-ku dalam negeri Melaka, sa-hingga barang yang ku-lihat dan yang ku-dengar daripada segala hal ahwal zaman2 yang tersebut itu, baik dalam negeri Melaka, baik dalam negeri Singapura, ada-lah ku-sebutkan dalam hikayat-ku ini ia-itu sa-hingga tarikh penghabisan kitab ini. . . .'

Teradisi pengarang2 Melayu yang kerja-nya memuji dan memberi nasihat ini di-lanjutkan oleh Abdullah. Tetapi dari tempat berdiri yang tidak sama dan oleh permintaan orang asing pula. Di-sebabkan hal ini-lah segala pendapat Abdullah itu tidak sa-bada dengan suara kesusasteraan Melayu lama. Kadang2 terlalu merumitkan kerana segala pendapat di-dalam tulisan-nya tidak merupakan suatu pendapat yang tetap. Di-suatu tempat ia memperlihatkan watak-nya bersimpati dengan masharakat Melayu, di-tempat lain ia mengutok-nya pula.

Hal ini tentu menjadikan satu keganjilan watak penulis ini. Supaya menjadi pertimbangan elok kita perhatikan watak-nya dari kacha mata sa-orang yang pernah mengenali dari dekat yang terchatit di-dalam riwayat-nya. Satu hal yang

menarek perhatian kita, Abdullah berada di-dalam tiga keadaan, ia-itu tentang keturunan asal-nya, perasaan diri-nya dan chara kehidupan-nya. Saperti yang kita ketahui pada riwayat ringkas-nya:

'...dia mempunyai sifat yang chergas, tekun, halus budi bahasa-nya saperti kebanyakan pada orang India dan dia bangga dengan keturunan Arab-nya itu. Hanya tentang bahasa dan kehidupan-nya sahaja dia sa-bagai sa-orang Melayu.'

Dari kenyataan di-atas ini tidak hairan-lah kalau peribadi Abdullah di-dalam hikayat-nya itu bagitu kachau sa-kali. Ia tidak pernah mengakui diri-nya sa-bagai orang Melayu, tidak pula menchampori bangsa-nya kerana ia bangga dengan keturunan Arab-nya. Apa lagi untok berniaga saperti bapa-nya sendiri. Hidup-nya menjadi guru bahasa dan kerani kapada bangsa Barat, bagitu pun ia terus terasing; ia terasing dari keturunan asal-nya, terasing dari masharakat-nya, dan terasing dari gulongan tempat ia bertugas. Lebch2 lagi kerana tinggi diri saperti yang selalu di-perkatakan-nya sendiri.

Pemerintahan baru yang memberi kelonggaran kapada orang yang ramai itu timbul-lah di-hati-nya perhatian kapada ra'ayat dan menjadikan dia sa-orang pemerhati yang amat teliti terhadap keadaan zaman-nya. Dan nasihat2-nya pula telah menjadi keritik yang sangat tajam terhadap masharakat Melayu itu.

Soal yang sering di-perkatakan oleh Abdullah ia-lah hal kemundoran orang Melayu. Ia merasa bagitu gelisah kalau tidak menjelaskan sebab2 kemiskinan yang sangat menjolok mata itu. Abdullah menulis:

'Maka ada-lah tatkala belayar itu, hati sahaya tiada juga lepas daripada fikiran akan negeri Pahang itu. Maka apa juga sebab-nya boleh jadi demikian itu sangat-lah miskin dan kesunyian negeri itu, kerana dari dahulu kala termashhor nama-nya kapada segala negeri besar2, semena menjadi kechil dengan tidak di-rampas oleh musuh dan tiada di-tawan oleh negeri lain2. Maka ada-lah pada sangka sahaya, bukan-nya dari sebab perompak, kerana belum pernah sa-

haya dengar khabar negeri besar2 yang hilang perniagaannya dan kekayaan-nya oleh sebab perompak; dan bukan-lah sebab tanah-nya, kerana negeri Pahang tanah-nya terlalu gemok; dan bukan-nya sebab kelalaian orang-nya sahaja, kerana belum pernah ada negeri dalam dunia ini yang lalai orang-nya sakalian, jikalau boleh ia mendapat untong dengan kerja tangan-nya, dengan ketentuan laba-nya, serta senang hati-nya, maka jikalau kira-nya sa-tengah bahagian juga orang yang dalam sa-buah negeri yang sa-hari2 ada menchari kehidupan-nya dengan rajin-nya, lagi dengan pekerjaan yang setiawan, neschaya menjadi besar dan kaya-lah negeri itu. Maka pada sangka sahaya, ini-lah sebab-nya menjadi miskin negeri Pahang itu. Maka sakalian orang yang dudok dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja2 dan orang besar2. Maka ada-lah fikiran mereka itu: Apa guna rajin kita itu? Maka jikalau kita mendapat sedikit wang atau makanan, neschaya di-lobakan dan di-rampas oleh orang besar itu.*

Susunan masharakat feodal ini di-pandang oleh Abdullah sa-bagai faktor besar yang menghanchorkan peri-kemanusiaan. Dan ia tidak ragu2 mengutok sa-puas2 hati-nya. Sa-berapa boleh di-chongkil dan di-bongkar untok di-dedahkan kepada gulongan lain yang akan dapat mengubah suasana itu kepada satu masharakat yang lebeh berperikemanusiaan. Ia menulis.

‘...maka kata-nya: Sa-hari2 mengerjakan pekerjaan raja; dan makan minum sahaya dan anak bini sahaya, tiada di-beri-nya; di-atas sahaya sendiri juga. Dan lagi, baik perahu atau tanam2an dan hidup2an sahaya sakalian, jikalau di-kehendaki raja di-ambil-nya sahaja dengan tiada berharga. Dan lagi kalau ada berharta dan anak perempuan yang baik2 jikalau berkenan raja, di-ambil-nya juga: tiada boleh di-tahan kehendak raja; dan jikalau di-tahan atau tiada di-beri, di-suroh tikam mati2 sahaja.

Demikian-lah hal sahaya semua-nya dudok dalam negeri Me ayu, saperti dudok dalam neraka. Maka terlalu

* Kisah Pelayaran Abdollah.

lah suka hati sahaya semua-nya hendak pindah ka-negeri orang putih supaya boleh senang dan bebas.*

Pandangan Abdullah ini sangat-lah kritis, begitu mendalam hingga sa-olah2 suatu penyelidikan yang di-buat khas untuk memperbaiki masyarakat Melayu yang mundur. Yang menghairankan Abdullah seperti mengabaikan faktor2 lain, mithal-nya perjudian, bermadat dan pelachoran yang juga di-sebut2 dalam kesah pelayaran-nya ka-Kelantan itu. Biasanya sa-tiap yang di-lihat dan di-rasa-nya mendatangkan keburokan tentu-lah akan di-hentam habis2an. Dan hal pelachoran ini chuma di-katakan bahawa pelachoran *ada-lah adat dalam negeri itu* tiada menjadi hina akan pekerjaan yang demikian itu.

Kritik2 Abdullah yang tidak sa-imbang kapada semua keburokan ini di-pandang oleh penyelidek2 Barat dan sa-tengah2 ahli bijak pandai kita sa-bagai kelemahan Abdullah. Kerana kata-nya Abdullah kurang pengetahuan-nya dalam hal ilmu kemasyarakatan dan tiada langsung tentang politik. Pada dasar-nya pendapat ini dapat di-terima kerana terbukti-nya dalam kritik2 Abdullah yang begitu hebat terhadap pemerintahan raja2 Melayu dan pemujaan-nya yang berlebihan terhadap pemerintahan Inggeris.

Walau bagaimana pun boleh di-nafikan alasan penyelidek2 itu, kerana pengetahuan Abdullah tentang masyarakat-nya dapat di-katakan begitu luas. Ini terbukti dengan nasihat-nya yang menganjorkan supaya orang2 Melayu mempelajari bahasa-nya sendiri. Suatu nasihat yang sederhana dan boleh meresap ka-hati manusia sa-zaman-nya.

Akan tetapi timbul kelemahan Abdullah di-dalam karya-nya itu bukan kerana chetek pengetahuan tentang masyarakat-nya. Hal ini ia-lah di-sebabkan tempat berdiri Abdullah yang harus di-jaga-nya. Sama seperti pengarang2 sa-belum-nya yang menjaga nyawa-nya dengan tiada menulis nama pada karya mereka. Dan membuat pujian yang berlebihan terhadap masyarakat istana kerana pengarang itu orang besar istana. Demikian juga dengan Abdullah dengan

* Kesah Pelayaran Abdullah.

karya-nya. Walau pun ia mengetahui bahawa bangsa Melayu selalu di-perintah oleh bangsa lain termasuk Inggeris, tetapi Inggeris-lah tempat ia berdiri tegak. Jadi di-mana-kah ia hendak meletak pujian kalau tidak ka-situ? Dan bagaimana pula ia dapat mengutok-nya?

Kapada Inggeris bukan sa-takat pujian yang di-beri-nya, malah ia dengan tidak silu2 mengatakan lebeh suka hidup di-bawah pemerentahan itu. Kata Abdullah:

‘...maka jawab sahaya: Kalau boleh, Tengku, sahaya pohonkan kapada Allah, jangan-lah kira-nya di-hidupkan-Nya sahaya dalam negeri Melayu. Dan lagi di-jauhkan Allah berdekat dengan raja2 kerana orang yang hampir kapada raja2 itu saperti bersahabat dengan ular yang bisa, maka salah sedikit di-pagut-nya biji mata.’⁶

Kalau meneliti kata Abdullah di-atas ini tidak hairan-lah ia sanggup memburok2kan kelakuan raja Melayu di-hadapan orang Inggeris. Hal ini berlaku sa-masa Tengku Temena sedang mera’ikan Abdullah serta Grandpre di-kampung-nya, Tengku Temena menyuruh orang-nya membawa apa yang ada untok di-hadiahkan kapada Grandpre; Abdullah menulis:

‘.....ini orang puteh datang ka-mari dari Kelantan membawa surat dari raja Singapura. Maka barang siapa ada, baik ayam atau nyior dan pisang dan sa-bagai-nya, bawa lekas2, kerana ia hendak lekas belayar petang ini. Maka apabila sahaya mendengar hal yang demikian itu, maka kata saya dengan bahasa Inggeris kapada Grandpre: Lihat, ini-lah pekerjaan raja Melayu kapada segala ra’ayat-nya itu.’⁷

Pembentukan peribadi Abdullah ini tidak lain dari masharakat-nya sendiri. Kesan dari sejarah hidup-nya yang di-lahirkan dalam zaman pertembongan kebudayaan Barat dan Timor. Pengalaman bapa-nya dan perchamporan-nya sendiri dengan pengembang2 agama Keristian, dengan Raffles, Farquhar dan Crowford. Kemudian mengikuti pelayaran.

⁶ Kesah Pelayaran Abdullah.

Dari pengalaman² ini Abdullah dapat membanding dan membedzakan antara yang berchorak lama dan berunsor baharu. Tetapi perkara yang paling besar ia-lah tempat tegak-nya.

Suatu perkara yang menarek perhatian ia-lah tulisan Abdullah tentang penjualan Singapura sa-chara penipuan itu. Abdullah yang sudah menaruh sa-penoh kepercayaan-nya terhadap Inggeris chuba memejamkan mata melihat penipuan itu, tetapi hati kechil-nya mungkin tidak rela. Ia tidak menghilangkan bagitu sahaja peristiwa itu di-dalam hikayat-nya:

“.....maka esok-nya datang-lah surohan daripada Sultan kepada Tuan Crowford mengatakan, “Bahawa Sultan serta Temenggong redha-lah akan perkataan tuan kelmarin itu.” Maka apabila di-dengar oleh Tuan Crowford yang demikian itu sukachita-lah ia sebab barang yang di-kehendaki-nya itu telah di-dapati-nya dan lagi supaya terpuji-lah nama-nya kepada kompeni oleh sebab kebaktian-nya itu. Maka segera-lah di-perbuat-nya surat perjanjian itu dalam surat kulit yang nipis rupa-nya saperti kertas. . . .”⁴

Abdullah berjaya memejamkan mata dengan menahan perasaan-nya daripada mengutok kejahatan yang di-lihat-nya itu. Ia-itu kejahatan yang lebeh hina daripada segala kehinaan yang pernah di-lakukan oleh raja² Melayu yang selalu di-kutok-nya itu. Tetapi sa-bagai orang yang hidup-nya berupa Melayu, hati kechil-nya mengerti bahawa perbuatan Crowford itu ada-lah satu tipuan yang terlalu besar. Hal ini kelihatan pada petekan di-atas, yang mana gerak geri Crowford sa-telah mendapat persetujuan dari Sultan itu nyata benar-lah apa yang di-lakukan itu tidak jujur terhadap pehak kawan-nya. Simpati hati kechil Abdullah ini yang selalu menjadi kejujoran-nya dalam menchatet segala kejadian.

Dari latar belakang yang bersuasana bagini-lah lahir-nya *Kesah Pelayaran Abdullah* dan *Hikayat Abdullah* dalam perpustakaan Melayu yang di-dalam-nya terdapat

⁴ Hikayat Abdullah (Pustaka Antara)

unsor2 baru dan sekarang di-terima menjadi titek permulaan sastera Melayu moden. Antara kedua karya-nya yang terpenting ini, *Hikayat Abdullah* yang lebeh tepat menjadi ukuran kemajuan di-dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu.

Dalam hikayat-nya itu tidak di-jumpai unsor2 lama saperti dongeng, methos dan kuasa2 ghaib yang menjadi kebiasaan bagi pengarang2 sa-belum-nya. Dengan meninggalkan unsor2 lama itu, tulisan Abdullah telah berupa realistik. Semua-nya berdasarkan kenyataan akan perkara2 di-sakeliling yang terjadi sa-hari2.

Sa-chara kebetulan pula 'orang puteh' sahabat Abdullah itu meminta kesah diri-nya (hendak mengetahui asal usul-ku; dan peri hikayat segala kehidupan diri-ku) lalu lahir-lah keperibadian yang individualis dalam hikayat-nya. Pengarang lama tidak di-minta demikian. Mereka menulis terhad kapada kesah2 istana. Jadi Abdullah bernasib baik kerana permintaan sahabat-nya itu. Kejayaan Abdullah ia-lah menghadkan cherita2 itu tentang diri dan masharakat saperti yang di-minta oleh sahabat-nya itu. Dari kejayaan-nya itu menjadikan "Hikayat Abdullah" mempunyai unsor2 penceritaan dari segi pandangan persaorangan. Rata2 dalam karangan-nya itu ia menjelaskan dari pandangan "aku" atau "saya" yang terang2 menunjukkan bahawa karangan itu berdasarkan pendapat-nya sendiri. Dengan itu juga bererti karangan itu tanggungjawab-nya, dan juga menjadikan hak milek pengarang-nya. Tidak lagi saperti hikayat2 sa-belum-nya yang menjadi milek ramai dan boleh di-ubah2 serta di-tokok tambah.

Dalam karya-nya yang besar ini terdapat juga unsor2 nasihat yang lebeh nyaring dari nasihat2 yang di-tulis oleh pengarang2 Melayu sa-belum-nya. Nasihat Abdullah sudah merupakan kritik. Kerana pandangan itu bukan dari pandangan umum, tetapi dari pandangan dan fikiran Abdullah sendiri. Sedangkan pandangan umum yang berupa nasihat itu di-tulis hanya pada akhir sa-tiap cherita yang di-rasakan perlu. Bagitu pun dalam kritik2 Abdullah itu tidak dapat meresap pada masharakat zaman-nya. Kerana Abdullah

tidak menyesuaikan kritik2 itu dengan masharakat sa-masa. Lebih2 lagi kalau di-teliti sungguh2 merupakan tudohan2 dan propaganda sahaja. Dan ini di-kirakan ia tidak berapa berjaya.

Dari tulisan Abdullah yang berupa kritik pada ke-burokan masharakat feodal itu, ia dapat di-bandingkan dengan sa-orang wartawan zaman ini, yang berusaha mem-bongkar rahsia. Ka-mana sahaja ia pergi sentiasa tertanya2 apa sahaja yang di-lihat-nya. Sifat ini tidak terdapat pada zaman sa-belum-nya. Malah Abdullah pernah mengeloh kerana merasa tersekat dalam upacara yang di-hadziri-nya saperti upacara perundingan Raffles dengan Tengku Long. Abdullah menulis:

*.....maka bangun-lah Tuan Raffles dari kerusi-nya serta memegang tangan Tengku Long, di-pimpin-nya lalu di-bawa-nya masok ka-dalam bilek-nya serta di-tutupkan-nya pintu bilek itu. Maka sa-orang pun tiada mengetahui akan rahsia kedua mereka itu berchakap. Entah apa-kah yang di-chakapkan-nya itu. Maka jikalau kira-nya ku-ketahui akan rahsia chakap-nya itu, neschaya ku-tuliskan juga da'am hikayat ini.....⁷¹

Perasaan hendak mengetahui itu sentiasa mendorong Abdullah menyiasat pada segala yang di-lihat dan di-dengar. Tentang kongsi gelap Tien Te Hoe umpama-nya, Abdullah menyatakan antara lain:

*.....akan tetapi hati-ku sangat suka hendak pergi melihat dengan mata-ku sendiri.....
dan:

.....maka itu-lah sa-perkara yang tiada ku-ketahui rahsia chakap-nya itu, maka yang lain daripada itu semua-nya di-beri-nya tahu kapada-ku saperti yang ku-tulis di-atas itu.⁷²

Menelek pada gaya bahasa Abdullah tidak-lah dapat di-terima seluroh-nya sa-bagai baru. Ia maseh terikat de-

1. Hikayat Abdullah.
2. Hikayat Abdullah hal. 263

ngan gaya bahasa kesusasteraan Melayu lama. Pengaruh ini mungkin kerana keseluruhan-nya pelajaran bahasa Melayu dan pembacaan Abdullah terhad daripada hikayat². Lebih² lagi ia bagitu kagum dengan bahasa Sejarah Melayu hingga ia menhadangkan supaya buku itu menjadi model bahasa yang baik dan murni. Petekan di-bawah ini dapat menunjukkan semangat-nya yang chintakan bahasa Melayu itu:

‘. . . . maka ada-lah segala tuan² yang menjadi kepala kapada tempat mengajar bahasa Melayu dan lain² dalam negeri Singapura yang telah di-perbuat oleh tuan Raffles itu, berkehendakkan mereka itu akan menchari kitab² bahasa Melayu yang telah mashhor, lagi yang di-ketahui oleh segala orang Melayu akan dia, supaya boleh di-ajarkan itu kapada segala kanak² kerana ia-itu bahasa Melayu betul dan halus ada-nya, supaya boleh mereka itu berjinak²an dengan bahasa diri-nya supaya jangan mereka itu ber-kachau dan bergaul dengan bahasa kachokan daripada bahasa bangsa² yang banyak yang berbahasa dengan bahasa Melayu. Maka jikalau kira-nya anak Melayu yang biasa berkampong² dengan bangsa lain², saperti Inggeris dan China dan Nasrani dan Hindu dan Holanda dan Jawa, maka daripada kechil-nya ia telah mendengar segala bangsa itu berchampur bahasa diri-nya dengan bahasa Melayu. Maka di-dengar-nya orang Melayu pun menurut akan perkataan itu. Maka dapat tiada di-sangka oleh budak itu, ini-lah bahasa Melayu. Maka nyata-lah ini telah kami ketahui. Maka apabila anak Melayu datang dari negeri Jawa, maka kami dengar akan perkataan-nya itu berchampur dengan perkataan Jawa dan Holanda. Maka sebab hal yang demikian-lah, jikalau kanak² belajar bahasa Melayu yang betul saperti ‘Sejarah Melayu’, neschaya dapat-lah di-che-raikan oleh mereka itu perkataan dagang dan kasar itu daripada perkataan Melayu betul. Maka sebab perkara yang demikian-lah kami hendak ajarkan kapada segala kanak² akan bahasa yang betul, supaya bahasa Melayu itu kekal dengan keelokan-nya dengan tiada berkechecheran ka-sana ka-mari.

Shahadan, ada-lah dalam antara segala bahasa, maka apabila sa-orang hendak mengerti bahasa-nya sendiri, maka hendak-lah ia menuntut kitab2 yang termashhor elok karangan-nya dan betul jalan bahasa-nya dan yang terpuji kapada segala orang sebab betul-nya, sa-hingga bertambah2-lah ia dengan dia, sampai melekat faham itu menjadi darah daging-nya, supaya dapat di-pindahkan-nya kepandaian orang yang mengarang kitab itu ka-dalam diri-nya.*

Di-atas ini Abdullah menasihatkan orang lain supaya chuba mengasingkan bahasa dagang dan pasar untok mendapat bahasa Melayu yang betul2 berseh dan murni. Dan di-dalam hikayat-nya, Abdullah memasokkan gaya bahasa pasar banya untok menyedapkan dan merialistiskan karangan-nya. Hal ini menjadikan bahasa Abdullah agak hidup saperti yang di-gunakan oleh penguchap-nya sendiri. Ini pun satu kejayaan juga.

Rata2 penyelidek kesusasteraan Melayu baik sarjana bahasa dari Barat atau pun ahli bijak pandai tempatan, ber-setuju bahawa Abdullah di-terima sa-bagai pelopor kesusasteraan Melayu moden. C. Skinner dalam *Prosa Melayu Baru* berkata: "agak-nya pada tempat-nya juga jika Abdullah dinamakan bapa sastera Melayu moden, kerana di-dalam karangan2-nya ada 'anasir yang tidak terdapat di-dalam karangan2 sa-belum-nya." Dan di-tegaskan lagi oleh Zuber Usman dalam *Kesusasteraan Baru Indonesia*, kata-nya: "Abdullah ia-lah pengarang Melayu yang mula2 keluar dari kebiasaan lama yang melanggar dan mematahkan teradisi yang sudah turun temurun." R. O. Winstedt pula menambah: "Abdullah ia-lah tokoh yang terpenting dalam memperbaharui bentuk persuratan Melayu." Sudah sa-wajar-nya Abdullah di-letakkan sa-bagai pelopor Kesusasteraan Melayu Moden kerana sikap-nya sa-bagai pengarang yang sa-jati dan sumbangan-nya terhadap Kesusasteraan Melayu Moden.

Membacha kesusasteraan Melayu sa-belum Abdullah berma'ana memasoki suatu alam yang jauh lagi ajaib — satu alam yang wujud dalam khayal. Masa itu kesusasteraan kita

* Pendahuluan Sejarah Melayu (Djembatan) hal. 21, 22.

bukan sahaja maseh dalam perengkat dongeng, tetapi juga berpijak di-bumi feodal. Di-samping mengesahkan dewa2 dan mambang, di-kesahkan juga peristiwa di-sekitar istana dan memecahkan serta menggemilangkan para bangsawan. Mengenai pengalaman hidup sa-hari2, apalagi pengalaman hidup ra'ayat biasa, sastera maseh jauh panggang dari api.

Akan tetapi dengan muncul-nya karya Abdullah lahir lah suatu konsep baru. Yang dapat merombak anggapan turun temurun terhadap peranan sa-orang pengarang terhadap tugas2 kesusasteraan dan juga nilai kemanusiaan diri sa-saorang di-dalam masharakat-nya. Kesusasteraan bukanlah hanya untok menghibor, tetapi untok menimbulkan kesedaran. Dan dengan konsep ini ia memberikan nilai baru kepada sa-saorang anggota masharakat, memecahkan kasta2 dan meletakkan semua-nya pada taraf yang sama walau dari berbagai perengkat. Itu-lah mula-nya timbul bibit2 demokerasi.

Kerana terlalu rivolusioner-nya konsep yang terdapat di-dalam karya-nya hingga tiada-nya suatu "Angkatan Abdullah". Hampir lima puluh tahun kesusasteraan Melayu tidak ada tanda2 bekas yang di-tinggalkan oleh Abdullah. Pendapat2-nya dan semangat kewartawanan-nya tidak di-sambut oleh masharakat sa-zaman. Antara kedua ini terdapat satu jurang yang dalam. Abdullah yang hidup-nya di-kota dan di-pengarohi oleh unsur moral dan kebendaan Barat, tidak memikirkan bahawa masharakat Melayu zaman-nya terutama di-desa2 belum mengetahui pertembongan dengan pemikiran Barat. Bagitu pun tidak dapat di-nafikan unsur2 yang terdapat di-dalam karya Abdullah itu menyanjong penulis-nya sa-bagai pelopor Kesusasteraan Melayu Baru.

ISI HIKAYAT ABDULLAH

Hikayat yang terbahagi kepada 28 bab di-beri pendahuluan. Dalam pendahuluan-nya Abdullah menerangkan tentang sahabat-nya meminta ia menulis riwayat hidup dirinya ia-itu pada tahun Masehi 1840. Sama saperti penga-

rang2 Melayu sa-belum-nya ia merendah diri dengan mengaku diri-nya kurang berilmu. Dan mencheritakan orang Inggeris mengambil Melaka dari tangan Belanda. Ketua Inggeris itu bernama Major Cook dan penolong-nya bernama Farquhar.

Abdullah membuka kesah diri-nya dari ia di-lahirkan di-kampung Pali Melaka. Kelahiran-nya sentiasa di-dalam do'a dari keluarga-nya, kerana empat orang abang2-nya mati ketika kechil lagi. Untuk mengelakkan dari kematian Abdullah ketika kechil keluarga-nya terpaksa menjalankan adat2 lama. Abdullah di-jual kapada beberapa orang ibu lain untok memelihara-nya dan beberapa lama kemudian baharu-lah di-serahkan kapada ibu-nya sendiri. Bagitu pun keluarga itu sentiasa merasa bimbang kerana Abdullah di-dalam penyakitan. Sampai berumur 6 tahun baharu-lah agak kurang penyakit-nya itu. Manakala umor-nya menchapai 7 tahun ia pun di-serahkan kapada guru-nya. Ia belajar berbagai perkara, dari mengaji Qur'an, menulis dan membacha. Beberapa tahun kemudian Abdullah sudah pandai membacha dan menulis. Ia gemar membacha hikayat2 lama.

Pada bab berikut-nya Abdullah mencharikan kota Melaka bekas benaan Portugis itu akan di-pechahkan oleh Inggeris. Mula-nya orang2 Melaka tidak perchaya kota itu boleh di-pechahkan, kerana terlalu kukoh dan ada penunggunya. Tetapi akhir-nya orang Melaka tidak terkata2 lagi sebab kota itu telah musnah di-dalam masa yang pendek sahaja. Orang Inggeris yang berkuasa di-Melaka itu di-ketuai oleh Farquhar, ia-itu sa-orang ketua yang pandai dalam hal mentadbir. Nama-nya harum kerana ia amat bijaksana.

Kedatangan Raffles dan isteri-nya ka-Melaka membuka kehidupan baru bagi Abdullah. Ia di-terima menjadi salah sa-orang juru tulis Raffles. Tentang Raffles ini Abdullah menyatakan: "Tuboh-nya sederhana dan apabila berjalan bongkok sadikit. Bentok kepala-nya bulat, rambut-nya perang, dahi-nya luas, telinga-nya lebar, kening-nya lebat, hidong-nya manchong, mulut-nya luas, bibir-nya nipis dan lebar-nya jenjang. Tabi'at-nya sangat hormat, pengasah, pemurah, baik hati, suka menyiasat, gemar membacha dan

menulis. Pada malam hari selalu duduk menulis dan pada pagi esok-nya di-semak segala tulisan-nya."

Raffles menggaji orang2 untok mengumpul berjenis2 daun, binatang liar, serangga dan karangan laut. Abdullah di-beri tugas mengumpul naskhah2 cherita Melayu lama. Di-sini ia telah mengumpul kira2 360 buah kitab2 Melayu. Budi bahasa isteri Raffles juga di-kesahkan oleh Abdullah. Dalam hal siasah pula Raffles pernah memperchayai sa-orang besar Melayu, Tengku Panglima Besar untok mengutus surat ka-Jawa kerana menchari jalan bagi mena'alok Tanah Jawa.

Dalam tajok darihal Lord Minto di-terangkan tentang kebesaran dan ramah mesra-nya pembesar Inggeris yang baru datang dari India itu. Demikian juga sambutan dari orang ramai kerana kebaikan hati-nya merubah segala hukuman2 yang tidak berpatutan, serta menukar keadaan penjara yang di-buat Belanda. Semua perubahan itu menunjukkan adanya sifat peri-kemanusiaan pada Lord Minto.

Bab sa-lanjut-nya, kepulangan Tengku Panglima Besar di-sambut oleh Raffles. Surat dari Jawa di-bacha-nya. Manakala di-teliti rupa-nya surat itu palsu, Tengku Panglima Besar tidak sampai ka-Jawa; surat itu di-tulis-nya sendiri di-Jambi. Akhir-nya Raffles menghalau Tengku Panglima Besar dari Melaka.

Pada tahun Masehi 1823 datang paderi Inggeris bernama Milne bersama keluarga-nya ka-Melaka. Paderi itu membuka sekolah Inggeris. Abdullah belajar bahasa Inggeris dengan Tuan Milne dan Abdullah mengajar-nya bahasa Melayu. Kemudian datang pula sa-orang paderi bangsa Jerman bernama Thomsen. Paderi Milne mengenalkan Abdullah kapada-nya dan paderi itu pun belajar bahasa Melayu kapada Abdullah. Tetapi ia sa-orang yang degil, segala pengajaran Abdullah di-bantah-nya.

Peralehan kuasa Melaka dari Inggeris kapada Belanda di-tuliskan oleh Abdullah dengan rasa sedih sa-kali. Sa-belum kedatangan ketua Belanda dan ashkar2-nya, Farquhar telah belayar menchari tempat untok di-jadikan negeri. Ia belayar ka-Siak, ka-Daik dan ka-Kerimon.

Farquhar pulang ka-Melaka lalu melantek ganti-nya, kemudian ia belayar lagi. Lepas itu baharu-lah penyerahan kuasa di-lakukan. Semua pegawai2 Belanda menduduki tempat2 yang di-tinggalkan oleh Inggeris. Abdullah berasa sedih kerana ia menganggap segala pelajaran bahasa Inggeris-nya yang telah di-pelajari itu akan sia2 sahaja.

Manakala Melaka sudah terserah kepada Belanda, Tuan Farquhar atas perintah Raffles telah pergi ka-Singapura. Farquhar menjumpai Temenggong Abdul Rahman meminta kebenaran membuka Singapura. Mula-nya Temenggong Abdul Rahman berasa keberatan hendak menerima-nya, kerana kuasa Singapura terletak pada Tengku Husain yang ada di-Riau. Apabila Temenggong Abdul Rahman mendengar kenyataan Farquhar bahawa Raffles sudah dapat kebenaran dari Tengku Husain, ia pun membenarkan-nya lalu di-buat surat perjanjian oleh Farquhar.

Singapura pun di-buka oleh Inggeris. Beberapa kesulitan kechil saperti keperchayaan orang2 Melayu dan China tentang tempat2 yang berpuaka telah di-selesaikan oleh Farquhar dengan bijak. Demikian juga dengan serangan2 tikus dan lipan yang terlalu banyak itu dapat di-atasi.

Orang2 Melaka yang telah di-perintah oleh Belanda menghadapi zaman gelap. Pemerintah Belanda mengenakan berbagai chukai dan melakukan denda2 kepada kesalahan2 kechil. Beberapa orang besar Belanda yang terlalu dzalim itu akhir-nya mati sakit. Bagitu pun keadaan Melaka telah terlalu merosot kerana tiada kapal2 dagang datang. Orang ramai bersembunyi2 melepaskan diri lari ka-Singapura yang mula mewah itu.

Dalam bab berikut-nya di-cheritakan Tuan Raffles datang dari Benggala, tetapi ia tidak naik ka-darat sebab Tengku Long (nama-nya sa-benar Tengku Husain) belum tiba lagi. Di-suroh orang menjemput-nya, tiga hari kemudian sampai-lah Tengku Long berjumpa Tun Raffles di-dalam kapal. Beberapa orang besar2 Inggeris dan Melayu bersama2 mendengar keputusan Raffles di-dalam kapal. Esok-nya di-adakan isti'adat melantek Tengku Long menjadi Sultan Singapura bergelar Sultan Husain Shah. Temenggong

Abdul Rahman menjadi Temenggong juga. Pulau Singapura sa-makin maju. Tuan Raffles sendiri menentukan tempat2 untok di-buka di-jadikan bandar. Sultan mendirikan istana di-Kampong Gelam, pegawai2 Inggeris mendirikan rumah2 di-atas Bukit Larangan (sekarang Fort Canning Hill). Apabila tanah2 lembah sudah di-kambus dengan batu2 bukit lalu di-jual untok di-bangunkan kedai2. Raffles menyuroh Abdullah mengambil kawasan kedai tetapi ia menolak kerana masch teringatkan Melaka.

Tentang Farquhar kena tikam di-cheritakan juga oleh Abdullah. Mula-nya bersebab dari perkara hutang sa-orang saudagar bernama Syed Yasin dari Pahang dengan Sharif Omar peranakan Palembang. Dalam putusan bichara Syed Yasin telah di-tahan dalam penjara kerana tiada orang yang menjamin-nya. Kemudian ia mendapat izin keluar dengan di-jaga oleh sa-orang mata2. Sharif Omar telah lari ka-rumah Farquhar apabila di-lihat-nya Syed Yasin datang membawa senjata. Pada malam-nya Farquhar bersama beberapa orang pegawai dan Sharif Omar menchari Syed Yasin. Farquhar telah di-tikam oleh Syed Yasin. Ia luka tetapi tidak bagitu parah, Syed Yasin sendiri mati di-bunuh oleh pegawai2 Inggeris.

Daripada peristiwa ini-lah Raffles mendapat tahu yang adat sultan menghukum orang derhaka dengan membunuh orang itu serta keluarga-nya. Tetapi Inggeris chuma menghukum orang yang bersalah sahaja. Jadi Raffles telah memberi tawaran kapada sultan hendak memberi pelajaran kapada dua orang anak raja dan beberapa orang anak2 orang besar. Mereka hendak di-hantar ka-Benggala dengan belanja Kompeni Inggeris. Tawaran itu di-tolak oleh sultan, kerana isteri sultan tidak dapat bercherai dengan anak2-nya.

Sa-bulan sa-telah Raffles mendapat keputusan sultan itu, ia pun menghimpunkan orang2 kenamaan untok mendirikan sa-buah sekolah. Di-dalam perjumpaan itu dapat-lah di-kumpulkan wang dari Kompeni Inggeris, Sultan, Temenggong dan pegawai2 Inggeris chukup untok mendirikan sa-buah sekolah yang di-mulakan pembenaan-nya pada tahun 1823. Dalam bab ini juga di-tuliskan penjualan hamba yang di-

lakukan oleh orang2 Bugis dan orang2 Melayu dari Siak — Abdullah meminta Raffles menghapuskan perbuatan burok itu. Raffles memberitahu Abdullah perbuatan menjual hamba itu berlaku seluruh dunia, di-Barat sendiri pun demikian juga. Akan tetapi Raffles berjanji akan chuba menghapuskan-nya.

Tentang surat dari Raja Siam hendak berbaik2 dengan Inggeris ada juga di-tuliskan oleh Abdullah, tetapi dengan sebab sa-penjuru surat itu terpotong Raffles pun menyuruh Abdullah menjawab surat itu dengan sindiran mengecil dan merendah2kan fikiran Raja Siam. Kerana Raffles mendapati Raja Siam menyangka kerajaan-nya sendiri-lah yang sangat besar hingga meliputi tiga suku dunia. Kemudian Abdullah menolong menchitak undang2 Singapura yang di-buat oleh Raffles. Abdullah banyak beroleh wang kerana ramai orang2 belajar bahasa Melayu kapada-nya, tetapi wang itu habis bagitu sahaja. Hal ini di-sebabkan ia terpaksa pulang ka-Melaka beberapa bulan sa-kali — keluarga-nya tidak membenarkan isteri Abdullah tinggal di-Singapura.

Tiga bulan sa-belum Raffles pulang ka-London Abdullah telah mengemaskan kitab2, naskhah yang akan di-bawa pulang. Abdullah sangat susah hati kehilangan sa-orang ketua yang sangat baik budi. Naskhah kitab2, hikayat2 shaer Melayu dan lain2 itu sangat banyak, yang berjilid 300 buah, yang bercherai2 tiga peti, tiap2 peti panjang-nya sadepa. Kemudian barang2 lain yang di-kumpulkan sejak di-Melaka lagi saperti patong2, gambar2, barang permainan, tulisan di-daun lontar, perkakas bunyi2an, binatang serangga, burong berpuloh2 peti. Tetapi kapal tumpangan Raffles yang bernama The Fine itu telah musnah terbakar di-laut Bengkulin pada 1824.

Farquhar termashhor sa-orang ketua negeri yang sangat bijak, adil dan sabar. Apabila ia hendak pulang ka-England semua bangsa di-Singapura pun datang memberi hadiah. Tuan Farquhar membalas hadiah itu bermacham2 pula. Ketua pemerintah Singapura di-ganti oleh Crowford. Abdullah tidak memandang tinggi kapada-nya, kerana ia tidak merupakan sa-orang pemerintah yang baik.

Abdullah mengidap penyakit pasang2. Dia telah berubat kapada dukun2 Melayu, China dan India tetapi tidak semboh. Akhir-nya masa pergi mengajar bahasa Melayu di-rumah Tuan Morgan ia berjumpa dengan doktor Inggeris yang berchuti rehat di-Singapura. Dari doktor itu-lah ia berubat hingga semboh betul.

Masa Singapura di-bawah perentah Tuan Crowford 1824, orang2 China telah menubuhkan kongsi gelap yang di-anggotai oleh kira2 8,000 orang. Sa-lain dari itu ada ramai lagi ahli2-nya di-Pulau Pinang, Melaka, Linggi, Sungai Ujong dan Lukut. Ibu pejabat-nya di-Toa Tanglin di-darat Pulau Singapura. Kongsi gelap ini-lah yang membuat kachau di-Singapura. Abdullah telah mengikut sa-orang kawan-nya dari bangsa China bersulit2 pergi ka-pejabat kongsi gelap yang di-namakan Tien Te Hoe itu. Abdullah memakai chara orang peminta sedekah. Ia dapat menyaksikan upachara persumpahan menjadi ahli kumpulan itu. Apabila ia mencheritakan keadaan kumpulan itu kapada Crowford, ketua pemerintah Singapura itu merasa terperanjat, tetapi ia tidak terdaya hendak menghapuskan-nya kerana jalan ka-Toa Tanglin terlalu susah. Bagitu pun Crowford chuba menghapuskan kumpulan itu. Suatu hari sa-orang ahli kumpulan itu dapat di-tangkap lalu di-penjarakan. Malam-nya beratus2 orang dari kumpulan gelap itu memecahkan penjara dan melepaskan kawan-nya. Dan sa-minggu kemudian sa-puchok meriam dengan mata2 penjaga serta senapang-nya telah di-bawa lari oleh kumpulan gelap itu.

Crowford yang di-katakan oleh Abdullah sa-orang kurang berjaya memerintah pada mula-nya, telah dapat mengambil Singapura dari tangan Sultan Husain Shah pada akhir-nya. Sultan yang telah senang itu tidak memikirkan apa2 lagi. Keadaan-nya telah berubah menjadi terlalu gemok, di-mana dudok di-sana bersendar. Dan manakala wang gaji-nya di-tahan sa-lama tiga bulan oleh Crowford baharu-lah merasa kelamkabut, hingga tawaran menyerahkan Singapura kapada Kompeni Inggeris di-terima dengan tidak hitong pereksa lagi.

Walau pun tawaran itu bunyi-nya terlalu besar; enam puluh ribu ringgit untok sultan, manakala sudah di-tandatangani wang itu tinggal sa-puluh ribu ringgit sahaja. Kerana di-tolak hutang2 sultan kapada Raffles dan di-potong lagi hutang2 sultan kapada Kompeni Inggeris. Bila di-lihat demikian baharu-lah sultan rasa menyesal. Di-Singapura Abdullah berasa bosan dengan orang2 bangsa asing yang belajar bahasa Melayu dengan mengatakan bahasa itu mudah, beberapa bulan belajar sudah pandai. Manakala ada desakan2 dari Melaka supaya ia mengajar di-Kolej ia pun pulang ka-Melaka mengajar bahasa Melayu di-sana dan menjalankan kerja2 perhitakan.

Di-Melaka ia melihat pembenaan sa-buah chapel oleh Paderi Humphreys. Walau pun mula-nya ada tentangan orang2 China kerana takut tokong mereka yang menghadap ka-negeri China itu nanti terlindung dengan bangunan chapel, tetapi pembenaan itu di-jalankan juga. Kemudian Abdullah ka-Singapura lagi. Beberapa bulan kemudian sa-telah ia berkemas2 bendak pulang ka-Melaka, malam-nya rumah tumpangan itu ikut terbakar dalam satu kebakaran besar di-Kampong Gelam. Dua bulan kemudian baharu Abdullah jadi pulang ka-Melaka dan kebetulan masa itu Melaka telah di-pulangkan kapada Inggeris oleh pemerintah Belanda kerana di-tukar dengan Bangkahulu.

Beberapa lama kemudian berlaku peperangan Naning, ia-itu serangan Inggeris kapada Naning. Serangan itu mula-nya tidak berjaya. Kerana terjadi peperangan itu-lah Abdullah telah menchatetkan di-dalam hikayat-nya tentang keturunan orang besar2 Naning semenjak Melaka di-ambil oleh Belanda dari kuasa Portugis, Melaka di-ambil Inggeris kemudian di-serahkan kapada Belanda dan lepas itu di-tukar dengan Bangkahulu hingga-lah terta'alok Naning ka-tangan Inggeris sa-telah sa-tahun lama-nya berperang.

Sultan Husain Shah yang telah kehilangan kuasa itu telah di-kuasai pula orang sa-orang Keling peranakan Melaka bernama Abdul Kadir. Ia sangat di-sayangi oleh sultan hingga melebihi keluarga sultan sendiri. Segala kata2 Abdul Kadir menjadi perintah sultan dan wang sara hidup-nya pun di-

serahkan kepada Abdul Kadir. Apabila ada pakatan orang2 sultan hendak membunuh-nya, sultan membawa-nya dengan berpakaian perempuan keluar dari istana dan di-suroh-nya lari ka-Melaka. Pada tahun 1834 sultan menuruti Abdul Kadir pindah ka-Melaka. Jadi sa-makin berkuasa-lah Abdul Kadir hingga akhir-nya puteri sultan itu Tengku Andak dikahwinkan dengan Abdul Kadir.

Kerabat2 sultan chuba hendak membunuh Abdul Kadir, tetapi ia maseh terselamat dan semua kerabat2 sultan terhalau. Sultan mengambil orang2 India Muslim menggantikan tempat kerja kerabat2-nya. Manakala Sultan Husain Shah mangkat pada tahun 1835 keluarga-nya itu pun pindah ka-Lereh, kira2 empat batu jauh-nya dari bandar Melaka sa-hingga Abdul Kadir meninggal dunia di-sana.

Dua bab akhir ini Abdullah mencheritakan Singapura, kerana di-dalam bab ini-lah ia pindah terus ka-Singapura sa-telah kematian isteri-nya di-Melaka. Mula2 tentang Kompeni Inggeris membuat gereja, kemudian kesebokan orang ramai kerana cherita2 karut yang mengatakan Kompeni Inggeris menchari kepala orang untok makanan hantu gereja. Abdullah pulang ka-Melaka melihat anak perempuan-nya sakit, dan anak itu mati kemudian di-turuti oleh kematian isteri-nya kerana bersalin. Di-Singapura Abdullah meneruskan kerja-nya mengajar bahasa Melayu kepada pegawai2 Inggeris dan orang Amerika yang datang ka-Singapura serta menolong menterjemahkan beberapa buah buku pengetahuan dan kitab Injil.

Pada bab akhir di-cheritakan tentang Gabenor Butterworth yang juga baik budi bahasa-nya, serta satu isti'adat ia menyampaikan hadiah pedang dari Gabenor Jeneral di-Benggala kepada Temenggong Seri Maharaja Johor. Dan tentang Inggeris mengalahkan China dalam perang chandu di-negeri China.

RAJA ALI HAJI

Nama: Raja Ali Haji bin Raja Ahmad.

Lahir: di-Pulau Penyengat, Riau.

Tahun: 1809 — 1870.

Raja Ali Haji di-lahirkan di-Pulau Penyengat, sa-buah daripada kepulauan Riau, pada awal abad kesembilan belas, sa-masa kerajaan Melayu Riau-Johor berpusat di-Riau. Beliau ada-lah keturunan dari orang besar2 Bugis.

Moyang-nya ia-lah Daeng Chela', salah sa-orang dari anak2 raja Bugis lima bersaudara yang datang dari Celebes. Mereka ka-Semenanjung Tanah Melayu dan mula berkuasa di-kepulauan Melayu semenjak kurun Masehi yang kelapan belas. Daeng Chela' di-angkat menjadi Yam Tuan Muda di-Riau menggantikan saudara tua-nya, Daeng Marewah.

Raja Haji, dato' kapada Raja Ali Haji menggantikan bapa saudara-nya Daeng Kembuja yang telah mengambil jawatan Yam Tuan Muda Riau. Dato'-nya ini sa-orang pahlawan Bugis yang terbilang telah gugor di-Telok Keta-pang, Melaka sa-waktu hendak mengalahkan Belanda di-Kota Melaka. Beliau di-makamkan di-Melaka, kemudian di-pinta oleh anak2-nya di-bawa pulang dan di-kuborkan di-Riau.

Walau pun Raja Ahmad, ayah kapada Raja Ali Haji tidak menjadi Yam Tuan Muda (Jawatan itu di-pegang oleh kekanda-nya, Raja Ja'afar) beliau mengambil peranan pen-ting dalam perkembangan politik di-Riau-Johor. Beberapa kali Raja Ahmad menjadi utusan ka-Jawa untok perun-dingan2 dengan Gabenor Jenderal Hindia Belanda. Beliau terkenal sa-bagai sa-orang yang terpelajar, hingga kesem-patan2 yang sedikit sa-masa menjadi utusan di-Jawa itu di-penohkan dengan mempelajari ilmu fiqeh kapada ulama' di-sana. Ayah Raja Ali Haji ini juga sa-orang pengarang, beliau pernah menghasilkan shaer tentang pelayaran Engku

Puteri dari Riau ka-Lingga pada tahun 1831. Beliau memakai nama Engku Haji Ahmad yang mesti-nya tidak lain dari Raja Ahmad sendiri.

Masa ini Pulau Penyengat menjadi pusat kebudayaan Melayu dan ilmu pengetahuan Islam di-kepulauan Melayu. Ada beberapa orang ulama' yang mengajar berbagai ilmu tentang agama Islam. Berjenis2 buku dan kitab di-terbitkan dalam bandar di-Pulau Penyengat ini.

Dalam suasana perkembangan kebudayaan dan keluarga yang berpengetahuan luas ini-lah Raja Ali Haji lahir dan di-besarkan. Sa-masa kechil lagi beliau telah di-didek dengan suasana kebangsawanan Melayu dan mendapat pula perchamporan dengan orang besar2 Belanda. Beberapa kali beliau mengikut ayah-nya ka-Jakarta. Di-agakkan sa-masa beliau berumur sa-belas tahun lagi telah mengikut ayah-nya pergi menunaikan fardhu haji ka-Mekah. Raja Ali Haji telah tinggal beberapa tahun di-Mekah menuntut ilmu di-sana.

Sa-telah pulang dari tanah suci beliau menambah pengetahuan-nya di-Riau sendiri daripada pembachaan dan masharakat istana-nya. Hal ini kerana segala bakat-nya, dari kecherdekan, kesusasteraan dan politik di-pusakai daripada ayah-nya Raja Ahmad.

Apabila saudara sa-pupu-nya, Raja Ali menjadi Yam Tuan Muda, beliau bertugas sa-laku guru, penasihat dan 'perdana menteri' yang punya pengaruh besar kapada Yam Tuan Muda itu.

Pulau Penyengat yang telah menjadi pusat kebudayaan Melayu dan pengetahuan agama Islam itu berkembang terus. Yam Tuan Muda Raja Ali menggalakkan usaha Raja Ali Haji menjemput ulama'2 yang terkenal. Peluang ini telah mendalamkan lagi pengetahuan agama Islam Raja Ali Haji. Kemudian beliau sendiri benar2 menjadi guru kapada Yam Tuan Muda, ia-itu mengajarkan ilmu tasauf, usul al-din dan sa-bagai-nya. Ia juga menjadi guru dan mengajar kapada orang2 lain di-Pulau Penyengat itu.

Pada tahun 1857 mengarang kitab bernama *Bustanul-Katibin* berkenaan tatabahasa Melayu berdasarkan bahasa

Arab. Kitab ini pernah di-hantar oleh sa-buah pertubohan kebudayaan di-Jakarta kapada H. von de Wall sa-orang sarjana bahasa dan penyusun kamus Melayu-Belanda untok di-beri ulasan. Pertubohan kebudayaan di-Jakarta itu telah menerima ulasan buku itu, tetapi pengulas-nya telah menyatakan tidak dapat memberi ulasan yang memuaskan kerana Raja Ali Haji itu sahabat karib-nya. Dan Raja Ali Haji pernah memberi pertolongan yang banyak sa-masa Wall menyusun kamus Melayu-Belanda itu.

Sa-tahun kemudian ia-itu pada tahun 1858 beliau mulai membuat kamus yang di-namai *Kitab Pengetahuan Bahasa*, tetapi tidak di-tamatkan. Beberapa tahun sa-sudah itu pada tahun 1865 beliau mengarang "Kitab Salasilah Melayu dan Bugis dan Sakalian Raja2-nya", yang mencheritakan anak2 raja Bugis lima bersaudara datang ka-Semenanjung Tanah Melayu. Dan pada tahun itu juga buku-nya yang terbesar *Tuhfat al-Nafis* atau "Hadiah yang Bernilai" di-karang-nya. Di-antara buku sejarah sa-lain daripada "Sejarah Melayu" Tun Seri Lanang, kitab "*Tuhfat al-Nafis*" ini termasuk buku yang terpenting.

Bakat kesusasteraan yang di-pusakai dari ayah-nya — Raja Ahmad itu tidak terhenti pada Raja Ali Haji sahaja. Malah bakat itu turun kapada anak2 Raja Ali Haji pula. Raja Husain menulis Shaer Unggas (Shaer Burong), adek perempuan-nya Raja Kalthum menggubah Shaer Saudagar Bodoh dan sa-orang adek-nya lagi, Safiah menchipta Shaer Kumbang Megindera.

Raja Ali Haji pernah menjadi guru kapada Syed Shaikh al-Hadi pelopor nobel Melayu. Beliau meninggal dunia pada tahun 1870.

Karya-nya yang terpenting

- 1857: Bustanul-Katibin (atabahasa Melayu)
- 1858: Kitab Pengetahuan Bahasa (Kamus Melayu — ta' habis)
- 1865: Salasilah Melayu dan Bugis (Tawarikh Pengembara2 Bugis)

1865: *Tuhfat al-Nafis* (berma'ana Hadiah Yang Bernilai — Tawarikh Kerajaan Melaka, Johor-Riau 1865)

Kelahiran karya Raja Ali Haji tidak meneruskan pembaharuan yang telah di-rintis oleh Munshi Abdullah. Dua buah karya-nya yang terpenting sa-kali *Tuhfat al-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis* di-tulis bukan kerana memenuhi permintaan orang lain, sama ada orang besar yang berkuasa atau sahabat yang di-kasehi. Raja Ali Haji mengarang kerana kesedaran tentang kegunaan kesusasteraan saperti pengakuan yang di-buat-nya sendiri:

.....ada-lah pada masa tahun sa-ribu dua ratus delapan puluh dua daripada Hijrah Nabawiah pada lima belas haribulan Rabi'ul Akhir telah di-taruh pada hati-ku bahawa aku perbuatkan Salasilah ini pada ketika aku peroleh akan satu kitab daripada tangan saudara kami yang saleh yang keperchayaan dan ia-itu Syed as-Sharif Abdul Rahman ibni Syed as-Sharif Kassim Sultan Puntianak bin Syed as-Sharif Abdul Rahman al-Kudri dan di-dalam kitab itu di-sebutkan sa-tengah daripada keturunan raja2 dan anak2 raja yang mereka itu mengembara menjauhi daripada pehak Pulau Bugis dan menuntut daripada kelebahan Allah Ta'ala berkeliling-lah mereka itu pada beberapa negeri yang hampir dan jauh. Maka besegera-lah aku pada menyurat-nya supaya berkekalan yang demikian itu hingga anak2-ku dan chuchu2-ku yang di-belakang-nya dengan tolong Allah dan kurnia-nya atas segala hamba-Nya.

Sa-benar-nya Raja Ali Haji hidup sa-zaman dengan Abdullah. Dari itu munchul-nya karya2 beliau telah mempersubor terus perkembangan kesusasteraan Melayu. Sa-tengah2 penyelidek mengatakan sa-telah meninggal-nya Munshi Abdullah, kesusasteraan Melayu turut muram hampir sa-tengah abad hingga munchul-nya persurat-khabaran. Kenyataan ini dapat di-terima kalau-lah perkembangan kesusasteraan Melayu itu di-tinjau dari satu segi sahaja. Akan tetapi tidak-lah adil berbuat demikian. Kesusasteraan akan

* *Salasilah Melayu dan Bugis* — Kerajaan Johor hal. 1.

subor dan megah jika perkembangan-nya di-chatet mengikut segala aspek-nya.

Raja Ali Haji besar dalam kalangan istana tetapi terdidek dalam keluarga yang berpengetahuan luas. Beliau mewarishi berbagai bakat di-mana akhir-nya mempunyai banyak keahlian. Kata C. Skinner dalam *Prosa Melayu Baru*: Dalam pada itu, segala pekerjaan yang tersebut di-atas ini (mengarang -P) kerja masa lapang-nya. Dia sa-orang tokoh politik yang terkemuka dalam kerajaan Riau-Lingga itu dan di-bawah Yang di-Pertuan Muda Raja Ali, saudara sa-pupu-nya, Raja Ali Haji menjadi sa-olah2 'Perdana Menteri'-nya. Ahli agama Islam, ahli bahasa 'Arab, ahli bahasa Melayu, ahli tawarikh, ahli politik — memang luar biasa pengetahuan dan pengalaman-nya.

Daripada pengetahuan dan pengalaman yang demikian-lah Raja Ali Haji menyedari guna kesusasteraan. Tugas pengarang tidak-lah hanya menulis atau menchatet untok sa-suatu puak atau pun bercherita untok sa-saorang. Kapada Raja Ali Haji tugas pengarang ada-lah memberikan sejarah zaman-nya untok menjadi bahan kajian jenerasi yang akan datang. Sa-bagai sa-orang politikus kepentingan sejarah tidak dapat di-abaikan. Hanya sejarah yang lampau sahaja yang dapat memberi petunjuk jatoh bangunan-nya keadaan masa depan. Segala tulisan berdasarkan cherita benar yang menunjukkan asal usul kedatangan bangsa-nya, pembukaan negeri-nya, jatoh bangun kerajaan di-negeri-nya dan perhubongan dengan negara tetangga-nya. Segala peristiwa itu mempunyai waktu2 dan sebab2 yang tertentu. Dan kesemua-nya itu akan menjadi bahan kajian untok perbandingan bagi menegakkan kerajaan yang akan datang pula. Kesedaran Raja Ali Haji tentang hal ini semua-nya dapat di-lihat pada penutup buku-nya *Tuhfat al-Nafis*:

'Shahadan ini-lah kesudahan Kitab Tuhfat al-Nafis ini. Maka tamat-lah kesah cherita2 antara Raja2 Melayu serta Bugis daripada anak chuchu Raja2 Melayu yang keturunan daripada Marhum Abdul Jalil yang mangkat di-Kuala Pahang serta Marhum Raja Kechik negeri Siak. Shahadan di-belakang ini kelak siapa2 daripada anak chuchu-ku hendak

menghubungkan-nya siarah ini maka patut-lah, akan tetapi dengan jalan yang patut dan dengan ibarat perkataan yang wadhiah dan sah serta atoran yang patut serta benar supaya terpakai.....*

Raja Ali Haji tidak menghargai cherita sejarah yang tidak menchatet tarikh-nya. Buku yang demikian telah di-jadikan bahan mentah untok buku2 karangan-nya sendiri. Cherita2 yang di-fikirkan sesuai dan dapat di-beri tarikh di-masokkan ka-dalam buku sejarah-nya. Mithal-nya cherita Belanda undor dari Pulau Guntong itu dalam buku Tuhfat al-Nafis-nya itu ada-lah petekan dari "Sejarah Siak":

*.....Shahadan tiada berapa antara-nya maka Ho'anda pun meninggalkan Pulau Guntong itu, balek ka-Melaka, wallahu- a'lam, entahkan sebab tiada untong-kah perniagaan-nya di-situ, atau entahkan takut-kah, tiada-lah aku ketahui ada-nya.

Shahadan akan tetapi aku terjumpa dengan satu sejarah sa-belah Siak, akan tetapi, sejarah dan siarah Siak itu daripada awal-nya hingga akhir-nya, tiada bertahun dan tiada bertarikh, apa lagi bulan dan hari-nya tiada sa-kali2 aku bertemu, dan suratan-nya pun terlalu kopi, (susah -P), dan karangan-nya pun banyak kurang sedap di-bacha, sebab banyak berpindah2 agak-nya daripada tangan sa-orang kapada tangan sa-orang, serta yang menyurat pun kurang selidek pada mengesahkan, demikian-lah sangka-ku.....

Sa-bermula maka tersebut di-dalam siasah Siak itu, ada-lah undor-nya Holanda di-Pulau Guntong itu sebab di-amok Sultan Mahmud. Ada-lah kesah-nya itu....**

Pandangan kesedaran sa-saorang yang telah mendalam bahasa Melayu pada zaman permulaan tidak-lah sama. Pada dasar-nya sahaja Munshi Abdullah dan Raja Ali Haji sa-pakat. Mereka memandang tinggi kemurnian bahasa per-suratan saperti "Sejarah Melayu". Abdullah memandang rendah kapada orang2 Melayu yang tidak belajar bahasa-nya sendiri, yang mana mungkin mereka mudah terpengaruh

* Tuhfat al-Nafis, terbitan JMBRAS, Ogos, 1932 hal. 84.

dengan bahasa pasar. Raja Ali Haji pula tidak menggalakkan orang2 Melayu menggunakan 'bahasa pasar' dengan alasan akan merosakkan kemurnian bahasa Melayu.

Dalam hal pemakaian bahasa Melayu ini Munshi Abdullah merasa sudah chukup bahasa persuratan zaman-nya itu untok di-pertahankan, yang mana beliau sanggup 'bertegang leher' dengan sa-orang pelajar-nya dari Barat. Biasa-nya dia terlalu hormat dengan pelajar2 yang terdiri dari pegawai2 atau paderi Inggeris. Tetapi dia telah menentang Thomsen sa-orang paderi bangsa Jerman yang maseh tidak puas hati dengan tatabahasa Melayu pengajaran Abdullah itu.

Raja Ali Haji yang sama2 mengakui kemurnian bahasa persuratan zaman mereka itu maseh berusaha menchari kebaikan. Beliau memandang kemurnian dan perkembangan bahasa tidak dari satu segi sahaja. Pandangan-nya tentang hal ini lebeh luas dari pandangan Munshi Abdullah. Dalam mempelajari sa-suatu bahasa tidak chukup dengan membaca hikayat2 dalam bahasa itu sahaja, pelajar2 perlukan buku petunjuk tatabahasa dalam bahasa itu sendiri.

Pada tahun 1857 Raja Ali Haji telah mengeluarkan buku tatabahasa Melayu yang di-beri nama *Bustanul-Katibin*. Buku tatabahasa Melayu ini mengandongi pendahuluan, isinya 31 fasal dan di-beri penutup. Tebal-nya 70 muka sahaja.

Isi buku *Bustanul-Katibin* dapat di-bahagikan kapada dua bahagian; sa-bahagian tentang penulisan bahasa Melayu dan sa-bahagian lagi tentang tatabahasa Melayu yang di-sesuaikan daripada peratoran2 tatabahasa Arab. Menilai bahagian yang pertama dapat di-katakan bahawa pengarang-nya agak berjaya. Tetapi bahagian kedua tidak dapat di-terima. Tatabahasa Melayu yang di-sesuaikan dengan tatabahasa Arab itu tidak hidup, ayat2-nya kaku. Ia maseh merupakan ayat2 tatabahasa Arab yang memakai perkataan Melayu. Walau pun karya-nya itu tidak dapat di-terima dari segi ilmu pengetahuan sekarang, tetapi sa-bagai perhubungan yang mula2 sa-kali, usaha itu memang-lah dapat di-puji. Karya-nya itu sangat berharga sa-kali, yang mana dapat menampung

satu kekosongan dari segi ilmu pengetahuan. Buku itu digunakan di-sekolah2 di-Johor dan Singapura pada zaman-nya.

Kesedaran Raja Ali Haji tentang kekurangan buku ilmu bahasa Melayu bagitu meluas, sa-tahun kemudian pada tahun 1858 beliau menyusun kamus Melayu yang di-beri nama *Kitab Pengetahuan Bahaas*. Sayang-nya buku yang mengandongi 465 muka dengan pendahuluan sa-banyak 32 muka itu telah tidak selesai. Ia baharu sampai kapada huruf 'cha'.

Memandang ini-lah kali pertama-nya di-tulis kamus Melayu, tidak hairan-lah berlaku beberapa kesilapan. Bagitu pun kesilapan itu tidak mengurangkan kepentingan buku *Kitab Pengetahuan Bahasa* chiptaan beliau.

Sa-bagai sa-orang politikus yang berpengetahuan tinggi dan luas pengalaman-nya, Raja Ali Haji tidak akan mengeluarkan nasihat yang pedas atau keritik2 yang tidak ber-lindung2. Jauh sa-kali untok memaki2 apa yang di-lihat-nya walau pun tidak di-sukai-nya. Keritik2-nya terlalu dalam dan halus. Jika di-perhatikan dengan chukup teliti dan sedar baharu-lah kedapatan pandangan-nya yang halus itu. Tetapi kalau di-bacha sambil lalu sahaja, chuma merupakan pemberitaan yang biasa. Perhatikan-lah pemberitaan-nya tentang majlis tari menari chara Barat di-dalam tulisan ini:

'Shahadan pada suatu malam yang lain pula datang lagi panggilan Gabenor Jeneral pada satu rumah tempat orang2 bermain dan makan2. Di-situ-lah segala Holanda yang muda2 menari bersama2 perempuan nona-nya berpelok2 berpusing2 dengan musik. Lepas selesai itu baharu-lah makan2 hingga pukul satu.'

Bukan sa-takat ini sahaja kehalusan keritik-nya, malah kalau salah2 bacha kita harus menganggap beliau sudah ter-pengaruh dengan kebudayaan asing itu, kerana sanggup me-muji dan menyatakan persetujuan hati-nya sendiri. Cherita yang di-tulis itu satu gambaran yang di-buat dengan teliti sa-kali, sudah tentu-lah akan memberi peluang kapada pembacha meneliti-nya sendiri. Kapada pembacha yang keritis akan mendapati penulis itu sa-olah2 mengemukakan per-tanyaan: "nah, ini-lah kebudayaan Barat, sesuai-kah dengan

hati-mu yang sudah hidup dengan kebudayaan Islam yang melarang semua ini!". Di-sini-lah terdapat-nya perbedzaan keritik karya Raja Ali Haji dengan karya Munshi Abdullah. Sekarang halusi-lah petekan di-bawah ini:

"Kemudian bersiar2 orang besar dan lain-nya hingga sampai kapada satu padang yang luas, rumput2-nya panjang2. Maka di-situ orang bermain2 musik, indah2 bunyi-nya. Ada yang rupa2 seruling, ada yang rupa2 serunai, ada yang rupa nafiri bersorong tarek, ada yang berlanggar2, ada yang saperti getar2 nasi, bergantung giring2 kapada-nya, di-hentakkan berdering2. Ada yang tiga persegi itu di-pukul dari sa-be'ah dalam-nya, dan ada tambor yang tiada berdempir. Ada tambor saperti bedok, ada pula tembaga saperti bereng2 China. Maka apabila bermain berbunyi-lah semua-nya, pada tentang2-nya adzamat bunyi-nya serta dengan haibat-nya, terkadang merdu bunyi-nya memberi sayu hati mendengar. Demikian-lah hal permainan-nya itu.*"

Buku "Salasilah Melayu dan Bugis dan Sakalian Raja2-nya" ini mengesahkan rengkasan sejarah keturunan raja2 di-Bugis, Jawa, Sumatera, Tanah Melayu dan Borneo serta kesah perang saudara yang berlaku antara Raja Kechik dari Siak dengan Raja Sulaiman dan Bendahara Tun Husain yang dibantu oleh anak2 Raja Bugis lima bersaudara; kerana merebut kerajaan Johor (Johor, Riau dan Lingga). Sa-terusnya di-cheritakan peri hal persemendaan (perchamporan darah) di-antara anak2 Raja Bugis lima bersaudara itu dengan Raja2 Melayu.

Sungguh pun isi buku ini amat banyak, tetapi zaman yang di-tulis-nya itu tidak-lah bagitu luas; melainkan di-sekitar kurun Masehi yang ke-18 dan tiada melepasi tahun 1737.

Pelukisan sejarah dalam buku Salasilah Melayu dan Bugis itu di-mulakan dengan riwayat Lamdu Salat, sa-orang raja negeri Luwok dalam tanah Bugis dengan tiga orang

* Tuhfat al-Nafis, (terbitan JMBRAS).

puteri-nya yang telah merantau ka-Sulawesi dan tanah Jawa serta kesah lima orang chuchu-nya itu: Upu Daeng Perani, Upu Daeng Menambun, Upu Daeng Marewah, Upu Daeng Chela' dan Upu Daeng Kmase yang merantau ka-Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.

Kemudian di-riwayatkan pula mengenai Bukit Siguntang, Singapura Tua, Melaka dan Johor Lama. Sa-lepas itu ia-lah riwayat anak2 Raja Bugis lima bersaudara itu datang menolong Sultan Muhammad Zainuddin di-Matan. Di-sini Upu Daeng Menambun kahwin dengan sa-orang puteri bernama Puteri Kesumba. Sa-telah selesai dengan urusan di-Matan anak2 Raja Bugis itu pergi pula ka-Riau, kerana menerima jemputan Raja Sulaiman yang meminta bantuan mereka untuk memerangi Raja Kechik, yang pada masa itu berkuasa di-Johor, Riau dan Lingga. Sa-belum memulakan penyerangan ka-atas Johor kedua pihak itu telah membuat satu persetiaan yang di-sebut "Persetiaan Melayu dan Bugis", pokok persetiaan itu ia-lah: Pihak anak2 Raja Bugis dan keturunannya hendak-lah menjadi Yam Tuan Muda, dan bagi pihak Raja Sulaiman dan keturunannya hendak-lah menjadi Yang di-Pertuan Besar — kedua-nya itu bersama2 memerintah kerajaan Johor, Riau dan Lingga.

Sa-telah selesai di-buat persetiaan itu persediaan untuk penyerangan pula di-ator. Anak2 Raja Bugis membuat persiapan di-Selangor dan Raja Sulaiman meminta bantuan ka-Pahang. Zaman itu tersangat-lah mashhor kegagahan anak2 Raja Bugis lima bersaudara itu di-dalam peperangan. Jadi di-dalam peperangan itu berakhir dengan kekalahan Raja Kechik. Bagi memenohi persetiaan yang telah di-buat Raja Sulaiman di-tabalkan menjadi Yam Tuan Besar yang menguasai Johor, Pahang, Riau dan Lingga serta salah sa-orang daripada anak2 Raja Bugis yang berlima ia-itu Daeng Marewah di-lantek menjadi Yam Tuan Muda I. Sejak itu kerajaan Johor di-warithi oleh dua keturunan, ia-itu keturunan Raja2 Melayu dan keturunan anak2 Raja Bugis. Demikianlah akhir-nya keturunan daripada anak2 Raja Bugis itu telah menguasai beberapa buah negeri dalam Tanah Melayu hingga ka-Borneo.

Saperti yang tersebut tadi walau pun "Salasilah Melayu dan Bugis" ini di-tulis dalam tahun 1865, tetapi tawarikh yang di-cheritakan tidak melepasi tahun 1737. Perkara ini mungkin bahan-nya terhad dengan apa2 yang di-dapati dalam Sejarah Siak yang di-jadikan bahan penulisan buku sejarah-nya itu.

Tuhfat al-Nafis atau "Hadiah Yang Bernilai" di-tulis pada tahun 1865. Buku ini merupakan cerita sejarah yang boleh di-katakan menjadi sambongan daripada "Salasilah Melayu dan Bugis" itu. Di-antara karya2 Raja Ali Haji buku *Tuhfat al-Nafis* ini-lah yang lebeh terkenal. Isi-nya di-mulai dengan sejarah Singapura, Melaka dan Johor tetapi sa-chara ringkas sahaja. Tahun2 yang mula di-perkatakan ia-lah pada tahun 1677 hingga 1865. Ia-itu mencheritakan kesah Riau di-alahkan oleh Belanda, Melaka di-alahkan oleh Bugis. Kesah2 perjuangan Raja Haji menentang orang2 Belanda dan akhir-nya mati di-Telok Ketapang. Kesah2 orang Inggeris menabalkan Raja Husain (Tengku Long) dari Riau menjadi Sultan Singapura.

Oleh kerana sa-tengah bahagian buku itu merupakan sejarah zaman-nya sendiri, terdapat-lah juga hal2 diri pengarang dalam karangan-nya. Sa-bagai sa-orang yang berpengetahuan tinggi dan berpengalaman luas beliau tidak menonjolkan diri. Cherita dan gambaran tentang kejadian2 yang di-lihat-nya sendiri itu di-berikan kepada pembacha amat baik dan hidup. Petekan ini menjelaskan ketelitian dan keikhlasan penulis-nya:

'Shahadan ada-lah peratoran dudok itu ada-lah Gabenor Jenderal dudok di-tengah2 meja. Ada satu jambangan bunga di-hadapan-nya. Dan ada satu lagi jenderal yang gemok hebat rupa-nya. Kata orang itu-lah jenderal yang mengalahkan negeri Palembang itu, nama-nya Jenderal de Kock. Ada-lah isteri-nya itu kechil molek dan ada-lah isteri Gabenor Jenderal van der itu gemok. Ada-lah ia dudok bersanding2 dengan jenderal gemok itu dan isteri jenderal gemok yang kechil molek itu bersanding pula dengan Gabenor jenderal Baron van der. Ada pun Engku

Saiyed serta Raja Ahmad itu dudok di-sabelah pehak Gabe-nor Jeneral gemok itu, kemudian baharu Saiyed Husain Habshi, kemudian baharu anak raja2 sakalian. Ada pun orang2 besar Holanda sakalian-nya masing2 kerusi-nya. Kira2 lebeh daripada delapan puluh orang yang makan itu. . . .

Kemudian maka makan-lah, entahkan berapa kali ber-ganti pinggan dan berapa kali datang makanan2 yang lain2 rupa-nya dan rasa-nya. . . .”*

Kerana ketelitian penulisnya-lah buku ini lebeh mena-rek, tidak sa-takat merupakan chatetan sejarah belaka yang selalu-nya menjemukan. Di-dalam-nya terdapat gambaran2 kebudayaan dan adat isti’adat istana raja Melayu dan Bugis.

Gaya bahasa yang di-gunakan oleh Raja Ali Haji kalau di-perhati oleh pembacha sekarang tentu-lah di-kata-kan sa-bagai gaya bahasa “Sejarah Melayu” dan kadang2 lebeh membosankan. Perkara ini mungkin kerana maseh ada di-gunakan pendahuluan kata saperti ‘maka’, ‘shahadan’, ‘arakan’, dan lain2. Tetapi kalau di-buangkan pendahuluan kata itu dan di-beri tanda berhenti mungkin gaya bahasa karangan Raja Ali Haji ini menarek juga. Petekan di-bawah ini yang menggambarkan kesah2 lama dapat di-jadikan bukti kesanggupan daya penggambaran penulis-nya menuliskan sa-mula dengan gaya bahasa yang sederhana:

* . . . undor-nya Holanda di-Pulau Guntong itu sebab di-amok oleh Sultan Mahmud. Ada-lah kesah-nya itu, tat-kala Sultan Mahmud, Raja Buang itu, sudah tiada di-beri oleh Holanda masok ka-Siak itu, maka ia pun marah lalu mudek ka-Siak ka-Pulau Guntong dengan empat buah kakap, orang-nya ada sa-ratus orang. Maka di-langgar jambatan dengan kakap-nya, maka fetur (pentadbir -P) Holanda itu pun terkejut, lalu ia berjalan ka-jambatan bertanyakan pe-rahu siapa itu. Maka apabila Sultan Mahmud mendengar fetur yang turun itu, maka ia pun mengambor-lah, saperti harimau yang pantas, dari perahu ka-jambatan. Serta tiba,

* Tuhfat al-Nafis, (terbitan JMBRAS).

maka lalu memegang tangan fetur itu. Maka kata fetur itu: "Mengapa tuan Sultan datang tiada memberi tahu kita?" Maka jawab Sultan Mahmud: "Apa memberi tahu — kita punya negeri!" Maka kata fetur: "Apa2 kehendak, berharap-lah di-sini." Maka jawab Sultan Mahmud: "Bagaimana kita hendak berkhobar, orang ramai bersama2 kita ini, takut pula pelantaran ini runtuh." Maka fetur pun tertawa, sambil kata-nya: "Dua ribu orang pun, tiada runtuh." Maka Sultan Mahmud pun menekan kaki-nya sa-belah, maka pelantaran itu pun hendak runtuh, berderak2, daripada gagah-nya. Maka lalu di-kepit-nya tangan fetur itu, di-bawa-nya masuk ka-da am kota-nya. Serta lepas Sultan Mahmud berdua fetur itu ka-dalam kota, maka hendak ditudong oleh soldadu pintu kota itu. Maka berkuat2-lah juak2-nya pada masuk kota itu, lepas-lah lima belas orang. Maka fetur bertanya: "Apa bichara?" Maka jawab Sultan Mahmud: "Nanti Shaikh Salim datang, boleh kita berbichara, jangan tuan takut." Maka di-suroh baginda panggil Shaikh Salim itu. Maka lalu-lah ia masuk membawa orang, ada empat puluh orang, masing2 dekat pintu meriam-nya. Maka soldadu pun bersedia-lah. Maka fetur pun hendak berbichara, maka baginda pun memberi isyarat kepada menantu-nya Saiyed Umar, maka Saiyed Umar pun menikam fetur itu dengan keris-nya bernama "Chumbuan", maka fetur pun mati-lah. Maka barisan soldadu Belanda pun membedil-lah saperti hujan kepada baginda. Maka anakanda baginda, Tengku Ismail, di-taruh-nya di-belakang, maka baginda itu menahankan dada-nya kepada peluru yang saperti hujan itu. Maka peluru yang tiba kepada tuboh baginda itu, saperti emping, tiada masuk kepada tuboh baginda itu, daripada kebal-nya. Maka segala juak2 pun mengamok-lah, habis mati soldadu di-Pulau Guntong itu. Maka perahu jaga2 Belanda pun lari-lah balek ka-Melaka. Maka dapat-lah Siak itu kepada tangan Sultan Mahmud samula.*

* Tuhfat al-Nafis, (terbitan JMBRAS, Ogos 1932 hal. 84-85).

MUHAMMAD IBRAHIM MUNSHI

Nama: Muhammad Ibrahim bin Abdullah.

Lahir: di-Kampong Pali, Melaka.

Tahun: Pada pertengahan abad ke-19 meninggal: 5 April 1904.

Muhammad Ibrahim di-lahirkan di-Kampong Pali, Melaka. Ia-itu tempat kelahiran bapa-nya — Abdullah bin Abdul Kadir. Keturunan-nya berasal dari negeri Yaman yang datang ka-India. Jadi moyang Muhammad Ibrahim dari keturunan champoran Arab-India, yang datang pula ka-Melaka menjadi guru agama. Moyang-nya itu berkahwin dengan perempuan darah champoran, ia juga menjadi guru agama di-Melaka. Dato'-nya bernama Abdul Kadir terkenal sa-bagai sa-orang saudagar dan mengajar agama Islam. Dia juga terkenal sa-orang yang pandai dalam bahasa Melayu.

Dari keturunan ini-lah bapa Muhammad Ibrahim lahir di-Melaka. Tetapi kerana didekan dan pengaruh sakeliling-nya, bapa Muhammad Ibrahim tidak dapat mengikuti jejak keturunan-nya sa-bagai ahli perniagaan, sa-balek-nya ia menjadi sa-orang guru bahasa Melayu dan pengarang.

Sa-masa kecil lagi Muhammad Ibrahim berada di-bawah asohan ibu-nya sahaja, kerana bapa-nya yang menjadi guru bahasa Melayu itu selalu belayar ka-Singapura mengajar di-sana. Apabila ibu Muhammad Ibrahim meninggal dunia di-Melaka, ia di-bawa pindah oleh bapa-nya ka-Singapura kira2 pada tahun 1838.

Muhammad Ibrahim mendapat pendidekan Inggeris di-Sekolah Mengembang Agama Keristian yang di-kelolakan oleh Rev. Keasberry. Beliau belajar bersama2 dengan anak2 Temenggong Ibrahim, salah sa-orang daripada-nya Che' Wan Abu Bakar yang kemudian menjadi Sultan Johor.

Sa-telah tamat persekolahan-nya beliau bekerja dengan Kompeni Inggeris yang memerintah Singapura. Pekerjaannya sa-bagai sa-orang jurubahasa itu telah memberi beliau peluang belayar ka-Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Seberang Perai. Segala pandangan dan pengalaman-nya itu telah di-tuliskan dalam *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, yang di-buat pada tahun 1871-1872. Sa-lain daripada bekerja dengan kerajaan, tentu-lah mengajar bahasa Melayu kerana beliau juga mendapat gelaran *munshi* yang bererti guru.

Sa-masa gabenor Sir Andrew Clark datang ka-Pulau Pangkor kerana membuat perjanjian dengan kerajaan Perak yang kemudian di-kenali sa-bagai *Persetiaan Pangkor*, Muhammad Ibrahim menjadi jurubahasa kapada gabenor itu.

Muhammad Ibrahim tidak mahu meneruskan hidup-nya di-bawah bendera Inggeris, beliau telah pindah ka-Johor Baharu bernaung di-bawah kerajaan Melayu Johor. Pada tahun 1878 atas kehendak Sultan Johor di-karang-nya buku *Pemimpin Johor* yang berisikan tatabahasa Melayu. Kemudian beliau menyusun beberapa buah buku pelajaran pula dan melancharkan gerakan Pertubohan Bahasa Melayu Diraja.

Beliau juga memegang jawatan besar di-dalam istana dan pernah mengiringi Seri Maharaja Johor Sultan Abu Bakar belayar ka-Eropah. Muhammad Ibrahim mendapat bintang "Dato' Bentara Dalam" dari baginda Sultan Johor.

Pada malam Selasa 5 April 1904 beliau telah meninggal dunia di-Johor Baharu dan di-kebumikan di-Makam Bukit Muhammadiyah, Johor Baharu.

Karya-nya yang terpenting

1872: *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*.

1878: *Pemimpin Johor* (buku tatabahasa Melayu).

Pada akhir abad kesembilan belas pekerjaan mengarang tidak dapat menyarai kehidupan sa-saorang pengarang. Buku2 dapat di-hasilkan hanya dari kerja sambilan sahaja. Tidak ada orang yang sanggup hidup dengan mengarang, pada

hal zaman persekolahan telah di-mulakan. Sa-patut-nya pengarang2 sangat di-kehendaki untok menyediakan bahan bacaan anak2 di-sekolah

Zaman sa-belum-nya pengarang2 terkenal dari tokoh2 pengembang agama Islam, kerana buku2 menjadi salah satu faktor terpenting untok menyalorkan pengajaran mereka. Dan pada zaman yang lebeh lampau pula pengarang2 terdiri dari orang surohan raja kerana kesusasteraan menjadi hak kalangan istana sahaja.

Oleh itu-lah pada akhir abad kesembilan belas sa-sorang pengarang pun maseh susah hendak menyiapkan usaha-nya kalau tidak mendapat jaminan dari pehak2 yang tertentu. Muhammad Ibrahim sendiri memeram sa-lama 7 tahun buku-nya "Pemimpin Johor" itu. Kemudian baharu di-selesaikan pada tahun 1878. Petekan di-bawah ini menunjukkan Muhammad Ibrahim mendapat jaminan untok menyudahkan buku-nya:

'Bahawa kitab Pemimpin Johor ini, yang telah aku berusaha dan berpenat beberapa lama, memungut dari dalam beberapa kitab2 dan lain2, serta menghimpunkan dan menimbangkan lalu mengatorkan dalam tahun Maschi 1871 dahu'u....

....maka s'karang ini (1878 — P) apabila telah hampir masa-ku akan belayar ini, mengiring duli yang maha mulia Sultan Johor ka-Eropah, istimewa pula telah ada, memang, titah-nya menyuruh aku mengadakan ilmu ini, timbul-nya ingatan-ku, terlebeh baik di-atorkan demikian ini, lalu mengambil aku berganda2 usaha dan tekun pada membaiki dan menyudahkan dengan atoran ini.'

Agak-nya satu kebetulan juga, segala tanda tanya yang timbul sa-masa membaca "Hikayat Abdullah" akan terjawab dalam riwayat hidup dan buku karangan anak-nya pula. Bukan semua orang bersetuju dengan pendirian Abdullah. Sa-tengah daripada pembaca hikayat-nya mengatakan "Abdullah tali barut Inggeris". Anggapan ini timbul kerana tulisan Abdullah yang mengecham suasana masharakat feodal

Melayu, sa-balek-nya memuji sistem pemerintah Inggeris. Abdullah juga tidak mahu hidup di-bawah pemerintahan raja2 Melayu.

Kalau benar-lah Abdullah itu tali barut Inggeris, barangkali anak-nya akan di-didek hingga menjadi sa-orang yang benar2 pro-Inggeris lebeh daripada diri-nya sendiri. Tetapi Abdullah chintakan suasana pemerintahannya sahaja, oleh itu-lah anak-nya — Muhammad Ibrahim di-didek mengenal diri dalam pemerintahan yang berdemokerasi.

Manakala sudah ada dua pemerintahan yang mengamalkan dasar demokerasi: ia-itu demokerasi Inggeris di-negeri2 Selat dan demokerasi Melayu di-Johor, Muhammad Ibrahim memilih Demokerasi Melayu. Beliau pindah ka-Johor. Di-sana-lah chita2 Abdullah terchapai walau pun ia sudah memejamkan mata untok sa-lama2-nya, 25 tahun ter-lebeh dahulu.

Apabila berchakap berkenaan Maharaja Johor Sultan Abu Bakar di-hadapan Tuan Allen Skinner Hakim Seberang Perai, Muhammad Ibrahim telah mempertahankan tuduhan orang Inggeris itu yang chuba hendak merendahkan peribadi raja2 Melayu:

“...berkata Tuan Skinner kapada aku: “Saya dengar Enche’ Engah Ibrahim, Raja Larut itu, sangat tiada berkenan dan tiada suka kerana pada ketika ia ka-Johor dahulu, Maharaja dudok di-atas kerusi, dia di-dudokkan di-bawah, tiada di-ajak dudok sama di-atas kerusi. Banyak-lah orang2 berchakap demikian. Bagaimana-kah fikiran Maharaja itu — sebab ia kaya dan lebeh mulia daripada Enche’ Ngah Ibrahim itu-kah, kerana ia pun banyak kaya jua.” Maka jawab-ku: “Saya tidak tahu hal itu dan tidak melihat pada ketika dia ka-Johor itu. Pada fikiran saya, tidak demikian; di-dalam pada itu, jika betul demikian, tentu-lah bukan Maharaja yang tidak beri dia dudok di-atas kerusi, melainkan dia sendiri tiada hendak, kerana dia mengetahui dirinya bangsa kechil, mengambil taraf-nya, kerana bukan dari raja, sa-kadar ia memerintah sahaja dalam Larut itu, di-sebut2 sahaja nama-nya itu ‘Raja Larut’ oleh bangsa lain,

tetapi orang2 Melayu menyebut dia 'Orangkaya Menteri' sahaja, kerana ayah-nya bernama Enche' Long Ja'afar, daripada bangsa2 enche'2, dan Larut itu pun perintah Perak.*

Muhammad Ibrahim yang pernah berkhidmat dengan pemerintahan Inggeris di-Singapura dapat mendampingi orang besar2 Inggeris. Sa-lain daripada pegawai2 yang sudah terkenal, ia juga dapat melihat dari dekat pegawai2 Inggeris yang baru di-datangkan dari England. Kerana sa-belum bertugas di-negeri Melayu pegawai2 itu terlebih dahulu terpaksa belajar bahasa Melayu kepada Muhammad Ibrahim. Tetapi pekerjaan dan suasana bagitu, lama2 menjemukan juga yang mana akhir-nya beliau meletak jawatan lalu bernaung di-bawah pemerintahan kerajaan Melayu Johor.

Perhatian Muhammad Ibrahim terhadap kerajaan Melayu bukan-lah timbul dengan serta merta sahaja. Sama-masa bekerja dengan pemerintahan Inggeris beliau telah memerhati suasana kerajaan Melayu dan dalam lawatan2-nya ka-negeri2 Melayu itu-lah beliau membuat perbandingan.

Suatu ketika beliau tidak setuju dengan satu pemerintahan Raja Melayu yang terbawa2 dengan suasana Inggeris. Kenyataan ini dapat di-ikuti dalam tulisan beliau sa-waktu melawat bandar Kelang pada bulan April 1872 yang ketika itu di-tadbir oleh Tengku Dziauddin (Kudin) sa-orang putera diraja Kedah yang menjadi menantu Sultan Abdul Samad Selangor:

'Ada pun adat2 yang di-perentahkan oleh Tengku Dziauddin dan nama2 jalan di-dalam itu mengikut Inggeris belaka, tetapi berlebihan kurang sahaja. Maka nama2 jalan itu di-buboh-nya saperti: King Street, Beach Street, Market Street, Wharf Street, China Street, Chulia Street, Hospital Street, Mosque Street; ia-itu erti-nya dalam bahasa Melayu: Jalan Raja, Jalan Tepi Laut, Jalan Pasar, Jalan Pengkalan, Jalan China, Jalan Chulia, Jalan Rumah Sakit, Jalan Masjid, maka aku bertanya pula dan berkata: Sayang sa-kali apa sebab Kelang ini negeri Melayu di-namakan jalan2 dan

* Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 59-60.

pekerjaan2-nya semua-nya mengikut nama Inggeris, jika di-buboh nama chara Melayu alang-kah bagus-nya. . . .

‘Maka fikiran-ku menyatakan dari sebab mereka itu biasa dalam Pulau Pinang itu-lah di-ikut-nya demikian dengan tiada berfikir lagi atau membedzakan antara perentah Inggeris dengan perentah Melayu, jikalau tidak mengikut isti’adat perentah Inggeris yang patut dan menjadi tauladan yang sempurna itu sa-kali pun patut juga kita ubah2 sedikit daripada nama-nya baharu-lah bersetuju dengan bahasa Melayu supaya jangan changgong bunyi-nya.’¹

Persetujuan Muhammad Ibrahim kepada masharakat Melayu ada batas-nya. Beliau menyokong sa-suatu perbuatan yang baik; perbuatan2 yang dapat memperlihatkan keperibadian masharakat Melayu yang memegang dasar agama Islam. Tetapi kalau ada daripada mereka yang telah tergelinchir dari dasar yang baik Muhammad Ibrahim pun tidak dapat berdiam diri, darah bapa-nya yang suka mengkeritik itu segera timbul:

‘. . . . pada keramat itu pun terlalu ramai dan bersesak orang2 melihat orang maulud chara Keling di-situ. Maka kami pun masok-lah sa-kejap melihat dalam tempat keramat itu, dan di-beri oleh orang2 di-situ bunga melor sa-orang sa-chochok, membuat berkat konon. Maka apabila aku melihat hal ini, berbuku-lah kesusahan dalam hati-ku memikirkan dan hendak tahu bagaimana-kah sebab dan apa mula-nya jadi demikian itu, hingga tiada bersabar lagi oleh-ku, lalu aku bertanya dan memereksa-lah, serta mendapat kesah keramat itu saperti yang aku sebutkan di-bawah ini — itu pun dengan beberapa susah dan takut serta hormat orang yang berchakap itu.’²

Demikian juga dengan perasaan bapa-nya yang suka membangga diri ada juga pada anak-nya, tetapi sedikit sa-banyak-nya Muhammad Ibrahim telah dapat membenamkan rasa bangga itu jauh2 di-hati-nya sahaja:

1. Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 45.
2. idem hal. 60.

'Maka sa-jurus kami berjalan itu, makin-lah bertambah ramai sahabat2-nya datang berjalan bersama2 kami dengan berkelakar2 dan chakap berjenis2 suka tertawa masing2 itu. Maka aku pun berkenal2-lah dengan sa-tengah daripada mereka itu, tetapi pada ketika itu, hal-ku berdua dengan Enche' Sulaiman, sa-umpama harimau menyembunyikan kuku-nya sahaja, kerana negeri orang mengikutkan rasa masing2 itu.'¹

Dalam tahun 1878 Muhammad Ibrahim telah mengeluarkan buku *Petunjuk Bahasa Melayu* yang di-beri nama "Pemimpin Johor". Buku ini mengandungi 23 bab pendek mengenai bunyi bahasa dan tatabahasa Melayu. Buku ini di-anggap mustahak bukan sahaja dari segi isi-nya, tetapi juga dari segi pertama kali-nya kajian tatabahasa Melayu itu.

Walau pun dalam karangan itu tatabahasa Melayu susunan Muhammad Ibrahim berbau Inggeris, tetapi beliau-lah yang mula memakai tanda bacha seperti tanda berhenti. Hal ini dapat di-ketahui dalam kata pendahuluan buku-nya itu:

*.ada pun isi kitab ini menyatakan bahasa dan panchaindera pertutoran serta atoran huruf2 dan bunyi-nya serta guna-nya dan perkataan dan perenggan kata di-dalam surat2 Melayu serta sharat2 dan huruf2 saksi dan ganti-nya dan petua mengeja dan hubungan huruf2 serta pangkat2 bunyi-nya dan tabi'at-nya serta beberapa jenis tanda2 yang patut di-pakai, kerana belum ada, serta nama2-nya dan kuasa-nya dan guna-nya dan bahasa-nya dan tempat-nya serta sebab2-nya dan sa-bagai-nya dengan sempurna-nya.'²

Sa-bagai sa-orang ahli bahasa tentu merasa tidak senang terhadap penchabulan yang di-lakukan oleh mereka yang tidak bertanggung jawab. Muhammad Ibrahim berhak dan perlu menegor sa-orang bekas murid-nya yang merobah2 penyebutan bahasa Melayu dari yang pernah di-ajarkan-nya itu. Keritik yang di-lakukan oleh Muhammad Ibrahim ini bukan berma'ana di-hadapkan kepada masyarakat di-Pulau

1. *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, hal. 60.
2. Dari Pengenalan "Pemimpin Johor".

Pinang yang memakai bahasa daerah. Chuba-lah perhatikan dengan teliti maksud keritik beliau ini:

‘Ada kira2 pukul sa-puluh datang-lah Tuan Skinner dengan sekochi-nya dari Seberang Perai ka-“Pluto”, sebab hendak berjumpa Tuan Irving dan berchakap2 dengan Kaptan. Pada ketika itu aku di-dalam keben, lalu di-sebut-lah oleh Kaptan nama-ku ada datang bersama2 itu. Suka ia kerana pada ketika mula2 ia datang dari Eropah dudok dalam Singapura, ada belajar surat dan bahasa Melayu daripada aku. Nama-nya Tuan Alan Skinner dan datang-nya ka-Singapura sa-mata2 dalam pekerjaan belajar bahasa dan surat Melayu atau lain2.....

.....sayang-lah rasa hati-ku mendengar bunyi perkataan-nya itu telah rosak mengikut sebutan dan bunyi perchakapan orang2 Pulau Pinang, yang kebanyakan memakai huruf ‘ain yang tebal bunyi-nya, hingga rosak huruf ‘ra’ seperti isti‘adat sebutan Melayu betul, dan memanjangkan beberapa bunyi yang pendek2 dan halus jadi-lah sebutan-nya kasar dengan lanjut dan changgong pada telinga Me‘ayu yang betul, serta pula menggunakan perkataan ‘Hang’, dan segala huruf ‘lam’ dan ‘ya’, dan beberapa huruf yang hilang lalu, seperti kata Me‘ayu “bahasa keluaran” itu-lah, aku bandingkan sedikit2 seperti di-bawah ini, dan memakai perkataan “Jum seghonok” dan sa-bagai-nya. (Sebutan Melayu: “Ayer, kapal, pergi, dia orang, itu, tiada, beri, enche’, mari.” Sebutan Pu‘au Pinang: “Aye’, kapai, pi, depa, tu, ta’, bagi, che’, maghi.”)**

Dalam menghadapi hal bahasa ini Muhammad Ibrahim pun bersikap tegas dan keras seperti bapa-nya. Beliau tidak mahu terlibat dengan kesalahan yang di-lakukan oleh orang lain dan sanggup bertengkar untuk mempertahankan pendirian-nya. Oleh kerana ia pernah mengajar Alan Skinner dan di-dapati bekas murid-nya itu telah merobah apa yang pernah di-ajar lalu di-tegor-nya:

‘.....apabila aku mendengar lidah-nya telah mengikut lidah Pulau Pinang yang demikian itu, tiada-lah tersabar

* Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 45.

aku, hingga berkata kepada-nya sambil tersenyum. "Tuan berchakap bagus sekarang mengikut bahasa Pulau Pinang. Mana betul, bahasa Melayu dengan bahasa yang tuan pakai ini?" Maka apabila ia mendengar demikian, tersenyum-lah pula ia, jawab-nya: "Saya fikir ini bahasa Pulau Pinang banyak betul dan bagus daripada bahasa Melayu dalam Johor atau lain2." Aku pun menengkarkan-lah kepada-nya beberapa perkara, tiada jua ia hendak mengalahkan bahasa itu, hingga termasuk-lah dalam hati-ku mengatakan benar-lah ia menangkan bahasa itu, kerana terlebih senang lidah-nya mengikut telor itu daripada mengikut bahasa Melayu betul."

Karya beliau yang di-beri nama "Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi" ini ada-lah merupakan hasil2 pengalaman-nya sa-waktu belayar dan melawat ka-negeri2 Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Seberang Perai dalam tahun 1871 sampai 1872.

Sa-bagaimana ayah-nya, beliau juga menulis segala yang di-lihat dan di-alami-nya. Sa-masa melawat negeri2 tersebut ia-itu pada zaman permulaan orang2 Inggeris masok champor tangan dalam urusan pemerentahan kerajaan2 Melayu Perak dan Selangor.

Oleh sebab itu sedikit sa-banyak-nya dapat di-selami hal2 yang berlaku di-sekitar Tanah Melayu pada abad yang kesembilan belas dahulu. Antara-nya Muhammad Ibrahim mencheritakan hal2 pergaduhan rebutan kuasa oleh keluarga diraja yang berlaku di-Selangor dan Perak. Asal usul sa-buah tempat dan perkara2 yang terchatet di-dalam *Persetiaan Pangkor*, keturunan sultan yang memerintah Perak dan pangkat2 yang terpakai di-kalangan orang besar Perak dan ketatanegaraan Perak. Berkenaan Perak itu di-tuliskan-nya hingga memakan sa-banyak empat belas fasal.

Muhammad Ibrahim pasti-lah membacha dan mempe-lajari karangan bapa-nya. Tidak dapat di-nafikan kalau di-katakan beliau juga belajar dan mendalami bahasa Melayu

* Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 58.

dari bapa-nya sendiri. Kerana dalam zaman itu siapa lagi yang paling pakar dalam bahasa Melayu, sa-lain daripada Abdullah — bapa-nya itu. Jadi tidak hairan-lah kalau keseluruhan gaya bahasa Muhammad Ibrahim hampir ta' berbedza dengan gaya bahasa karangan bapa-nya itu. Sifat2 yang terdapat dalam karangan Abdullah ada dalam karangan Muhammad Ibrahim. Kalau Abdullah chenderong kapada menasihah sa-chara terus terang, ada perasaan ingin tahu; semua-nya terdapat pada Muhammad Ibrahim. Bagi mendapat penjelasan yang lebeh nyata di-bawah ini sadikit petekan karangan beliau yang menunjukkan linggang bahasa-nya:

'Maka kami pun naik pula kereta lalu pergi ka-bukit ayer terjun. Maka hampir dengan bukit itu pula terjumpa orang2 Hindu, laki2 perempuan, besar kechil, semua-nya berhimpun pada satu rumah berhala-nya, sembahyang dan mandi2, sebab hari besar-nya. Maka apabila sampai kami ka-bukit itu melihat2 dan singgah pada sa-buah rumah hotel tempat orang2 mandi pada kaki bukit itu, rata-lah kami melihat2 dalam-nya sampai ka-kolam2 ayer-nya. Ada-lah tiga pangkat tempat mandi-nya itu; barang siapa yang mandi di-situ membayar mengikut atoran-nya, nombor satu, nombor dua dan nombor tiga. Jikalau hendak minum kopi atau minuman2 yang lain atau bermain bola atau makan nasi, ada-lah belaka, tetapi membayar dengan kadar-nya, dan ada-lah beberapa bilek tempat orang2 bersalin pakai dan bersikat serta chukup dengan chermin dan sa-bagai-nya. Maka ayer itu turun dari bukit mengalir dengan jerneh dan deras-nya yang tiada pernah kurang dengan sejok-nya diantara batu bukit itu yang besar2, dan kolam2 itu pun diikat daripada batu jua. Ada pun bukit ayer terjun itu banyak berbatu dan tinggi-nya kira2 tiga ribu kaki. Maka di-atas itu-lah tiang bendera dan banyak-lah kebun2 orang dan pokok2 yang berguna pada keliling bukit itu sampai ka-punchak-nya. Maka di-atas punchak-nya itu ada-lah satu rumah atau bangelo Governmen dengan chukup segala jenis perkakas rumah, saperti kerusi meja dan tempat2 tidor dan sa-bagai-nya. Khabar-nya terlalu sejok di-atas itu,

hingga pada siang hari, berpeloh dan basah segala perkakas oleh hawa sejok itu. Maka bendera atau tiang bendera yang di-atas bukit itu, tiada-lah boleh nampak dari laut dari bandar Pulau Pinang itu, dari pagi hingga tengah hari baharu-lah nampak, sebab di-saput awan, itu pun jikalau ada panas atau chuacha baik. Jikalau tiada baik chuacha atau hujan, hingga petang tiada boleh kelihatan, dari sebab itu, tiada-lah berapa guna-nya tiang bendera itu, melainkan ada satu tiang bendera yang lain daripada itu, terdiri di-tepi laut, hampir dengan jeti, itu-lah tempat orang2 negeri melihat dan menjadi tanda kapal2 yang masuk keluar dan sa-bagai-nya. Dan lagi, pada bukit bendera itu ada-lah jalan besar di-buat oleh government sampai kapunchak-nya dan berkeliling, tetapi tiada boleh naik dengan berkereta sebab churam-nya, melainkan berkuda atau bertandu atau berjalan kaki sahaja. Maka di-sabelah hotel tempat mandi itu-lah ada satu tempat ayer turun dari bukit dengan kuat bunyi-nya terjun, ayer-nya terlalu tinggi maka itu-lah yang tiada pernah berhenti, yang di-sebut orang ayer terjun.**

Bagitu pun kalau di-telek dari segi bahasa Kesusasteraan Muhammad Ibrahim ada kurang-nya dengan Abdullah. Dalam tulisan2-nya beliau kurang mengambil berat untok bercherita dengan chara yang lebeh baik. Perhatian-nya lebeh dekat pada pandangan yang hendak di-cheritakan dengan sa-berapa terang yang boleh. Kadang2 beliau tidak memerlukan ayat2 lagi. Di-tulis-nya perkataan2 yang dapat menerangkan apa2 yang di-kehendaki-nya. Umpama-nya dalam mencheritakan betapa rajin orang2 Melayu Melaka dalam zaman-nya:

*Pekerjaan lelaki-nya: menebang, mengerat, memintal, memikul, memanjat, mengembala kerbau dan lembu, mengangkat yang berat2, menchangkul, menggali, menebas, membajak, menyikat, menukang, menambat, menimbus, membanting padi, menjual, membeli, mendera, bertanam2an,

* Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 56-57.

berbicara, berikhtiar, mengambil upah, memasak gula dan sa-bagai-nya.

Pekerjaan perempuan-nya: Menabor² beneh, menyemai, mengubah, menganyam, menumbok, menendang, menuai, menyapu, membela anak², memasak, menjahit, menekat, memungut, memetek, menampi, mengayak, mengelek, menjunjong, memotong, mengikat, merawat dan sa-bagai-nya.*

Sa-bagaimana pengarang² sa-belum-nya menghiasi karangan² mereka dengan bentok puisi, bagitu juga dengan penulis ini. Walau pun beliau tidak banyak menulis puisi di-dalam karangan-nya, tetapi sa-bagai bukti bahawa lapangan karang mengarang-nya itu tidak terbatas kepada prosa sahaja di-sertakan-lah beberapa rangkap pantun yang di-fikir-nya sesuai. Dan kalau pengarang sa-belum-nya menuliskan puisi itu untok tempat menyatakan rasa hati, bagitu-lah juga dengan puisi Muhammad Ibrahim ini. Sa-waktu beliau sampai ka-Pulau Pinang dan merasa terlalu gembira lalu di-tuliskan perasaan kegembiraan-nya dengan bahasa puisi ka-dalam buku pelayaran-nya:

Kubu Selangor di-atas bukit
Pasir Penambang sa-belah kiri
Tuan Penghibor hati yang sakit
Kaseh di-timbang badan sendiri.

Pulau Sembilan jauh di-pandang
Masok melalui selat Ponggor
Harap kaseh pauh yang rendang
Mabok dan pilu lali terpakor.

Terang bulan di-Pulau Dinding
Jerjak bertentang si-Pulau Kera
Malang-ku tuan tidak berbanding
Tuan di-pandang mengelipor lara.

* Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 17-18.

Walau pun keseluruhan karangan Muhammad Ibrahim itu merupakan chatetan kejadian yang di-lihat dan di-alaminya, tetapi perasaan hendak berkhotbah seperti bapa-nya selalu timbul. Chuma bedza-nya beliau menyuarakan sesuatu pendapat tidak sa-lantang bapa-nya atau guru2 agama yang menegah dan menakut2kan. Nasihat Muhammad Ibrahim lebeh halus, penyuaran pendapat2-nya itu seperti yang di-kemukakan oleh sa-saorang ulama' atau ahli falsafah. Pada mencheritakan kema'amoran daerah Batang Padang dengan hasil galian bijeh timah beliau menulis:

'...maka hal Batang Padang masa itu sa-umpama sa-pohon pokok kayu yang rendang tengah berbuah lebat dengan buah-nya manis dan rempak pula dahan-nya, hijau daun-nya. Maka datang-lah segala jenis unggas2 yang liar dan jinak, semua menumpang menchari makan dan ber-naung bertenggek berhentikan lelah, aman-lah ia di-situ. Tetapi hendak-lah Raja Wali yang menunggu pohon itu baik dan pandai mengambil hati menimbang hal segala burung2 yang kecil itu dengan adil dan sempurna, neschaya mashhor-lah pula khabar yang baik itu terdengar kapada ayam dan burung2 hutan. Semua-nya pun datang-lah pula kasitu bertambah2-lah ramai kelak, maka berbahagia-lah atas-nya, tetapi kalau ada kera menggarang neschaya di-buru-nya kelak segala unggas2 yang telah jinak habis terbang dan yang liar pun makin-lah jauh.*'

Tetapi hal ini di-ragukan ketulinan pendapat-nya. Falsafah yang bagini menampakkan beliau terpengaruh dengan Hamzah Fansuri, pujangga Aceh pada abad ketujuh belas. Lebeh nyata lagi bila Muhammad Ibrahim mengemukakan pendapat tentang kehidupan manusia seperti di-bawah ini:

'Maka aku mithaikan hal kita hidup di-dalam dunia ini sa-umpama sa-buah perahu atau kapal di-tengah laut ombak-nya deras karangan tajam, dan tiada berjumpa dengan ribut angin, jikalau malim-nya kurang faham dan layar dan tali

* Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 7.

temali serta perkakas-nya tiada kukoh, neschaya binasa atau karam jua akhir-nya.*

Pendapat di-atas tidak jauh lari-nya daripada sa-buah huraian tentang beberapa rangkap shaer² Hamzah Fansuri yang berbunyi:

Wahai muda kenal diri-mu
 ia-lah perahu tamsil tuboh-mu
 tiada berapa lama hidup-mu
 ka-akhirat jua kekal diam-mu.

 lengkapkan pendarat dan tali sauh
 deras-mu banyak bertemu musoh
 lautan besar ombak-nya gemuroh
 la ilaha illallah tali yang tegoh

Sa-sungguh-nya sa-saorang yang telah mempelopori sa-suatu perkara tidak shak lagi dia sa-bagai tokoh yang mesti di-ingati. Walau pun karya-nya itu ada sadikit sa-banyak chachat chela-nya, tetapi beliau telah mempelopori pembaharuan² dalam pemakaian bahasa dan juga dalam menyediakan serta menerbitkan buku² bacaan di-sekolah². Lebih² lagi kesedaran beliau tentang kesanggupan bahasa Melayu menjadi bahasa yang terutama hingga beliau sanggup mengkeritik pehak yang berkuasa yang mengabaikan bahasa Melayu itu sudah sa-wajarnya-lah Muhammad Ibrahim di-peringati sa-bagai sa-orang tokoh di-dalam perkembangan ke-susasteraan Melayu.

* Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi, hal. 61.

SYED SHAIKH AL-HADI

Nama: Syed Shaikh bin Ahmad al-Hadi.

Lahir: di-Kampong Hulu, Melaka.

Tahun: 1867 — 1934.

Syed Shaikh bin Ahmad di-lahirkan dalam Kampong Hulu, Melaka pada tahun 1867 dari keturunan Arab-Melayu. Keluarga beliau sangat di-hormati oleh kalangan raja2 Riau dalam soal agama.

Mula2 beliau belajar di-Sekolah Melayu Straits Settlements dan mendapat didekan agama. Kemudian belajar di-Kuala Terengganu. Lepas itu pergi pula ka-Riau. Di-sini beliau mendalami bahasa Melayu-nya dengan sa-orang pengarang yang terkenal dan juga guru agama Raja Ali Haji.

Kerana hendak mempertinggi pengetahuan-nya tentang agama Islam dan bahasa Arab, beliau telah belayar ka-Timor Tengah. Sa-masa di-Kahirah, Mesir beliau berguru dengan Shaikh Muhammad Abduh (1849-1905 Maschi) sa-orang penganjur aliran baru dalam dunia Islam.

Sa-telah kembali ka-Semenanjung Tanah Melayu, pada tahun 1895 beliau menjadi peguam Mahkamah Shari'ah di-Johor Baharu, kerana masa itu undang2 Islam di-gunakan di-Johor. Apabila kerajaan Johor menukar undang2-nya, beliau pergi ka-Singapura. Bersama2 sa-orang sahabat-nya — Shaikh Tahir Jalaluddin, menerbitkan majallah "al-Iman" pada tahun 1906. Beliau juga menjadi sa-orang ahli pendidik dan menubuhkan sekolah2 agama dengan nama "Madrasah al-Iqbal". Kemudian beliau kembali ka-Melaka dan dalam tahun 1915-17, mendirikan sekolah agama dengan nama Madrasah al-Hadi. Lepas itu beliau pergi ka-Pulau Pinang dan mendirikan Madrasah al-Mashhor, di-mana beliau sendiri menjadi guru besar madrasah itu.

Di-Pulau Pinang itu-lah bintang beliau terus bersinar. Alam perniagaan yang di-masuki itu membawa hidup-nya lebeh senang. Kemujoran ini di-sebabkan kurang-nya sambutan umum terhadap buku sejarah perkembangan agama yang mula2 di-karang-nya. Buku itu yang di-karang pada tahun 1922 di-beri nama *al-Tarikh al-Islami*.

Pada tahun 1925 beliau telah mengubah chorak karangan-nya kepada cherita masharakat yang di-sador-nya dari cherita Arab. Buku cherita-nya yang pertama bernama *Hikayat Faridah Hanum* itu telah mendapat sambutan besar hingga pada tahun berikut-nya beliau menerbitkan majallah "al-Ikhwan" dan pada tahun 1927 dapat mengadakan perchetakan sendiri yang di-beri nama "Jelutong Press".

Dalam tahun 1928 beliau mengeluarkan akhbar bernama "Saudara" terbit tiga minggu sa-kali, di-mana dapat memberi kesempatan Abdul Rahim Kajai bekerja dengan-nya dan mengasah bakat karang mengarang Abdul Rahim Kajai.

Semenjak mempunyai perchetakan sendiri itu Syed Shaikh al-Hadi sa-makin giat mengarang cherita2 roman di-samping menjaga penerbitan akhbar-nya. Nobel2-nya yang lain saperti "Taman Chinta Berahi" atau "Mahir Affandi dengan Iqbal Hanum" terbit tahun (1928). *Hikayat Anak Dara Ghassan* (1928-29), *Hikayat Chermin Kehidupan* (1929), *Hikayat Puteri Nural-'Ain* (1929). "Hikayat Pembelaan Dalam Rahsia" atau "Kasih Saudara Kapada Saudara-nya" (1929-30) dan *Cherita Dhul-Ruhain* (1930-31).

Sa-bagai sa-orang yang hendak mengembangkan agama Islam tidak puas dengan faham-nya yang telah dapat di-salorkan melalui nobel2-nya itu, beliau pernah juga menulis buku yang khusus mengenai agama ia-itu *Tafsir Al-Fatihah* (1928).

Karya-nya yang terpenting

- 1922: *Al-Tarikh al-Islami* (sejarah perkembangan Islam).
- 1926: *Hikayat Setia Ashek kapada Ma'ashok-nya* (*Hikayat Faridah Hanum*).
- 1927: *Tafsir Juz Amma*.

- 1928: Taman Chinta Berahi (roman).
 1928: Tafsir Al-Fatihah.
 1929: Hikayat Puteri Nural-'Ain (roman).
 1929: Hikayat Chermin Kehidupan (roman).
 1929: Hikayat Anak Dara Ghassan (roman).
 1931: Kitab Agama Islam dan Akal.

Satu lagi peringkat perkembangan kesusasteraan Melayu baharu, berlaku pada awal abad kesembilan belas. Syed Shaikh al-Hadi yang menghasilkan sa-buah buku bernama *Hikayat Faridah Hanum* pada tahun 1926 itu membawa suatu bentuk baru dengan persoalan yang revolusioner sa-kali. Masharakat Melayu pada zaman-nya yang maseh terikat dengan alam fikiran feodal dan adat2 lama yang kolot itu telah di-kenalkan pada suatu alam pemikiran yang moden dan bebas. Walau pun buku-nya itu memakai nama *hikayat* tetapi bentuk dan aliran cherita-nya berbedza sa-kali daripada Hikayat Seri Rama, Hikayat Muhammad Hanafiah, Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Abdullah dan lain2 hikayat sa-belum-nya.

Bidang kesusasteraan Melayu sa-belum itu berdasarkan cherita2 dongeng, kesah2 istana, kesah kelahiran anak2 raja dengan pedang dan panah sakti dan berbagai keajaipan lagi. Kesusasteraan telah membawa masharakat Melayu berada di-alam khayal yang jauh dari kehidupan di-bumi nyata sa-hari2.

Sa-bulek-nya *Hikayat Faridah Hanum* telah menarek balek pandangan masharakat Melayu yang berada di-alam khayal dengan keperchayaan yang karut2 itu ka-alam nyata serta menggunakan keperchayaan dari daya pemikiran yang bebas. Kesah ini tidak menggambarkan alam dewa2 atau raja2 tetapi kesah hidup manusia biasa di-bumi nyata dengan segala persoalan-nya.

Pengarang-nya telah membentangkan persoalan baharu yang sa-belum-nya chuma menjadi suatu keperchayaan yang tidak pernah di-pertimbangkan. Petekan2 di-bawah ini menunjokkan keberanian pengarang-nya membentangkan per-

soalan baru itu dengan memberi alasan2 berdasarkan agama Islam yang berpandangan luas serta beliau mengutok penyibar2 agama yang berfahaman sempit:

'Jawab Shafik Affandi dengan terlalu amat suka hati-nya mendengar perasaan dan pengetahuan kekaseh-nya itu, "Bagaimana-kah faham nyawa abang kehendak Tuhan mengatakan kelebihan laki2 daripada perempuan di-dalam Qur'an-nya itu?" Kata Faridah Hanum: "Pada faham beta, ada-lah kelebihan yang di-kehendaki oleh Tuhan itu, ia-lah umpama kelebihan kepala sa-saorang itu daripada perut-nya atau daripada kaki tangan-nya. Ia-itu, sungguh pun di-dalam anggota kita ini, kepala di-lebeuhkan daripada segala anggota yang lain, tetapi kepala itu tidak-lah terkaya sa-kali2 daripada perut, erti-nya, kepala itu tidak boleh hidup dengan tiada perut, demikian-lah kelebihan yang di-kehendaki oleh Tuhan di-antara laki2 dengan perempuan itu, sebab laki2 itu tiada boleh hidup dengan tidak ada perempuan. Di-dalam Qur'an telah terang firman Tuhan di-lebehkannya laki2 daripada perempuan satu darjah. Ia-itu "Wa Lirrijali 'alaihinna darajah" erti-nya "Dan bagi laki2 itu atas sakalian mereka itu, ya'ani perempuan2, satu darjah". Maka kelebihan itu sangat-lah 'adil-nya sebab-nya perempuan2 itu, apabila bernikah-lah ia-nya dengan sa-orang laki2, tertanggung-lah di-atas laki2 itu segala nafkah belanja kehidupannya dan kesenangan-nya. Maka tidak-lah ada bagi perempuan itu suatu kesusahan bagi nafkah kehidupan dan kesenangan-nya, hanya-lah sa-mata2 ia-nya wajib berfikirkan kesenangan bagi suami-nya dan berusaha menchari apa2 kesukaan-nya, supaya menambahi luas hati dan fikiran suami-nya bagi menjalankan usaha-nya pada menambahi2 fa'edah kehidupannya. Maka oleh sebab pencharian kehidupan ini suatu perkara yang berkehendak kapada fikiran dan timbangan yang sempurna, jadi telah di-wajibkan oleh Tuhan di-atas perempuan ta'at akan perintah suami-nya yang tidak menyalahi hukum agama-nya, supaya hilang sa-kali segala kebimbangan suami-nya itu lain daripada hal ahwal pencharian kehidupannya. Maka ta'at perempuan akan suami-nya ia-lah yang telah melebeuhkan laki2 itu satu darjah —

yang menjadikan sombong punga sakalian laki2 yang buta perut, buta 'akal, sa-hingga di-sangkakan-nya kelebihannya itu telah jadi macham tuan penghulu, memileki isteri-nya macham orang2 memileki hamba sahaya yang boleh di-jual beli-nya, pada hal ada-lah Tuhan itu sangat 'adil-nya, tatkala telah di-kurangkan-nya perempuan2 itu satu darjah daripada laki2, maka telah di-lepaskan-nya daripada perempuan itu beberapa perkara yang di-wajibkan-nya di-atas laki2 sahaja, tiada di-wajibkan-nya di-atas perempuan yang senang2 sangat di-ketahui oleh sakalian ahli2 pelajaran akan jenis2 perkara itu. Bermula kita sakalian perempuan redza dan dengan suka-nya menerima hukuman Tuhan mengurangkan pangkat kita satu darjah daripada sakalian laki2 itu, dengan sebab kita sakalian mengetahui, dengan sa-benar2 pengetahuan, akan kebesaran dan keberatan pukulan sakalian laki2 itu di-dalam medan peperangan kehidupan dunia ini, bagi memelihara kehormatan kaum dan bangsa dan tanah ayer-nya. Tetapi tidak-lah kita sakalian perempuan redza akan hukuman sakalian laki2 di-atas kita sakalian perempuan, bahawa kita sakalian ini tidak berguna sama sa-kali di-dalam kehidupan perhimpunan kaum dan bangsa dan watan, lain daripada kegunaan kuda tunggang atau tukang masak-nya dan tukang basoh kain baju-nya, kerana kita sakalian perempuan mengetahui yang kita ini manusia sama juga bagaimana laki2 itu, dan di-beri oleh Tuhan kita 'akal yang bo'eh kita mendapat apa2 pengetahuan yang boleh di-dapati oleh sakalian laki2 itu, tidak-lah sa-kali2 tertegah kita daripada mendapat tiap2 suatu pengetahuan itu dengan sebab kekurangan daripada kita satu daripada sifat laki2 itu. Maka siapa-kah daripada orang yang bersifat dengan sifat manusia yang berpengetahuan yang insaf berani mengatakan, jika perempuan2 itu berpengetahuan, tidak memberi guna bagi kaum dan bangsa dan watan-nya? Al ahumma, melainkan pa'2 lebai yang serban besar yang mengajikan kitab2 yang di-karang oleh guru-nya atau dato' nenek-nya, yang mengandongi segala karut2 daripada yang maha suchi kitab Allah dan perkataan rasul-Nya daripada pechah-belah yang terkandung di-dalam-nya itu. Maka bagaimana-kah

kehendak hukum Tuhan itu memberi kita 'akal yang boleh mendapat pengetahuan2 tiba2 laki2 menegah akan kita daripada belajar-nya?''

Timbul-nya perasaan berontak pada diri Syed Shaikh al-Hadi ini di-sebabkan suasana masharakat Melayu zaman-nya. Chara berfikir orang2 Melayu pada waktu itu menjadi status kerana terkongkong oleh adat yang kolot serta dogma agama. Pengajar2 agama terdiri dari lebai2 pondok sahaja, pada hal mereka belum chukup matang tentang selok belok agama Islam. Oleh itu mereka tidak takut2 menggunakan kesuchian Islam untok kepentingan diri sendiri sahaja. Tidak hairanlah akhir-nya kebanyakan daripada mereka itu menchamporkan ajaran agama dengan adat2 yang lapok untok menjaga kepentingan kedudukan mereka sa-bagai pengembang agama. Gulongan mereka ini tidak pernah memberi kesempatan gulongan terpelajar untok berdebat bagi menchari kebenaran. Apabila gulongan mereka itu telah chukup kuat pengarah-nya, hinggakan mereka dapat mengabui pandangan orang ramai dengan mengatakan bahawa kebudayaan Arab itu semua-nya kebudayaan Islam yang mesti di-ikut oleh orang2 Melayu tanpa waswas lagi. Oleh itu-lah Syed Shaikh al-Hadi sa-daya upaya mengembalikan kebenaran dan membuang kesalahan dengan memilih lapangan karang menarang ini bagi menyalorkan pandangan yang luas terhadap agama Islam.

Sa-lain daripada buku-nya yang khusus membicharakan tentang Islam dari segi Tarikh dan Tafsir, semua nobel2-nya telah di-jadikan tempat beliau memberi penerangan kapada masharakat Melayu tentang salah-nya pandangan yang telah di-terima dari lebai2 pondok itu.

Cherita "Faridah Hanum" itu mengesahkan tentang pergaulan bebas Faridah Hanum dengan pemuda Shafik Affandi. Sa-lama mereka bergaul dan berchinta itu tidak-lah di-perlihatkan ketelanjoran watak2 itu untok menchemarkan nama baik agama, bangsa dan masharakat-nya. Hal ini ada-lah di-sengajakan oleh pengarang-nya untok menunjokkan kapada

* Hikayat Faridah Hanum: Jilid II hal. 156-157.

masyarakat, bahawa pergaulan itu bukan sa-mata2 menda-tangkan keburokan. Tetapi pergaulan itu boleh di-lakukan oleh anak2 muda lelaki dan perempuan dengan syarat mereka itu telah mempunyai pengetahuan agama. Kalau ibu bapa telah memberikan pelajaran agama yang tidak ikut2an sahaja kepada anak2 muda mereka boleh memberikan kebebasan anak2 mereka itu.

Di-sini-lah pengarang-nya mengambil kesempatan mengalirkan pandangan2 baru-nya tentang taraf wanita di-sisi lelaki, dengan menggunakan pelakun2 itu sa-bagai mimbar tempat beliau berkhotbah. Dalam hal itu juga beliau meng-gambarkan unsur kemodenan serta kesanggupan agama Islam di-dalam menghadapi zaman kemajuan ini.

Dari pergaulan dan perchintaan antara gadis dan teruna itu telah menghasilkan perkahwinan mereka dengan meng-hadapi rumah tangga yang bahagia.

Walau pun Syed Shaikh al-Hadi mengemukakan cherita-nya itu dengan suasana di-negeri Mesir, tetapi persoalan-nya sangat sesuai dengan masyarakat Melayu zaman-nya.

Gaya bahasa beliau agak sederhana, sedikit sa-banyak masih berbau dengan pengaruh Arab. Tetapi sa-bagai bacaan di-dalam zaman-nya ada-lah sudah menchukupi. Untuk meneliti gaya bahasa-nya di-bawah ini ada-lah sedikit petekan bagaimana beliau chuba menggambarkan khayal-annya:

‘Masa itu ia-lah masa yang telah hampir pertengahan malam. Angin pun sedang bertiup sepu2 bahasa, meng-gonchangkan segala perhiasan jendela yang mengadap ka-tengah jalan itu. Maka pada tepi jendela itu-lah ada sa-orang anak perempuan yang sangat muda bersandar di-atas suatu kerusi daripada beledu merah, yang bertangan dengan tilam yang berpakan bersulam dengan benang emas. Rambut-nya, yang bersangatan panjang serta lebat dan hitam-nya itu, terhampar ka-atas bahu-nya, yang terbuka dari-pada pakaian badan-nya yang di-saluti oleh kain sutera puchok pisang yang sangat lembut dan halus, yang men-datangkan kegemaran di-mata tiap2 orang yang meman-

dang akan dia. Muka-nya bujur sireh berpatutan dengan mata hidong-nya. Tinggi-nya pertengahan, bangunan-nya sangat hebat, memberi gemar kaseh sayang sa-siapa memandangnya. Pipi-nya umpama pauh di-layang; hitam kedua biji mata-nya, mengalir madu yang sangat manis daripada-nya bila di-bawa-nya menjeling, oleh di-sambut chahaya kemerahan yang memanchar daripada kedua pipi-nya. Mulut-nya kecil sentiasa tersenyum manis bila di-bawa berkata2, oleh di-sambut chahaya yang bersinar daripada gigi-nya yang sa-umpama mutiara atau pun delima merkah itu.²

'Maha suchi-lah Tuhan yang sangat kudrat kuasa menjadikan sakalian makhluk-Nya yang berbagai2 rupa dan bentuk, telah di-tuang-nya kejadian Faridah Hanum puteri Kasim Beg ini di-dalam achuan sa-elok2 kejadian manusia. Maka dzahir-lah Faridah Hanum ka-dalam dunia ini dengan sa-elok2 kejadian perempuan, sa-umpama yang di-sifatkan oleh shaer:

Sa-olah2 pakaian itu
Awan yang bersembunyi bulan di-situ
Bila tersanah awan di-pintu
Bulan empat belas nampak-lah tentu.

Mata-nya chontoh bidadari shorga
Chahaya-nya memanchar liputi muka
Bila di-tatap di-pandang di-jangka
Bertambah elok bertambah harga.

Sah-lah Faridah kejadian bidadari
Bukan taraf-nya di-dunia negeri
Memabokkan 'abid faked dan kari
Bila terpandang sinar dan seri.'

Kalau di-pandang sa-kali lalu Syed Shaikh al-Hadi menulis nobel itu kerana pekerjaan hari2-nya atau pun untuk menambahkan pencharian-nya, tetapi buku2 beliau ada-lah satu persembahan yang penting ka-alam kesusasteraan Me-

layu. Kerana beliau-lah pengarang nobel yang mula2 sekali mementingkan manusia biasa. Sa-lain daripada itu nobel2 yang telah di-jadikan alat untok menyebarkan pendapat dan pandangan agama ada-lah membuka pandangan masharakat Melayu kapada chara berfikir yang lebeh baik. Pandangan2-nya itu ada-lah memberi perangsang kapada masharakat Melayu pada merintis jalan terhadap pandangan yang lebeh keritis dan luas. Oleh itu jasa2 beliau sa-bagai orang yang mula2 mengenalkan bentuk nobel dengan persoalan besar dan watak2 manusia biasa itu ada-lah amat penting terhadap perkembangan kesusasteraan moden kita hari ini.

AHMAD RASHID TALU

Nama: Ahmad bin Haji Muhammad Rashid.

Lahir: di-Lumut Lane, Pulau Pinang.

Tahun: 1889 meninggal pada 13 Julai 1939.

Ahmad Rashid Talu di-lahirkan di-Lumut Lane, Pulau Pinang pada tahun 1889. Beliau berasal dari keturunan Melayu Minangkabau. Ayah-nya Haji Muhammad Rashid berasal dari Kampong Pinang, Talu, Minangkabau, Sumatera. Ayah beliau ini datang ka-Pulau Pinang kira2 dalam tahun 1880. Kemudian bekerja sa-bagai pembantu pengurus "Jema'ah Haji". Sa-telah mendapat kedudukan yang agak baik itu, Haji Muhammad Rashid berkahwin dengan Siti Banun anak saudara kapada majikan-nya. Dari perkahwinan itu lahir-lah Ahmad Rashid Talu. Nama Talu ini di-ambil dari tempat asal nenek moyang-nya di-Minangkabau.

Sa-masa kecil Ahmad Rashid Talu memang terkenal sa-bagai kanak2 yang nakal. Dalam usia-nya lapan tahun baharu ia di-hantar belajar di-Sekolah Melayu Chowresta, Hutton Lane, Pulau Pinang. Kenakalan-nya tidak mudah luput, di-sekolah ternyata-lah ia bukan sa-orang pelajar yang baik. Hanya sa-takat darjah tiga sahaja, ia telah meninggalkan bangku sekolah.

Ketika umur-nya mencapai 19 tahun, Ahmad Rashid Talu lari dari orang tua-nya. Beliau mengembara ka-Kedah, Selatan Thailand, Kelantan, Singapura. Lepas itu pulang ka-Pulau Pinang.

Ahmad Rashid Talu gemar dalam lapangan bola sepak. Ia terkenal di-kalangan kawan2-nya sa-bagai pemain bola yang baik. Tetapi kemudian-nya ia meninggalkan lapangan itu kerana kaki-nya cedera. Pada tahun 1912, ketika umur-nya mencapai 23 tahun Ahmad di-kahwinkan dengan

sa-pupu-nya yang bernama Maimunah binti Ariffin. Sa-benar-nya sa-masa Ahmad mengembara ka-Kedah, ia telah berkahwin dengan sa-orang janda bernama Raja Hawa binti Raja Busu. Tetapi perkongsian-nya itu tidak kekal kerana mendapat tentangan daripada ayah-nya.

Di-Pulau Pinang Ahmad Rashid Talu bekerja menjadi kerani dan pengelola perniagaan saudagar Muhammad Som. Sa-lepas itu bekerja pula dengan Tuan Syed Ahmad al-Mashhor untok mengelola urusan Jema'ah Haji. Sa-kembali-nya dari pengembaraan dahulu itu, Ahmad Rashid Talu telah tidak nakal lagi, ia menambah pelajaran bahasa Inggeris di-waktu malam sa-lama tiga tahun.

Ahmad Rashid Talu bersahabat karib dengan Syed Shaikh al-Hadi, sa-orang ulama' dan pengarang roman terkenal yang hidup sa-zaman dengan-nya. Mungkin kerana perangsang dari sahabat karib juga guru-nya itu serta memang bakat-nya sendiri, Ahmad Rashid Talu turut mengarang dan menghasilkan nobel2.

Pada tahun 1927 lahir-lah nobel Ahmad Rashid Talu yang pertama bernama "Kawan Benar", kemudian di-turuti pula oleh "Ia-kah Salmah?" (1928-29), "Dua Belas Kali Sengsara" (1929-30), "Siapa Jahat" atau "Dato' Chenchano" (1930-31), "Rahmah binti Abdullah" (ta' di-ketahui tarikh-nya), dan "Perangkap Hitam" (1934-35). Sa-lain daripada itu ada nobel2-nya lagi, tetapi tidak lengkap saperti "Apa Sudah Jadi?" dan "Ukor Baju di-Badan Sendiri".

Sa-lain daripada mengarang nobel Ahmad Rashid Talu juga menulis buku agama saperti "AL-AKHLAK" tetapi tidak sempat di-chetak. Pada 8 Desember 1934 Ahmad Rashid Talu chuba menerbitkan majallah "Kawan Berchakap", majallah itu sanggup hidup tiga keluaran sahaja.

Sa-lama perkahwinan-nya itu, beliau chuma mendapat sa-orang anak perempuan di-namai "Madinah". Ahmad Rashid Talu telah meninggal dunia di-Perak pada 13 Julai 1939, dan di-kebumikan di-Siputeh, Ipoh, Perak.

Karya-nya yang terpenting

- 1927: *Kawan Benar* (roman masharakat).
 1928: *Ia-kah Salmah?* (roman masharakat, tebal-nya 648 muka).
 1929: *Dua Belas Kali Sengsara* (roman, lima penggal, 634 muka).
 1930: *Siapa Jahat atau Dato' Chenchano*.
 —: *Rahmah binti Abdullah*.
 —: *Apa Sudah Jadi* (cherita-nya ta' tammat).
 —: *Perangkap Hitam* (cherita-nya ta' tammat).

Dengan turut serta-nya Ahmad Rashid Talu dalam lapangan karang mengarang telah melahirkan satu perubahan lagi dalam sejarah perkembangan penulisan nobel Melayu. Beliau telah menghasilkan *Kawan Benar* pada tahun 1927. Hanya sa-tahun terkemudian dari tarikh lahir-nya "Hikayat Faridah Hanum" karya Syed Shaikh al-Hadi yang telah terkenal sa-bagai nobel Melayu moden yang pertama.

"Hikayat Faridah Hanum" nobel sadoran dari cherita Arab itu telah menggemparkan masharakat Melayu zaman-nya. Kerana thema "perchintaan antara pemuda dan pemudi" itu merupakan perkara baru dalam persuratan dan memberikan gejala2 yang tidak menyenangkan pada anggapan mereka. Lebeh2 lagi pengarang-nya sa-orang ulama' yang progeresib pula.

Pada hal maseh ada beberapa faktor yang dapat di-jadikan alasan untok masharakat Melayu tidak berperasaan sa-gempar itu. Pertama sa-kali pemuda pemudi yang membawa perwatakan di-dalam cherita itu bukan-lah terdiri dari orang Melayu sendiri. Lebeh2 lagi tempat berlaku-nya kesah itu jauh beribu2 batu dari Tanah Melayu. Cherita itu berlaku di-Kahirah dan Alexandria, dalam masharakat Arab pula.

Hanya dengan kemunchulan *Kawan Benar* karya Ahmad Rashid Talu yang telah memenohkan sharat2 sa-buah nobel Melayu moden yang tulin. Pelakun-nya bukan orang2 luar dan tempat berlaku cherita itu pun bukan di-luar

negeri lagi. Semua-nya di-ambil dari bahan tempatan. Sudah tentu-lah usaha Ahmad Rashid Talu ini merupakan sumbangan yang besar kepada kesempurnaan penulisan nobel Melayu moden sekarang ini.

Nobel "Kawan Benar" yang di-hasilkan pada tahun 1927 itu berasaskan kepada peribahasa "Sesat di-tengah jalan, kembali ka-pangkal jalan," mengesahkan sa-orang suami bernama Abdul Bar telah lupakan kewajipan-nya terhadap isteri-nya yang bernama Ramlah. Ia menghabiskan masa di-luar, bagitu pun akhir-nya ia berbalek sa-mula kepada isteri-nya.

Abdul Bar sa-orang hartawan muda telah jatuh cinta kepada Siti Ramlah anak sa-orang peracik ikan di-Pulau Pinang. Mereka berchinta dan berkahwin. Tiga tahun kemudian mereka beroleh sa-orang anak lelaki. Sa-telah kelahiran anak lelaki itu yang di-beri nama Osman, hartawan muda itu telah berubah sikap. Dia mula mengenal dunia luar rumah tangga, di-mana ramai perempuan2 lachor di-Jongkina Mess.

Siti Ramlah mengetahui gejala2 yang tidak menyenangkan dari perubahan kelakuan suami-nya itu. Bagitu pun ia tidak bertindak, ia bersabar dan ta'at kepada Abdul Bar. Dalam hal itu kawan karib Abdul Bar bernama Ya'akub juga mengetahui perubahan kelakuan sahabat-nya itu. Ya'akub bertindak memberi nasihat dan memberi bukti kechurangan perempuan simpanan Abdul Bar. Dari situ-lah Abdul Bar menyesal dan insaf. Dia pulang ka-dunia rumah tangga kepada isteri-nya.

Mengikut dasar-nya antara dua buah nobel itu, "Kawan Benar" dengan "Faridah Hanum" tidak ada perbedzaan. Kedua2-nya berthemakan perchintaan. Kesah chinta pandang pertama yang berakhir dengan perkahwinan bahagia, walau pun sedikit sa-banyak-nya mengalami rintangan2. Chuma dalam pandangan watak2; terutama watak2 wanita-nya terdapat perbedzaan. "Hikayat Faridah Hanum" memaparkan watak pemuda pemudi yang idealis dalam berchinta. Mereka bergaul dan bertukar2 fikiran dengan

memegang tegoh kesopanan dan agama-nya. Sa-olah2 mereka itu para malaikat yang tidak punya nafsu untok melakukan kesalahan walau sadikit pun dalam menghadapi kemaluan2 hidup manusia hari2.

Tetapi pergaulan pemuda pemudi Melayu dalam "Kawan Benar" masih ketinggalan. Kedua kekaseh hanya dapat berhubung surat sahaja. Mereka tidak di-beri peluang untok berpegang2 tangan atau berdua2an dalam taman bunga atau dalam rumah. Agak-nya ini-lah kekurangan nobel pertama Ahmad Rashid Talu itu, di-mana ternyata kurang mendapat sambutan daripada masharakat sa-zaman-nya.

Bagitu pun Ahmad Rashid Talu mempunyai pandangan yang lain kapada watak wanita-nya. Sadikit sa-banyak pengarang-nya hendak mengemukakan kedudukan taraf wanita. Siti Ramlah watak utama dalam "Kawan Benar" di-gambarkan sa-bagai wanita yang idealis, sa-orang gadis berusaha menjodohkan ayah-nya dengan ibu saudara-nya yang tinggal sa-rumah. Kemudian menyediakan segala peralatan kahwin serta majlis kenduri. Gambaran bagini menunjukkan dengan jelas akan sikap Ahmad Rashid Talu mahukan kebebasan kaum perempuan. Kaum perempuan mempunyai tanggung jawab yang sama dengan kaum lelaki.

Sikap Ahmad Rashid Talu yang mahukan kebebasan kaum wanita tidak dapat di-nafikan lagi bila lahir karya beliau yang kedua bernama *Ia-ka Salmah?* Dalam nobel-nya yang kedua ini di-cheritakan bagaimana Kharton yang di-tinggalkan oleh suami-nya, Husain, sa-orang saudagar, telah mengikut untong nasib bapa-nya yang tinggal dari satu tempat ka-suatu tempat lain sa-hingga mereka sampai ka-Alor Star dan tinggal tetap di-sana.

Kharton telah melahirkan anak yang di-beri nama Salmah. Anak ini di-beri pelajaran Inggeris sa-hingga tamat form empat. Sa-bagai sa-orang gadis yang berpendidikan Inggeris, ia bebas ka-sana ka-mari dan sering ka-Pulau Pinang sa-orang diri sahaja.

Pada diri Salmah pakaian Barat ada-lah sesuai bagi-nya dan tidak changgong barang sadikit pun. Di-waktu ia di-langgar motokar dan pengsan, Bakar telah menolong-nya

sa-hingga ia puleh saperti biasa. Sa-waktu Salmah hendak menaiki becha dan balek ka-rumah nenek-nya di-Bagan Jermal, Malikon dan keluarga-nya telah melihat bakal menantu-nya berbual² dengan sa-orang gadis yang tidak memakai kain tudong kepala dan memakai pakaian Barat pula. Dengan tiada usul pereksa Malikon telah mengusir Bakar dari rumah-nya. Malikon bertindak demikian kerana dia-lah yang memberi wang ringgit kapada Bakar untuk meneruskan pelajaran-nya. Di-samping itu Bakar ada-lah anak saudara-nya sendiri.

Pada waktu ini, ibu Bakar ia-itu sa-orang janda, tidak ada di-rumah kerana menziarahi kaum keluarga di-Perlis. Bakar yang terusir itu pun mengembara ka-Singapura membawa nasib-nya. Apabila Salmah datang ka-rumah Bakar bagi kali kedua-nya dan menerangkan kedudukan yang sa-benar maka baru-lah Malikon berasa menyesal atas tindakan-nya itu. Oleh kerana tindakan-nya yang kurang pereksa itu, Malikon pun mengambil Salmah sa-bagai anak angkat-nya. Apabila ibu Bakar pulang dari Perlis, segala kejadian yang berlaku pada Bakar itu pun di-cheritakan kapada-nya.

Dalam keadaan yang demikian itu-lah bapa Salmah yang mengembara ka-Borneo hendak datang berjumpa anak isteri-nya yang di-tinggalkan sa-lama 15 tahun dengan tiada memberi nafkah. Dengan melalui sa-orang harapan-nya Husain dapat tahu yang mertua dan isteri-nya tinggal di-Alor Star. Beliau mengirim surat kapada mertua-nya dan dengan hal yang demikian dapat-lah Malikon, melalui Salmah, berjumpa dengan Husain di-Pulau Pinang. Husain memberitahu kapada mereka bahawa ada sa-orang pemuda bekerja di-bawah-nya bernama Rakab. Mereka pergi ka-Singapura untuk memujuk Bakar kembali (Rakab sa-benar-nya Bakar) tetapi sayang Bakar telah pergi ka-Kota Baharu kerana berdukachita sa-telah mendengar bahawa tunang-nya Nahriah, telah mati dalam satu kemalangan jalan raya.

Oleh itu sebok-lah mereka menchari-nya di-Singapura. Hanya dengan bantuan Abdul mereka dapat tahu bahawa Bakar berada di-Kelantan. Zaini, bakal adek ipar Bakar,

telah dapat memujok-nya dan mereka sama2 balek ka-Ulu Yam untok membuat persiapan majlis perkahwinan. Akhirnya Bakar berkahwin dengan Nahriah dan Zaini berkahwin dengan Salmah hasil chinta pandang pertama.

Dalam nobel yang tebal-nya 600 muka ini peranan Salmah besar sa-kali dan melalui watak Salmah pengarang-nya telah menyatakan fikiran-nya tentang adat yang lapok, keruntuhan ekonomi Melayu dan di-samping itu beliau menyatakan akan mustahak-nya pelajaran bagi kaum wanita dan kebebasan menurut perubahan zaman.

Ahmad Rashid Talu telah membuat pembaharuan tentang watak dan suasana latar belakang tempatan dalam nobel pertama-nya *Kawan Benar* dan mengemukakan "kebebasan wanita" dalam nobel-nya yang kedua *La-kah Salmah?* Dari nobel2-nya ini terdapat gaya-nya yang tersendiri. Beliau menggunakan kertas, dawat dan kalam dapat berbichara saperti manusia. Gaya ini terdapat juga dalam karya2-nya yang lain.

*. . . "ini apa yang tuan cheritakan kepada kami, hai kalam? Siapa nama-nya orang yang berdua2 bersahut2an chakap sa-orang di-luar dan sa-orang di-dalam rumah itu? Maka sa-belum pintu itu terbuka harap-lah tuan terangi kepada nama-nya supaya senang kami menyemak cherita tuan ini." "Ah, sahabat-ku kertas, sabar-lah dahulu insba Allah saya akan menyatakan nama2 mereka itu dengan berselindong di-balek nama yang baharu di-reka. . . ."

Jawab kalam. "Ah, jika berselindong atai bagaimana sa-kali pun, cheritakan-lah lekas. Jangan-lah tuan menunjokkan permai sajak mulut tuan yang hirut pitut itu kepada kami." Sungut dawat.*

* "Hek, hek, hek," kata kertas. "Mengapa ketawa?" Tanya kalam. "Tidak, pada bilangan yang ketujuh, pendek sangat ia rabong. Pada bilangan yang kedelapan ini, sa-hingga saya hendak mengantok. Agak-nya barangkali, marah tuan kalam atas perkataan saya tadi" kata kertas. "Jadi, apa yang saya buat semua-nya salah pada tuan?"

* *Kawan Benar*: 1927.

Betul, betul jika saya pedulikan juga perkataan tuan ini, akhir-nya saya jadi seperti sa-orang tua dengan anak-nya, hendak ka-pekan menjual keledai-nya, ha, ha, ha", ketawa kalam. "Ha, he, ho", ketawa semua-nya."

Nobel-nya yang ketiga yang berjudul *Dua Belas Kali Sengsara* itu mencheritakan kesengsaraan yang di-alami oleh Yahya, yang di-usir oleh ayah-nya kerana ia menudoh ibu tiri-nya berlaku churang. Sa-telah di-halau Yahya pun mengembara ka-utara Tanah Melayu. Ia bekerja sa-bagai tukang kebun di-sabuah rumah hartawan China. Tetapi kerana isteri hartawan itu hendak bermain asmara dengan-nya, ia pun kena usir dari rumah itu. Waktu bekerja lombong bijeh dekat Tanjong Rambutan, Yahya telah di-goda oleh sa-orang janda muda yang bernama Kamariah. Dan akibat-nya ia telah di-berhentikan dari pekerjaan-nya itu. Dalam pengembaraan sa-terus-nya membawa nasib yang malang itu Yahya sampai ka-Bukit Kurau dan bekerja sa-bagai penoreh getah di-kebun Haji Din. Bedah anak gadis hartawan itu telah jatuh chinta kapada Yahya dan sa-kali lagi dia terpaksa mengangkat bungkus. Ia meneruskan suratan takdir-nya.

Kemudian Yahya telah bekerja sa-bagai kerani kapada sa-orang janda di-Kuala Kangsar, Perak. Tetapi malang-nya dia telah di-pukul oleh anak saudara janda itu, lalu di-bawa ka-hospital. Dari masa ini-lah Yahya sering menerima nasihat dan wang dari sa-orang yang hanya di-kenal dengan huruf "I.K." sahaja pada surat2-nya. Oleh kerana Yahya selalu di-dalam kesempitan hidup, di-terima-nya sahaja nasihat dan wang itu dengan tiada usul pereksa lagi.

Sa-lepas itu Yahya bekerja pula sa-bagai kerani di-kilang beras di-Bagan Serai dan di-sini isteri kerani besar, Nyonya See Hoo chinta kapada-nya dan akibat dari peristiwa itu ia telah di-berhentikan dari jawatan-nya. Boleh di-katakan ka-mana sahaja Yahya pergi ia telah meninggalkan gadis atau wanita yang chinta kapada-nya. Sedangkan Yahya sendiri tidak pula chintakan gadis atau wanita itu. Dan sa-tiap chinta gadis atau wanita itu akan membawa kesengsaraan

* Ia-kah Salmah? 1928.

kapada Yahya. Nyonya See Hoo telah bercherai dengan suami-nya lalu menchari Yahya. Pada akhir cherita-nya, Yahya telah kahwin dengan Kamariah yang banyak membuat jasa kapada Yahya yang selalu tertimpa malang itu. Dengan persetujuan isteri tua-nya — Kamariah, Yahya telah menikah pula dengan Nyonya See Hoo yang telah memelok agama Islam dan memakai nama Fatimah.

Akhir-nya waktu mereka berbulan madu di-Tanjong Bunga, mereka telah berjumpa dengan rombongan bapa Yahya dari Kuala Lumpur serta keluarga Haji Din dan Abdul Samad dari Bukit Mertajam. Yahya meminta ma'af atas segala kesilapan terhadap bapa-nya dan dengan persetujuan bapa-nya itu, Abdul Kahar, Yahya pun di-nikahkan dengan Bedah anak Haji Din.

Dalam menchari dan membuat pembaharuan bagi nobel2-nya Ahmad Rashid Talu masch belum terlepas seluruh-nya dari teradisi lama. Walau pun ia sudah mendapat gaya baru dengan perbualan kertas, dawat dan kalam pada sa-tiap akhir bab cherita-nya, tetapi shaer masch merupakan bahan selingan yang penting pula:

Anak rambut-nya melentek wilis
Kening-nya sa-bagai awan di-tulis
Di-pandang jauh terlalu majlis
Hati kekanda tertumpah habis.

Pipi laksana pauh di-layang
Melebeh daripada budak-nya wayang
Siapa-kah mengatakan hati ta' sayang
Tidor malam terbayang2.

Telinga saperti kelopak layu
Terpuji benar anak Melayu
Abang memandang berhati sayu
Mati-lah abang sa-bagai jentayu.

Beliau juga menchara menuliskan perchakapan pe-lakun2-nya itu saperti apa yang di-tutorkan oleh orang2 di-mana pelakun itu berada. Bahasa daerah sadikit sa-

banyak menguasai gaya karangan-nya itu. Tetapi pengaruh bahasa2 asing sudah kurang daripada apa yang terdapat pada Syed Shaikh al-Hadi. Ini mungkin pengaruh pelajaran-nya yang agak terhad itu.

Ahmad Rashid Talu sa-bagai sa-orang berjiwa kebangsaan, menggunakan nobel2-nya menjadi alat penyaloran fikiran dan menyebarkan pengajaran-nya. Beliau telah membuat pembaharuan di-dalam lapangan penulisan nobel Melayu, dengan mengemukakan manusia Melayu dan juga manusia Tanah Melayu lain-nya sa-bagai pelakun2-nya. Membentangkan alam tanah ayer-nya sa-bagai tempat dan masa'alah serta fikiran manusia-nya sa-bagai pokok pembicaraan-nya. Dan nobel2-nya tidak lagi sadoran dan bukan terjemahan, baik, lancar dan mempunyai daya penarek. Oleh itu jasa-nya kapada perkembangan kesusasteraan Melayu ada-lah besar.

ABDUL RAHIM KAJAI

Nama: Haji Abdul Rahim bin Haji Salim.
Lahir: di-Setapak, Kuala Lumpur, Selangor.
Tahun: 1894 dan meninggal pada 5 Disember 1943.

Abdul Rahim di-lahirkan di-Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1894, dari keturunan Melayu. Ayah-nya, Haji Salim berasal dari Kajai, sa-buah daerah di-Minangkabau, Sumatera. Datang dan tinggal di-Selangor. Kemudian menjadi "Shaikh Haji" bertempat di-Mekah.

Abdul Rahim belajar di-Sekolah Melayu, Setapak, Kuala Lumpur. Pada tahun 1905 beliau lulus darjah lima, mendapat pilihan untuk melanjutkan pelajaran dengan perchuma di-Sekolah Inggeris, tetapi tidak mendapat kebenaran daripada ibu-nya. Pada tahun 1906 ia di-hantar belajar agama dan bahasa Arab di-Mekah. Dan tiga tahun kemudian ia pulang ka-Tanah Melayu. Tahun 1909 mulai bekerja sa-bagai pengator huruf di-pejabat perhitakan kerajaan di-Kuala Lumpur.

Sa-belum pindah ka-Singapura pada tahun 1912 Abdul Rahim telah mendirikan rumah tangga di-Kuala Lumpur. Pekerjaan sa-bagai pengator huruf di-Methodist Publishing House (sekarang Malaysia Publishing House) tidak lama. Beliau kembali ka-Kuala Lumpur, bekerja sementara sa-bagai pelukis pelatch di-sabuah pejabat jurutera bangunan. Lepas itu menjadi pelukis sementara di-Pejabat Ukor Kerajaan.

Manakala ayah-nya meninggal dunia di-Mekah pada tahun 1913, Abdul Rahim pergi ka-sana menguruskan pekerjaan bapa-nya sa-bagai "Shaikh Haji", di-sana beliau mengalami berbagai kesulitan kerana berlaku-nya peperangan dunia yang pertama. Pada tahun 1917 pulang ka-Malaya. Semenjak itu beliau mula menulis 'renchana2' untuk surat khabar "Utusan Melayu" keluaran Warta Free Press.

Waktu umur-nya menchapai 26 tahun, beliau telah kehilangan orang yang di-kaschi-nya; pada tahun 1920 itu isteri-nya meninggal dunia. Untok mengelakkan kekosongan hidup-nya, beliau telah berkahwin lagi. Tiga tahun kemudian Abdul Rahim berangkat ka-Mekah lagi, tetapi tidak lama, pada tahun 1927 beliau pulang ka-Kuala Lumpur menjadi penulis khas akhbar "Saudara". Sa-masa di-Mekah lagi beliau telah pun menjadi penulis khas kepada "Idaran Zaman". Dan di-Mekah itu tentu-lah beliau tidak membuang masa chuma2, ia mendalami bahasa Arab, kerana ternyata beliau sangat faseh berbahasa Arab kemudian-nya.

Pada 5 April 1930 berangkat ka-Pulau Pinang untok memegang jawatan penolong pengarang akhbar "Saudara". Dan pada 30 Ogos tahun itu juga beliau telah di-angkat menjadi pengarang pula. Sa-belum bintang-nya bersinar demikian terlebih dahulu ia sudah mengalami lembah yang gelap. Sa-olah2 beliau tahu di-alam persurat-khabaran-lah lorong hidup-nya, yang menarek ia bekerja ka-situ dari penjilid buku, pengator, penulis khas, penolong pengarang dan akhir-nya baharu-lah menjadi pengarang. Kalau beliau bekerja sa-tempat atau di-suatu pejabat sahaja mungkin juga menjadi suatu perkara yang biasa, tetapi Abdul Rahim berpindah dari suatu perhitakan ka-perhitakan yang lain.

Pada tahun sembilan belas dua pulohan ada-lah zaman pertumbuhan nobel Melayu yang di-pelopori oleh Syed Shaikh al-Hadi dan di-turutj oleh Ahmad Rashid Talu. Abdul Rahim Kajai yang telah mendapat banyak pengajaran persurat-khabaran daripada Syed Shaikh al-Hadi akhir-nya menchuba juga mengarang *nobel* pada tahun 1931. Buku-nya itu *Hikayat Dzul-Ruhain* tidak bagitu mendapat sambutan.

Sa-masa memimpin akhbar "Saudara" di-Pulau Pinang itu beliau telah menunjukkan keperibadian sa-orang wartawan sa-jati yang tidak mudah di-ugut dan di-perbudak. Pehak polis yang memberi nasihat supaya beliau jangan menulis perkara2 yang mungkin menimbulkan salah faham orang ramai, telah di-bidas pula kerana tidak menghormati beliau dengan tiada menyuruh dudok sa-masa memberi nasihat itu.

Pada hari berikut-nya pehak polis telah menjemput beliau datang lalu di-beri layanan baik sambil berbual² tentang kebebasan persurat-khabaran.

Apabila surat khabar "Majlis" hendak di-tubuhkan di-Kuala Lumpur pada tahun 1931, beliau telah meletak jawatan sa-bagai pengarang "Saudara" lalu pulang ka-Kuala Lumpur dan memegang jawatan pengarang akhbar "Majlis" yang baru di-buka itu. Oleh kerana penerbitan itu kekurangan tenaga, beliau juga membuat kerja² pemberita dan pentashih.

Sa-masa memimpin surat khabar "Majlis" beliau memperlihatkan semangat kebangsaan-nya, hinggakan surat khabar itu-lah yang lebeh banyak membinchangkan perkara² siasah dan hak² negeri anak Melayu daripada surat khabar Melayu yang lain.

Pada awal Februari 1938 berhenti dari memimpin akhbar "Majlis", beliau menjadi wakil akhbar "Warta Malaya" di-pejabat chawangan-nya di-Kuala Lumpur. Sa-tahun kemudian pindah ka-ibu pejabat "Warta Malaya" di-Singapura. Beliau memegang jawatan ketua pengarang akhbar harian itu. Semenjak beliau memimpin harian "Warta Malaya", sharikat akhbar itu bertambah maju yang mana dalam masa tiga bulan kemudian telah mengeluarkan mingguan "Warta Ahad" dan empat bulan lepas itu menerbitkan "Warta Jenaka" pula. Waktu berkhidmat dengan sharikat akhbar ini-lah beliau menghasilkan cherita² pendek yang tidak sedikit jumlah-nya.

Memang telah menjadi peribadi-nya yang tahu menghargai dan perchaya pada diri sendiri itu-lah beliau meninggalkan jawatan tinggi dan gaji besar itu pada bulan Jun 1939, lalu memasoki lapangan itu juga pada sa-buah sharikat baru yang belum tentu boleh untong. Oleh kerana sharikat baru itu di-tubuhkan oleh orang² Melayu sendiri dengan nama "Utusan Melayu Press Ltd." itu-lah beliau menggabungkan diri dengan tidak merasa ragu² lagi. Dengan sharikat penerbitan Utusan Melayu ini beliau pun menjadi ketua pengarang juga.

Sharikat akhbar Utusan Melayu yang mendapat ketua pengarang-nya Abdul Rahim Kajai itu pun mendapat sambutan dari orang ramai. Yang mana tujuh bulan kemudian telah mengeluarkan akhbar mingguan-nya "Utusan Zaman", dan lepas itu majallah bulanan-nya "Mestika". Beliau menjadi ketua pengarang ketiga2 penerbitan Utusan Melayu itu.

Pada tahun 1941 beliau mengarang "Panduan Wartawan". Pada akhir tahun itu beliau berchuti dan pulang ka-Kuala Lumpur. Apabila bandar itu di-tawan oleh Jepun pada 10 Januari 1942 beliau menetapkan hati untok terus menetap di-kampung sahaja. Tetapi pada akhir tahun itu 7 hingga 10 Disember beliau di-pilih untok mengunjongi "Persidangan Wartawan2 Sumatera dan Malaya" dan menjadi juru chakap kapada wartawan2 itu. Kemudian beliau di-tarek oleh pemerintah Jepun menjadi ketua pengarang "Berita Malai" yang di-terbitkan oleh Malai Sinbun di-Singapura pada tahun 1943. Pada 5 Disember tahun itu sa-telah mengidap sakit beberapa bulan beliau meninggal dunia di-rumah-nya di-Lorong 40, Geylang, Singapura. Di-kebunikan di-Perkuboran Bidadari.

Karya-nya

1930-31: Hikayat Dzul-Ruhain (Dua Jiwa)

1936-39: menghasilkan lebeh 40 buah cherpen.

di-bukukan oleh "Qalam" di-bawah tajok2 "Pa' Lachok", "Telatah Kajai", dan "Pusaka Kajai" empat penggal 1949.

di-bukukan oleh "Penerbitan Geliga" dengan tajok "Banyak Udang Banyak Garam" 1958 berisi 10 cherpen.

1941: Panduan Wartawan.

Abdul Rahim Kajai telah mengambil tempat yang terpenting dalam bidang perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Pendirian beliau amat luar biasa, kecekapan memberi nyawa dan mempertegoh kedudukan sa-tiap terbit-

nya akhbar2 Melayu ada-lah membuka sa-luas2 kesempatan pada perkembangan kesusasteraan Melayu kita. Zaman-nya itu surat khabar-lah satu2 lapangan tempat menyalorkan kesusasteraan. Oleh itu keberanian beliau meninggalkan kedudukan yang telah baik di-dalam sa-buah penerbitan akhbar lalu memasoki lapangan penerbitan yang baru lahir ada-lah sungguh luar biasa dan satu jasa yang besar terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu sa-terus-nya.

Abdul Rahim Kajai menunjukkan keberanian-nya itu bukan-lah sa-chara melulu sahaja. Keberanian-nya itu di-dorong oleh ketegohan peribadi-nya dan ketajaman pena serta kecekapan beliau mengarang. Sa-lain daripada tulisan-nya yang berupa renchana pengarang, pojok yang sangat menarek perhatian ramai, beliau juga mengambil inisiatif mengisi akhbar2 mingguan di-bawah pimpinan-nya itu dengan cherita pendek.

Sa-belum-nya memang telah ada cherita pendek Melayu di-akhbar dan majallah2, tetapi kebanyakan-nya cherita pendek terjemahan. Cherita2 itu pula panjang2, berbelas2 ribu perkataan bahkan sampai berpuluh ribu dan di-siarkan berpenggal2 dalam beberapa keluaran. Umum-nya cherita pendek itu mengandongi terlalu banyak kejadian cherita dan selalu-nya di-rasakan terlampau lebeh dari sa-patut-nya. Oleh yang demikian cherita2 itu sa-olah2 merupakan siri kejadian, dengan tiada pengolahan yang mendalam, rapi dan sejati.

Cherita pendek asli yang di-karang sendiri oleh penulis2 tempatan tidak bagitu sungguh2. Mereka mengarang sa-kadar memenohkan masa yang terluang sahaja, oleh itu nilai cherita pendek mereka tidak dapat meyakinkan pembacha sa-zaman-nya.

Kebiasaan pengarang2 itu telah di-tinggalkan oleh Abdul Rahim Kajai dan di-sokong oleh Ishak Haji Muhammad, mereka berdua mencheborkan diri dalam lapangan cherita pendek itu merupakan sa-bahagian daripada tugas harian mereka. Oleh itu terlepas-lah daripada mengarang unok memenohi masa lapang sahaja. Dalam kegiatan itu

Abdul Rahim telah menghasilkan 48 buah dan Ishak Haji Muhammad 23 buah cerita pendek.

Cerita2 Abdul Rahim Kajai yang berchorak luchu itu, di-sulamkan dengan pengajaran. Sa-bagai sa-orang yang mempunyai sifat berani dan degil, beliau menanamkan semangat kebangsaan dan keagamaan. Perasaan churiga terhadap penjajah begitu mendalam, sa-hingga di-dalam karya2-nya beliau berusaha meletakkan kemundoran bangsa kerana tekanan penjajahan. Apakala semangat kebangsaan memunchak, timbul-lah kebencian beliau kapada semua bangsa lain yang di-anggap kaki tangan penjajah dan sama2 menindas bumiputera.

Walau pun pendapat dan hati-nya begitu tegas, tetapi beliau tahu memilih tempat dan waktu-nya. Abdul Rahim memberikan semangat itu kapada orang2 Melayu kerana masharakat-nya maseh terganggu dalam suasana yang mengkhayalkan. Beliau menggunakan ketegasan itu di-sa'at menghadapi pihak yang tertentu.

Tetapi masa di-dalam pejabat, walau pun sa-bagai sa-orang ketua pengarang beliau merupakan manusia biasa yang sama2 memburu hidup. Dalam buku "Pusaka Kajai" penggal empat "Qalam" 1949 ada menchatetkan pada suara penerbit-nya:

'.....bagi rakan2 sa-jawat Tuan Haji Abdul Rahim Kajai yang maseh hidup lagi tentu-lah apakala terbacha atau telah membacha sa-mula kapada kandungan cerita karangan-nya sudah tentu terpandang2 bagaimana gaya Allahyarham itu tatkala menyudahkan satu2 cerita itu dengan mengadakan shaer-nya yang kerap kali di-bachakan-nya di-hadapan rakan sa-jawat-nya dengan rupa yang gembira dan bergurau senda.

'Sa-telah habis sahaja Allahyarham itu membachakan sa-rangkap shaer-nya maka ia pun membukakan kedua belah tangan-nya ka-hadapan serta dengan rokok-nya di-tangan sambil berkata: "Hiih." Kemudian kerana shok kapada shaer-nya itu ia pun mengenyet2kan mata sa-belah kanan-nya sambil mengangkat kepala-nya dan kemudian

terbahak2 ketawa beramai2. Dengan sebab gurau sendanya itu maka semua rakan sa-jawat-nya dan kaki tangan pejabat Warta Malaya itu sayang kapada-nya dan sa-kali pun ia di-tuakan di-dalam fikiran-nya atas sa-suatu masa'alah tetapi tentang masa'alah yang tidak di-faham-nya dengan chukup saperti dalam masa'alah furu' dalam agama atau masa'alah2 agama yang besar maka yang demikian Allahyarham itu melepaskan tanggongan-nya kapada Allahyarham Ustaz Hashim Yunus dan juga Tok Shaikh (Allahyarham Tuan Haji Abdul Rahim Kajai) selalu bertanya fikiran rakan2-nya walau sa-kali pun rakan2-nya itu di-pandang-nya sa-bagai anak-nya yang sa-olah2 menjadi panduan kapada Allahyarham itu, sa-olah2 ia berpegang kapada pepatah: Malu bertanya sesat di-jalan, malu bergalah hanyut sa-rantau.

"Dengan sebab perangai dan perasaan yang demikian itu-lah agak-nya Allahyarham itu mendapat banyak fikiran dan faham2 yang luas yang terbit daripada perbahathan atas perkara yang di-bahath dan dapat-lah ia mendirikan kalam-nya bukan mengikut faham daripada diri-nya atau fikiran daripada-nya tetapi ia-lah fikiran dan faham orang ramai ia-itu orang yang di-jumpai dan di-jadikan-nya sahabat handai-nya. Dengan sebab hendak mendirikan kalam-nya atas faedah orang ramai maka tidak-lah hairan sahabat2-nya payah mendapati ia di-rumah-nya walau pun pada malam hari, sebab sa-lepas daripada masa di-pejabat-nya Allahyarham itu berjalan ka-sana ka-mari berjumpa dengan orang ramai sa-bingga jauh malam baharu ia tiba di-rumah-nya. Demikian-lah keadaan dan perangai serta tabi'at Allahyarham itu."*

Cherpen2 yang telah di-hasilkan oleh Abdul Rahim Kajai dalam majallah2 itu kemudian-nya telah di-kumpulkan dalam "Pusaka Kajai" sa-banyak empat penggal, dan sa-puluh buah daripada-nya di-kumpulkan dalam "Banyak Undang Banyak Garam".

* Pusaka Kajai pgl. 4 — Qalam hal. 105, 106.

Keseluruhan cerpen2 beliau itu di-tulis dengan konsep semangat kebangsaan yang bersendikan agama. Jadi kesah2 masharakat sakeliling yang serba pinchang itu menjadi latar belakang cerpen2 beliau. Bagitu pun pengajaran-nya tidaklah dapat di-tulis sa-chara terus terang kerana memandangkan pemerentahan zaman-nya. Semua pengajaran itu di-salurkan dengan chara mithalan sa-mata2 kerana itu-lah satu2-nya chara yang di-fikirkan sesuai dengan masharakat yang masch sa-paroh sedar dan di-bawah kuasa penjajah pula.

Abdul Rahim Kajai ia-lah sa-orang pengibarat yang berjaya dengan menyalorkan-nya melalui sastera. Cerpen2 beliau berdiri di-atas lunas susila yang agong: Kebaikan dan Kejahatan. Berdasarkan lunas ini di-olah-nya cherita2 itu dengan thema baik di-balas baik, kejahatan di-balas kejahatan, atau pun kejahatan yang telah bertaubat di-balas baik pula dan lain2 sa-umpama-nya.

Oleh itu bolch di-katakan keseluruhan maksud cerpen2 Kajai itu menunjukkan yang pada mula2-nya mengalami berbagai rintangan, bagitu pun atas pehak yang baik akan mendapat balasan dengan kebaikan juga pada akhir-nya. Sabalek-nya pada pehak yang jahat walau pun pada mula-nya beroleh kejayaan dalam perbuatan-nya tetapi pada akhir-nya mendapat balasan yang sa-wajar dengan kejahatan-nya itu. Dan bagi pehak yang jahat sentiasa masch ada peluang untuk bertukar menjadi baik, kalau sudah sedar, lalu bertaubat dan menjadi baik, tentu-lah akan mendapat balasan dengan kebaikan.

Untuk lebeh jelas perhatikan-lah satu chontoh dari cerpen beliau yang berjudol: "*Bercherai Di-dalam Neraka Bertemu Di-dalam Shorga.*" Sa-orang gadis bernama Nuriah telah menolak kemahuan ibu-nya yang bergelar Mak Long. Ia menolak untuk di-kahwinkan dengan pemuda pemilehan orang tua-nya itu. Dan ia berkahwin dengan pemuda pilehan-nya sendiri bernama Anwar. Malang-nya pemuda pilehan-nya itu sa-orang penjudi, pemabok dan pemboros pula. Apabila mereka pindah ka-Singapura Anwar samakin berleluasa-lah, akhir-nya mereka menderita kepapaan,

kerana ketiadaan perasaan jujur pada Anwar dalam mengendalikannya rumah tangga mereka itu, Anwar mula menerima pembalasan; isteri-nya dan anak-nya pulang ka-Kuala Lumpur, meninggalkan dia di-dalam penderitaan itu. Dan pembalasan itu bertambah berat manakala ia mendapat khabar tentang kematian isteri-nya. Kerana tidak tertahan dengan pembalasan itu, Anwar segera insaf lalu bertaubat dan berazam akan membuang segala kejahatan dan mengubah kehidupannya kepada kebaikan. Di-sabua hutan negeri Pahang ia memulakan kehidupan di-atas kemahuan yang baik, akhirnya Anwar berjaya memperoleh keuntungan yang besar dari perniagaan tuba. Sa-bagai sa-orang yang telah menaruh pandangan kebaikan ia tidak lalai untuk berusaha menyibar agama Islam di-kalangan orang2 asli di-hutan Pahang itu. Akhir-nya Anwar pulang ka-Kuala Lumpur dan bertemu dengan isteri-nya yang di-kasehi. Sa-benar-nya isteri Anwar itu belum mati, chuma di-fitnahkan orang sahaja ia sudah meninggal dunia. Kemudian mereka kembali ka-alam rumah tangga yang aman dan bahagia.

Kejayaan pengibaratan-nya di-dalam cerpen ini sangat jelas. Anwar sa-bagai simbol kejahatan mendapat balasan jahat, tetapi di-sebabkan ia telah sedar lalu bertaubat dan bertukar kepada kebaikan, akhir-nya mendapat balasan yang baik juga.

Demikian-lah berjaya-nya pelopor penulis cerpen ini menghasilkan karya-nya yang berunsorkan pengibaratan hingga dapat mempengaruhi masyarakat zaman-nya.

Gaya bahasa Abdul Rahim terpengaruh bahasa Arab dan Inggeris. Bagitu pun pengaruh itu tidak terlalu menchachatkan karangan2 beliau. Tetapi yang nyata karangan beliau itu mirip gaya bahasa wartawan yang lebeh berat kemahuan melapor daripada bercherita dengan ditel. Hal ini mungkin kerana pengaruh pekerjaan-nya sa-bagai wartawan yang terlalu sebok itu, berkehendakkan mengarang serba pantas untuk memenuhi ruangan yang tersedia untuk-nya. Puisi juga menjadi satu kemestian pada pengarang ini. Sa-tiap cerpen di-sudahi dengan beberapa rangkap shaer. Sa-

olah2 tidak lengkap karangan-nya itu kalau tidak di-tuliskan shaer di-hujung-nya. Hal ini tidak dapat menambahkan nilai seni karya-nya itu. Kerana puisi itu menjadi tempat beliau berkhotbah belaka, pada hal cerpen itu sudah tamat dengan perkataan akhir bahasa prosa-nya.

"Pada suatu hari Hajjah Nuriah teringat ada menaruh sa-biji batu permata yang telah di-pusakai-nya turun temurun daripada nenek-nya tetapi ia tiada mengetahui rahasia-nya. Batu itu di-simpan-nya seperti suatu azimat sahaja tetapi memang di-sayangi-nya. Di-dalam hati-nya ini-lah sahaja harta aku yang tinggal kalau begitu lebeh baik-lah aku berikan kepada chuchu-ku Alang yang yatim ini. Ia pun mengeluarkan batu itu lalu di-berikan-nya kepada Che' Alang dengan kata-nya: "Ini-ah sahaja harta nenek yang ada lagi, terima-lah pemberian nenek."

"Walau pun batu2 ini kechil tetapi telah nenek puja berpuluh2 tahun lama-nya, kata-nya. Che' Alang yang baharu belajar ketawa itu menggenggam batu itu hendak di-bawanya ka-mulut-nya, tetapi batu telah terjatoh. Maimun telah terpandang akan batu itu lalu di-chapai-nya di-amati2-nya sa-biji berlian sa-besar ujung jari. "Ini berlian mak!," kata Maimun.

"Berlian atau bukan berlian itu-lah sahaja pemberian aku kepada chuchu-ku bawa-lah ka-bandar Ipoh jual-lah, untong2 ada harga-nya," kata Hajjah Nuriah.

"Pada keesokan hari-nya Siti Maimun dan Hajjah Nuriah boleh di-kata sudah mati hidup balek kerana batu berlian itu telah di-beli oleh saudagar intan dengan harga \$1,000. Dengan harga berlian itu Hajjah Nuriah menebus harta-nya balek lalu di-tukarkan kepada nama Alang. Semenjak itu tinggal-lah Hajjah Nuriah dengan kesenangannya berkaseh sayang dengan menantu-nya Maimun dan dengan chuchu-nya Alang yang besar di-tangan itu, wujud si-Alang sa-sungguh-nya umpama ubat yang mustajab bagi kedua-nya meliporkan hati terkenangkan mendiang Ma'amon bahkan sa-olah2-nya hilang Ma'amon itu dapat di-ganti.

Pada suatu hari Hajjah Nuriah menimang chuchu-nya sambil bershaer demikian bunyi-nya:

Besar-lah chuchu besar-lah Alang
 Gantikan ayah-mu yang telah hilang
 Bela-lah nenek ibu yang malang
 Selamat sempurna lalu berpulang.

Kesalahan nenek sudah-lah tentu
 Kemudian ibu-mu mestika ratu
 Intan mestika di-sangka batu
 Rupa-nya nenek di-daya hantu.

Anak nenek sudah-lah mati
 Tinggal-lah chuchu Allah berkati
 Di-ganti oleh Rabbil 'Izzati
 Besar-lah chuchu menjadi ganti.

Harapan nenek chuchu sa-orang
 Demikian ibu-mu masa sekarang
 Menimang Alang tersangat girang
 Suka-nya hati bukan sebarang.'

Suatu hal yang menchachatkan nilai2 karya Abdul Rahim Kajai kerana terlalu tegoh dengan thema yang agong itu hingga beliau terlupa konsep nilai sa-sabuah karya sastera. Beliau mengabaikan pengolahan dan perwatakan. Hampir semua watak2 dalam cherpen2 beliau tidak benar2 hidup sa-bagaimana manusia yang hidup di-dunia ini. Kalau sa-orang pelakun itu baik, tidak pernah-lah ia berbuat jahat dan kalau pelakun itu jahat, berbuat ma'asiat-lah ia sa-panjang hidup-nya.

Demikian juga kalau pada suatu ketika sa-saorang pelakun itu jahat, sa-panjang masa itu jahat sahaja-lah dia. Tetapi kalau sudah bertaubat dan menjadi baik, akan berbuat kebaikan-lah dia. Watak2 yang saperti itu tentu sahaja tidak dapat di-jumpai di-mayapada ini. Mereka itu merupakan patong2 untok pengarang menyalorkan konsep2-nya dengan memainkan patong2 itu saperti yang di-kehendaki-nya.

Sa-lain daripada itu pelakun2-nya menggunakan nama yang berpasang2. Kalau pelakun lelaki bernama Amin, mesti-lah pelakun perempuan-nya bernama Aminah. Jamil dengan Jamilah, Rahim dengan Rahimah dan sa-umpama-nya.

Peranan yang di-ambil oleh watak2 itu dapat di-ketahui daripada chara pengarang menyebut nama2 mereka. Sebutan "Che'" "Enche'" "Tuan" dan sa-umpama-nya di-gunakan untok menerangkan pelakun yang membawa peranan baik.

Sebutan "Si" di-gunakan untok menerangkan pelakun yang membawa watak burok atau jahat. Kadang2 nama yang hebat bunyi-nya dan baik erti-nya di-buboh pada pelakun yang membawa peranan baik. Nama2 yang bunyi-nya tidak elok di-buboh pada pelakun yang membawa watak jahat. Dan nama2 Melayu lama dan yang rengkas saperti Awang, Mat, Hitam dan sa-umpama-nya di-gunakan untok pelakun yang membawa peranan bodoh, luchu, bengong dan sa-bagai-nya.

Bagitu pun kechachatan nilai seni pada karya2 beliau itu tidak menghalang untok meletak Abdul Rahim Kajai sa-bagai pelopor cerpen Melayu dalam kesusasteraan moden kita.

BIBLIOGRAFI

- A History of Classical Malay Literature.*
— R. O. Winstedt.
- A Malay History of Riau and Johor.*
— R. O. Winstedt.
- An introduction in the Development of Modern Malay language and literature*
— M. Taib Osman.
- Banyak Udang Banyak Garam.*
— Abdul Rahim Kajai.
- Bimbingan Seni Sastera.*
— R. B. Selamatmulyana.
- Bunga Rampai Melayu Kuno.*
— Dr. M. G. Emeis.
- Cherita2 Jenaka.*
— Naskhah R. O. Winstedt.
- Dua Belas Kali Sengsara.*
— Ahmad Rashid Talu.
- Ensiklopaedia Indonesia.*
— Terbitan W. van Hoeve — Bandung.
- Hikayat Abdullah.*
— R. A. Dato' Besar dan Dr. R. Roolvink.
- Hikayat Anggun Che' Tunggal.*
Naskhah R. O. Winstedt.
- Hikayat Anak Dara Ghassan.*
— Syed Shaikh al-Hadi.
- Hikayat Awang Sulong Merah Muda.*
— Naskhah A. J. Struck dan R. O. Winstedt.

- Hikayat Bayan Budiman.*
— Naskhah R. O. Winstedt.
- Hikayat Bakhtiar.*
— Terbitan Balai Pustaka — Jakarta.
- Hikayat Faridah Hanum.*
— Syed Shaikh al-Hadi.
- Hikayat Hang Tuah.*
— Naskhah W. G. Shellabear.
- Hikayat Dalilah dan Daminah.*
— Balai Pustaka — Jakarta.
- Hikayat Malim Wewa.*
— R. O. Winstedt.
- Hikayat Malim Deman.*
— Naskhah R. O. Winstedt.
- Hikayat Panji Semerang.*
— Terbitan Balai Pustaka — Jakarta.
- Hikayat Pelandok Jenaka.*
— Suntingan Ahmad Murad.
- Hikayat Pendawa Lima.*
— Suntingan Khalid Husain.
- Hikayat Raja Muda.*
— Naskhah R. O. Winstedt.
- Hikayat Sang Kanchil.*
— Suntingan Ahmad Murad.
- Hikayat Seri Rama.*
— Naskhah W. G. Shellabear.
- Ia-kah Salmah.*
— Ahmad Rashid Talu.
- Ilmu Mengarang Melayu.*
— Dato' Dr. Za'ba.
- Inspirasi Pujangga.*
— Dada Meuraxa.

- Kawan Benar.*
— Ahmad Rashid Talu.
- Kesah Pelayaran Abdullah.*
— Abdullah Munshi.
- Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi.*
— Muhammad Ibrahim Munshi.
- Kesusasteraan Indonesia I dan II.*
— B. Simorangkir Simandjuntak.
- Kesusasteraan Baru Indonesia.*
— Zuber Usman.
- Kesusasteraan Lama Indonesia.*
— Zuber Usman.
- Kesusasteraan Indonesia Modern dalam Kritik dan Essey.*
— H. B. Jassin.
- Mengikuti Nobel.*
— Hasan Ibrahim.
- Misa Melayu.*
— Naskhah R. O. Winstedt.
- Modern Development dalam A History of Malay Literature.*
— Dato' Dr. Za'ba.
- Pantun Melayu.*
— R. J. Wilkinson dan R. O. Winstedt.
- Penyedar Sastera.*
— Dr. C. Hooykaas.
- Perintis Sastera.*
— Dr. C. Hooykaas.
- Persuratan Melayu, I, II dan III.*
— al-Edrus.
- Perkembangan Kesusasteraan Melayu.*
— Arenawati.
- Prosa Melayu Baru.*
— C. Skinner.

Pokok dan Tokoh.

— Prof. A. Teeuw.

Salasilah Melayu dan Bugis dan Sakalian Raja-nya.

— Raja Ali Haji.

Sastera Melayu Baru.

— Annas Haji Ahmad.

Sastera Melayu Lama.

— Annas Haji Ahmad.

Sejarah Bahasa dan Pustaka Melayu.

— Mashhor Malaya.

Sejarah Kesusasteraan Melayu I, II dan III.

— Abdul Samad Ahmad.

Sejarah Melayu terbitan Abdullah.

— T. D. Situmorang dan Prof. A. Teeuw.

Sejarah Alam Melayu II.

— Abdul Hadi Haji Hassan.

Sejarah Alam Melayu V.

— Buyong Adil.

Sejarah Melayu dan Sekitar-nya.

— Arinawati dan Wan Shamsuddin.

The Malay Annals of Sejarah Melayu.

— Naskhah Raffles 18.

Thema dan Tugas Sastera Melayu Moden.

— A Samad Said dan Usman Awang.

Tifa Penyaer dan Daerah-nya.

— H. B. Jassin.

Tahfat al-Nafis.

— Raja Ali Haji.

dan lain2.